

DR.8.11.2000

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 8 November 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sejauh manakah kekuatan Polis Marin menjaga perairan negara; dan
- (b) sejauh manakah kejayaan Polis Marin membanteras kegiatan lanun di perairan tersebut dan berapakah bilangan yang ditangkap dan dihukum dalam masa 5 tahun kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, pasukan Polis Marin terbahagi kepada 5 wilayah dan diketuai oleh komander pasukan Polis Marin yang berpusat di ibu pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Pada masa ini, pasukan Polis Marin memiliki 207 buah bot ronda pelbagai jenis di seluruh wilayah iaitu Utara, Selatan, Timur Sabah dan Sarawak. Sepanjang tempoh tahun 1998 ke tahun 2000, pasukan Polis Marin telah berjaya membanteras ramai penjenayah yang melakukan rompakan di laut. Dalam tempoh tersebut seramai 31 orang telah berjaya ditangkap dan 19 ditembak mati dalam pertempuran dengan pasukan Polis Marin kita. Kejayaan memburu ia lah di Batu Pahat iaitu seramai 3 orang rakyat Indonesia dari satu kumpulan perompak yang aktif menjalankan rompakan di Selat Melaka telah berjaya ditangkap oleh pasukan Polis Marin Malaysia.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Dilihat Polis Marin ini kalau semasa di laut seolah-olah tidak begitu menjalankan tugas dengan teratur, cuma bertugas kalau ada laporan dan juga kalau ada kes-kes rompakan. Apakah masalah yang dihadapi oleh Polis Marin ini dan apakah rancangan penyelesaian, misalnya bot-bot yang banyak di perairan pantai Sabah itu tidak saya melihat sekalipun ada *random checking*, dengan izin, ataupun pemeriksaan rambang. Dengan cara ini boleh menakutkan dan juga boleh mengesan beberapa bot-bot yang saya kira membawa barang-barang yang tidak dibenarkan. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya percaya Yang Berhormat juga tidak selalu ke laut. Sebenarnya schedule ataupun jadual siasatan yang dibuat oleh pasukan Polis Marin kita ini memang tidak diberitahu kepada umum. Adalah menjadi tanggungjawab pasukan Polis Marin kita menetapkan mana-mana bot dan ketuanya akan meronda di kawasan-kawasan yang tertentu mengikut kawasan kawalan mereka masing-masing.

Sudah tentulah bahawa apabila kita melihat sekali-sekala terdapat banyak bot yang tidak berjalan sebab kita ada di seluruh Malaysia ini terdapat 207 buah bot Polis Marin dan pada ketika yang tertentu dan pada masa tertentu 116 buah menjalankan operasinya di seluruh negara. Kalau dibandingkan daripada bilangan yang tertinggal ini sudah tentulah di tempat-tempat seperti di Sabah dan Sarawak yang umpamanya di Sabah ada 61, di wilayah Sarawak ada 26. Maka, Ahli Yang Berhormat akan melihat masih banyak lagi standby untuk menjalankan tanggungjawab mereka.

Bagi masalah penyeludupan barang-barang yang dibawa secara haram ke negara ini, bukan sahaja pihak Polis Marin kita menjalankan tindakan seperti itu, pihak Polis Udara juga ada memberi kerjasama termasuk pihak Imigresen dan Kastam. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun memberikan jawapan tadi dan kita ketahui bahawa negara kita dikelilingi oleh laut sama ada di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan bahawa kepentingan dan keperluan untuk kita

mewujudkan satu pasukan Polis Marin yang kuat telah merupakan keperluan kepada negara. Lebih-lebih lagi baru-baru ini bila berlaku penculikan dan juga pihak penculik meminta ransom, dengan izin, daripada mereka-mereka yang diculik.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dengan perkembangan terbaru hari ini, adakah kekuatan Polis Marin kita ini mencukupi untuk menjaga ketenteraman dan keamanan negara dan adakah kerjasama di antara Polis Marin dan tentera akan diteruskan berterusan sehingga bila-bila untuk mengawal keselamatan negara kita. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan dalam Dewan ini, bahawa walaupun apa yang saya sebut tadi terdapat hanya 207 buah bot tetapi dalam masa dan ketika ini setelah berlakunya kejadian penculikan di Pulau Simpadan dan Pulau Padanan kerajaan telah bersetuju untuk menambahkan jenis-jenis bot yang lebih bertenaga dan lebih maju untuk menghadapi masalah penculikan di perairan kita terutama di negeri Sabah.

Dalam menentukan bahawa kejayaan keselamatan di negara ini seperti yang saya telah jawab tadi tentang pembolosan ataupun kerja membawa masuk barang-barang haram ke negara ini bukan sahaja yang akan dikelolakan oleh pihak Polis Marin tetapi dibantu oleh pihak Polis Udara, pihak Imigresen dan Kastam. Dan bagi pengawalan yang lebih besar sebagai contoh di negeri Sabah pada ketika ini di perairan Sabah di bahagian di mana Sipadan dan Pulau Padanan, kita telah meletakkan bukan sahaja Polis Marin, kita telah meletakkan 6 batalion, PGA – iaitu pasukan gerak am polis kita di perairan Sabah dan kita telah dimaklumkan oleh Menteri pertahanan, saya percaya melalui Dewan ini dan melalui akhbar, ada 4 batalion pasukan Tentera Darat dan ditambah lagi satu batalion mengikut kata Menteri yang berkenaan, di samping kita memperkuatkan, kata Menteri Pertahanan, pasukan Tentera Laut kita bagi mengawal perairan dan pantai Sabah. Insya -Allah.

2. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia menyatakan sama ada kerajaan akan mengkaji terhadap penggunaan telefon bimbit yang akan mencetuskan kanser otak yang didakwa oleh sebahagian penyelidik asing. Jika tidak, kenapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian memang sedar mengenai dakwaan penggunaan telefon bimbit boleh menjejaskan kesihatan. Namun demikian tidak ada bukti yang jelas mengenai perkara ini. Telefon-telefon bimbit yang dipasarkan di Malaysia juga perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada SIRIM iaitu *type approval*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

Dato' Yap Piau Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk terus mengkaji secara teliti untuk menghapuskan rasa bimbang dan khuatir pengguna-pengguna yang mungkin mereka masih menganggap kegunaan telefon bimbit ini akan menjadikan satu kanser akan datang.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian fikir tidak perlu menjalankan kajian yang terperinci untuk memastikan tentang kesan telefon bimbit atas kesihatan. Ini adalah kerana ada banyak pertubuhan seperti WHO dan lain-lain organisasi antarabangsa yang telah menjalankan penyelidikan mereka dan kementerian boleh mengasaskan kedudukan tentang telefon bimbit atas kesannya, berasaskan daripada penyelidikan yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun, WHO yang telah menjalankan kajian, telah mengatakan bahawa setakat ini tiada bukti yang mengatakan bahawa telefon bimbit atau radio aktif boleh *induce* atau *mempromote* kanser.

WHO telah pun menjalankan kajian mengenai radio *frequency* yang akan diselaraskan di antara 10 negara di bawah *International Agency for Research On Cancer*, untuk memastikan kaitan di antara telefon bimbit dengan kanser di telinga dan kepala. Kajian ini dijangka siap pada 2003. Sekian, terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: Saya ingin membuat soalan tambahan. Selain daripada penyakit kanser ini, satu lagi penyakit baru yang saya rasa ekoran daripada penggunaan telefon bimbit ini ialah penyakit ego dan juga penyakit

Tuan Yang di-Pertua: Penyakit apa, Yang Berhormat?

Tuan Saupi bin Daud: Ego diri.

Tuan Yang di-Pertua: Ego.

Tuan Saupi bin Daud: Ego dan merasa meninggi diri.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Ia pun penyakit juga.

Tuan Saupi bin Daud: Penyakit [*Ketawa*] [*Disampuk*] Penyakit sosial, Tuan Yang di-Pertua. Ini wujud di kalangan terutama sekali para pelajar dan juga mahasiswa kita. Saya bangkitkan perkara ini kerana terlibat di kalangan pelajar kita yang mendapat pinjaman PTPTN umpamanya. Menggunakan separuh daripada pinjaman tersebut untuk membeli telefon bimbit yang canggih dan digantung di dada dan sebagainya sebagai lambang ego kepada para pelajar ini. Sedangkan yang kita sedihnya, di rumah mereka sendiri, di kampung mereka pun tidak ada telefon. Itu saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, penyakit ego ini adalah *in the mind*. Dulu mungkin telefon bimbit menjadi satu status simbol, sekarang yang naik motosikal pun kadang-kadang menggunakan telefon. Jadi, nampaknya itu menjadi satu keperluan asas khasnya di tempat-tempat yang tidak ada talian telefon – *fixes* Dan, telefon bimbit ini merupakan satu keperluan yang asas dari segi komunikasi. Walau bagaimanapun, memang ada yang lain – *hazard* yang dihadapi di mana membawa kereta semasa menggunakan telefon pun ada *hazard* dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

3. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan akan ambil membantu rakyat keturunan India yang disifatkan sebagai "disgruntled underclass" dan menganggap diri warganegara kelas ketiga yang tidak menikmati hasil pembangunan sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana soalan ini ada menyentuh dasar kerajaan secara umum, saya minta izin jawab agak panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, saya ingin merakamkan rasa kesal di atas penggunaan label *disgruntled underclass* dan warganegara kelas ketiga ke atas masyarakat kaum India. Saya berpendapat penggunaan label ini adalah sama sekali tidak wajar, tidak tepat dan

bermotif jahat. Saya percaya tidak ada mana-mana kaum India dalam negara ini yang menganggap diri mereka sebagai warganegara kelas ketiga. Ini adalah kerana semua rakyat Malaysia mempunyai taraf yang sama dalam Perlembagaan Persekutuan tidak pernah membeza-bezakan taraf kewarganegaraan di kalangan rakyatnya sendiri.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa masyarakat kaum India tidak menikmati hasil pembangunan sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah sama sekali tidak benar dan tidak berasas. Ekonomi kaum India, terus menunjukkan kemajuan yang menggalakkan dalam tempoh 30 tahun lepas.

Sejajar dengan peningkatan pendapatan per kapita negara, pendapatan isi rumah purata kaum India telah meningkat daripada RM304 pada tahun 1970 kepada RM1,209 sebulan pada tahun 1990 dan RM2,702 pada tahun 1999. Hasil daripada peningkatan pendapatan tersebut, insiden kemiskinan di kalangan masyarakat India didapati telah berkurangan daripada 39.2% pada tahun 1970 kepada 7.6% pada tahun 1990 dan 1.9% pada tahun 1999. Bagi golongan termiskin insidennya juga telah berkurangan daripada 1.2% pada tahun 1990 kepada 0.2% pada tahun 1999.

Semua kaum telah mendapat faedah daripada kesejahteraan ekonomi yang dialami dan masing-masing telah dapat meningkatkan kekayaan dan penyertaan mereka dalam sektor korporat. Berikutan itu, pemilikan ekuiti masyarakat India dalam sektor korporat telah meningkat daripada 1.0% pada tahun 1970 kepada 1.5% pada tahun 1998. Sungguhpun peratus pemilikan ini adalah kecil, tetapi jumlah pemilikan ekuiti mereka terus meningkat dari masa ke semasa. Pada tahun 1970, jumlah modal saham yang dimiliki oleh rakyat keturunan India adalah hanya sebanyak RM52.4 juta, pada nilai par dan ianya telah meningkat kepada RM4,600 juta pada tahun 1998.

Sehingga akhir bulan April 2000, kira-kira 158,008 pelabur di kalangan masyarakat keturunan India telah menyertai ASW dan ASM – amanah Saham MARA Berhad melalui MARA First Public Fund, ASM Premier Fund dan ASM Balance Fund – dengan nilai pelaburan sebanyak RM188.8 juta. Di samping itu, pengwujudan tabung-tabung amanah yang diuruskan oleh pihak swasta juga telah membuka peluang untuk melabur yang seluas-luasnya kepada semua rakyat Malaysia termasuk keturunan India.

Dari segi penyusunan semula guna tenaga, peratusan guna tenaga India dalam pekerjaan profesional seperti akauntan, arkitek, doktor, jurutera dan peguam didapati telah meningkat dari masa ke semasa. Peratusan guna tenaga India dalam profesion ini ialah sebanyak 13.1% pada tahun 1997. Penyertaan guna tenaga India juga telah tinggi dalam syarikat-syarikat yang berasaskan IT dan pada tahun 1998 ianya dianggarkan sebanyak hampir 12%. Sebahagian besar daripada mereka didapati terlibat dalam pekerjaan profesional seperti jurutera di samping bidang pengurusan dan pentadbiran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Trengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang kedudukan kaum India dari sudut *crime* ataupun jenayah di negara kita kerana ianya mempunyai perkaitan dengan kemiskinan yang ada di negara kita. Adakah Yang Berhormat menyedari bahawa yang terlibat dalam *crime* dalam kumpulan-kumpulan haram, kumpulan haram Indialah antara yang paling banyak. Dari segi *squatters*, dengan izin, di Kuala Lumpur, 15% adalah kaum India. Dari segi penduduk yang mempunyai ataupun rate unemployment, kaum Indialah yang paling tinggi. Dari segi rate of landlessness, kaum Indialah yang paling tinggi. Dari segi rate of drop-outs di sekolah rendah dan sekolah menengah, kaum Indialah yang paling tinggi. Dari segi highest rate of alcoholism, kaum Indialah yang paling tinggi.

Soalannya yang saya sebutkan, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat adalah bagaimana kalau kita tidak memberikan satu pembelaan yang baik kepada mereka. Dalam keadaan statistik-statistik yang ada ini jelas menunjukkan mereka perlu kepada pembelaan yang sepatutnya dan sewajarnya. Terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali, persoalan statistik *crime* atau jenayah ini KDN jawab, tetapi yang lain itu ada kaitan untuk saya jawab. Pertama sekali, Yang Berhormat janganlah tengok perangkaan Yang Berhormat sahaja. Ini masalah pembangkang, dia hendak ikut perangkaan dia sahaja. Perangkaan saya sudah baca sampai berbuih mulut, ini satu kenyataan bahawa peningkatan daripada semua aspek adalah tidak boleh dinafikan ianya....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, perangkaan yang saya beri adalah perangkaan rasmi kerajaan.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya pun beri perangkaan rasmi. Bagilah saya jawab, sabarlah.

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah dia jawab. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, biarlah bagi dia jawab ya.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tak apa, saya tengok Yang Berhormat ini dia selalu cakap benda betul atau tidak, tolong beri kepada saya, saya hendak tengok kenyataan. Beri kepada Bentara, tolong ambil satu saya hendak tengok. Dahulu dia tipu saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Dia ini kadang-kadang tunjuk benda yang tak betul. Tolong minta saya hendak tengok. Bagi kepada saya, saya hendak jawab Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan jawapan.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua, dengan minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua, supaya perangkaan yang ada kaitan daripada kerajaan, tolong beri kepada Bentara. Saya akan baca.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, jawablah Yang Berhormat.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, okay saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawablah.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya juga membuat perangkaan daripada apa yang dibuat oleh pihak kerajaan. Kalau perangkaan.....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Bagilah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila...

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Sebab dahulu dia tipu saya, Tuan Yang di-Pertua, saya geram dengan dia. *[Sorak]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Okay.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, cukuplah. Sudahlah. Yang Berhormat, sila teruskan jawapan ya.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya minta ini, Tuan Yang di-Pertua....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Dia tipu ni.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya tak tipu. Bagilah satu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudahlah.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya cabar macam ini sebab dahulu, Tuan Yang di-Pertua, dia tunjuk kepada saya satu perkara yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ini dituju kepada Yang Berhormat yang tidak betul.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Bagilah!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya boleh bagi, tak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, sudahlah, jawablah ya.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab. Sebab ini cabar kepada perangkaan. Saya hendak nyatakan perangkaan yang saya bagi ini perangkaan daripada pihak kerajaan. Dan saya sudah kata tadi kemajuan yang telah dicapai. Kalau betul itu perangkaan Yang Berhormat ambil, kita tidak boleh nafikan di dalam negara kita terbilang daripada pelbagai kaum, kaum Cina, India dan Melayu, ini golongan yang terbesar. Mungkin kalau kita tengok perangkaan-perangkaan daripada kaum-kaum yang lain, mungkin juga lebih teruk daripada kaum India. Dasar kita, kita ingin membela semua nasib bangsa serampang dua mata, membasmi kemiskinan dan juga menyusun semula masyarakat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita harap bahawa pemikiran pihak pembangkang jangan terlalu *prejudice* kepada satu-satu kaum, ini tidak betul. Kita tidak nafikan, bila sebut jenayah kita tidak boleh kata satu-satu kaum sahaja terlibat, semua kaum terlibat, ada Melayu, ada Cina dan ada juga India.

Jadi, saya harap pembangkang berhentilah, kalau ada *prejudice* seperti ini cukuplah bagi *prejudice* sesama kita Islam bahawa PAS sahaja yang lebih Islam daripada orang lain. Jadi, kaum-kaum lain ini kita jangan *prejudice* dan negatif kerana

ini bukan kita tidak boleh melabelkan bahawa kegiatan-kegiatan negatif ini melibatkan kaum-kaum tertentu. Saya harap kita sama-sama rakyat di Malaysia kita harus menghormati dan juga membela nasib tanpa mengira kaum dan masa. Terima kasih.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, dia tak jawab soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya bagi statistik yang....

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Yang Berhormat di sana sudah dijangkiti *denial syndrome* bahawa wujudnya satu masalah besar dalam masyarakat India. Saya ada di sini statistik dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang, satu kajian sosial economic masyarakat India menunjukkan ekuiti orang India cuma 0.2% [*Tepuk*] Ini menunjukkan masyarakat India terpinggir dalam arus pembangunan sehingga walaupun laporan ini dibuat dalam bulan Februari 1999 kerajaan tak berani keluarkan kerana pilihan raya akan datang.

Jadi, saya ingin tanya memandangkan mereka ini terpinggir dari arus pembangunan telah menyebabkan seperti Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu kata yang sendiri diakui oleh Presiden MIC bahawa penglibatan kaum India dalam jenayah berat adalah sangat membimbangkan dan merunsingkan. Jika tidak ada tindakan diambil, beliau khuatir dalam 20 tahun akan datang tak ada pemuda India lagi sebab semua terlibat dalam jenayah kena bunuh atau bunuh orang.

Jadi, saya berharaplah [*Disampuk*] dalam dasar pembangunan wawasan ini kerajaan dapat mengam bil tindakan-tindakan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh masyarakat India. Sekian.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak jawab. Saya kata tadi, soalan yang ditanya oleh Kuala Terengganu tadi perangkaan mengenai jenayah itu sepatutnya KDN. Sebe narnya itu Kementerian Dalam Negeri punya jawapan mengenai jenayah. Saya jawab secara dasar mengenai pembelaan kerajaan terhadap kaum India.

Mengenai soalan Yang Berhormat, saya pun sudah sebut tadi sebab Yang Berhormat tak mahu dengar jawapan saya. Saya sudah sebut tadi, kita juga tidak menafikan. Dalam jawapan yang saya beri tadi ekuitinya memang satu peratus, saya sudah sebut. Tetapi saya juga menyatakan bahawa ekuiti mereka terus meningkat dari masa ke semasa.

Pada tahun 1970, saya memberitahu, kita mengakui satu peratus, tetapi jumlahnya, pada tahun 1970 jumlah modal saham yang dimiliki oleh rakyat keturunan India adalah hanya sebanyak RM52.4 juta. Tetapi ianya telah meningkat pada tahun 1998 kepada RM4,600. Saya sudah sebut perangkaan, dia tengok dari segi peratusan. Kita juga akui peratusannya rendah tetapi *volumenya* tinggi.

Kenyataan Yang Berhormat mengenai kenyataan Presiden MIC mengenai kegiatan kaum India di dalam jenayah, ini kita tidak menafikan. Ini kenyataan-kenyataan politik. Begitu juga kita daripada UMNO kita juga selalu membuat kenyataan kita merasa bimbang penglibatan pemuda-pemuda Melayu di dalam dadah. Begitu juga daripada MCA, baru-baru ini mereka juga membuat satu kenyataan memerangi pil ecstasy. Ini semuanya menunjukkan bahawa setiap pemimpin yang mewakili kaum, tiap-tiap kaum dalam negara kita begitu prihatin masalah kaum masing-masing. [*Tepuk*] Bukan seperti parti pembangkang, hanya tahu membangkang tetapi tidak tahu apa yang dia cakap. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kedua-dua pihak puas hatikah? [*Ketawa*]

4. **Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di Sabah terutama sekali doktor pakar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini saya rasa pihak pembangkang kedua-dua parti....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Tuan S.G. Sothinathan: Tetapi saya rasa saya perlu beri penjelasan. Mereka semata-mata.... [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *out of order* itu.

Tuan S.G. Sothinathan: Tetapi janganlah gunakan Dewan untuk ceramah politik. *[Disampuk]* Sebab kita tahu pilihan raya kecil akan...*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *out of order* Yang Berhormat.

Tuan S.G. Sothinathan: Jangan cakap sahaja, kalau boleh buat baru cakap. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab soalan nombor 4, Yang Berhormat.

Tuan S.G. Sothinathan: Seolah-olah MIC tak buat apa-apakah. *[Disampuk]* Dalam pilihan raya kecil kita boleh tengok apa PAS buat, apa DAP buat, kita boleh tengok. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah tegur. *[Disampuk]* Sila teruskan jawapan soalan nombor 4, Yang Berhormat.

Tuan S.G. Sothinathan: Kita bagi dia orang sikit baru dia boleh faham apa itu. *[Ketawa]* Jangan cakap sahajalah, buat dahulu baru cakap. *[Ketawa]* Buat dahulu baru cakap. *[Ketawa]* *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab nombor 4, Yang Berhormat.

Tuan S.G. Sothinathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan di atas bersama dengan tiga lagi soalan mengenai isu yang sama. *[Disampuk]* Diamlah, nanti saya baca barulah tanya soalan. Janganlah ganggu saya, nanti saya cakap yang lain, nanti semua bangun. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan di atas bersama dengan tiga lagi soalan mengenai isu yang sama iaitu dari Ahli Yang Berhormat bagi Kapit pada 30 November 2000, Ahli Yang Berhormat bagi Jelutong pada 12 Disember 2000 dan Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu pada 14 Disember 2000.

Pada ketika ini jumlah jawatan Pegawai Perubatan Gred U3 yang diluluskan bagi negeri Sabah adalah sebanyak 582. Pengisian jawatan adalah sebanyak 406, iaitu 69.76%. Dalam masa yang sama terdapat seramai 35 orang Pegawai Perubatan berkhidmat secara kontrak di sini. Jika diambil secara keseluruhan, peratus pengisian meningkat kepada 75.77%. Sementara itu, bagi Pakar Gred U2 ke atas adalah seramai 12 orang. Dalam masa yang sama terdapat seramai 34 orang pakar kontrak berkhidmat di negeri ini. Namun begitu, kementerian sentiasa peka dari masa ke

semasa bagi menambah bilangan sama ada pegawai Perubatan mahupun pakar untuk ditempatkan di negeri ini.

Justeru itu, antara langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini adalah:

- (i) negeri Sabah diberikan keutamaan semasa membuat penempatan Pegawai Perubatan yang telah menamatkan latihan siswazah;
- (ii) penempatan Pegawai Perubatan atau pakar kontrak diberikan keutamaan di Sabah dan Sarawak;
- (iii) mengkaji semula kemudahan istimewa yang boleh diberikan kepada Pegawai Perubatan yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan jumlah doktor berkhidmat dengan kerajaan adalah mencukupi, adalah seperti berikut:

- (i) menambah bilangan keluaran Pegawai-pegawai Perubatan di universiti-universiti awam, swasta, tempat andan luar negara;
- (ii) mengambil Pegawai Perubatan atau pakar kontrak dari luar negara di mana pada ketika ini terdapat 329 orang Pegawai Perubatan kontrak berkhidmat di Kementerian Kesihatan. Dalam masa yang sama kementerian bercadang untuk mengambil Pegawai-pegawai Perubatan kontrak daripada Indonesia lebih kurang 300 orang;
- (iii) memperbanyakkan peluang dan memudahkan serta mempercepatkan proses kenaikan pangkat terutama kepada Pegawai Perubatan yang mempunyai kepakaran. Secara perbandingan kenaikan pangkat Pegawai Perubatan adalah lebih cepat jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai yang setaraf dengannya dalam skim perkhidmatan lain;
- (iv) memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Perubatan melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana untuk mendapatkan

kelulusan kepakaran sama ada menerusi sistem terbuka mahupun sepenuh masa, iaitu sistem tertutup. Sistem terbuka bermaksud pegawai-pegawai berkenaan menjalankan perkhidmatan secara biasa di hospital-hospital yang diiktiraf dan dalam masa melanjutkan pengajian dalam disiplin-disiplin kepakaran tertentu. Sementara itu, bagi sistem tertutup pegawai berkenaan diberi cuti belajar bergaji penuh melanjutkan pelajaran di universiti-universiti sepenuh masa. Bagi bidang-bidang *subspecialty* yang tidak diperolehi dalam negara, kementerian juga menghantar Pegawai-pegawai Perubatan bagi menjalankan kursus berkenaan di luar negara.

- (v) menambahkan keadaan persekitaran tempat kerja dengan melengkapkan hospital atau klinik dengan peralatan berteknologi tinggi serta memperbanyakkan teknologi maklumat yang dapat membantu Pegawai Perubatan menghasilkan kerja yang bermutu tinggi. Juga memberi bantuan berupa biasiswa kepada penuntut-penuntut Perubatan sama ada di dalam mahupun di luar negara dengan ikatan kontrak berkhidmat dengan kerajaan selama 10 tahun bagi ijazah pertama perubatan dan ikatan kontrak selama lima tahun bagi ijazah lanjutan.
- (vi) memantau perkhidmatan wajib yang dikenakan kepada Pegawai Perubatan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Artikel 40 dan 41, Akta Perubatan 1971

Menyedari hakikat bahawa perkhidmatan Pegawai Perubatan sangat-sangat diperlukan, malah ia diklasifikasikan perkhidmatan kritikal, maka kementerian telah membuat kajian bagi memperbaiki struktur skim saraan ke arah yang lebih baik. Hasil daripada kajian ini melalui pembentangan belanjawan baru-baru ini, telah dicadangkan elaun kritikal yang diberikan kepada Pegawai-pegawai Perubatan dinaikkan daripada 5% daripada gaji pokok sebulan kepada RM500 sebulan.

Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan Pegawai Perubatan akan berkhidmat dengan lebih lama lagi dengan kerajaan dan seterusnya akan dapat mengatasi masalah kekurangan Pegawai Perubatan yang dihadapi pada ketika ini. Kementerian sememangnya prihatin terhadap keperluan pakar sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Di samping itu juga, kementerian sentiasa memantau perkembangan wabak penyakit kronik yang menular pada ketika ini.

Berbalik kepada penempatan seorang doktor pakar di setiap daerah yang boleh diklasifikasikan sebagai hospital pakar. Pengklasifikasian tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan kepakaran di daerah berkenaan. Sekiranya sesebuah hospital daerah diklasifikasikan sebagai hospital pakar, kementerian akan menyediakan bukan sahaja pakar tetapi juga perkhidmatan yang berkaitan. Ini bagi membolehkan perkhidmatan kepakaran dapat berfungsi dengan sewajarnya.

Dalam masa yang sama, universiti-universiti tempatan telah berjaya mengeluarkan graduan yang mempunyai kepakaran di bidang perubatan keluarga. Graduan-graduan berkenaan ditempatkan di poliklinik kesihatan terutamanya di daerah-daerah bagi menampung keperluan kepakaran di sana. Dengan demikian, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut sebenarnya telah pun diambil tindakan awal oleh kementerian.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengamatan saya di Sabah sebahagian besar daripada doktor-doktor yang berkhidmat di hospital-hospital terdiri daripada suku kaum India. Begitu juga di klinik-klinik swasta ianya juga terdiri dari ramai doktor India, menunjukkan peningkatan suku kaum ini di dalam bidang ini, tidak seperti yang dinyatakan oleh pihak pembangkang sebentar tadi.

Soalan saya, apakah keyakinan kerajaan terhadap insentif yang telah diberikan dalam belanjawan kita pada tahun depan ini akan mampu menarik lebih ramai doktor-doktor pakar (specialist) untuk berkhidmat dengan kerajaan dan pada masa yang sama membendung pengeluaran doktor-doktor pakar daripada perkhidmatan kerajaan. Apakah keyakinan kerajaan?

Tuan S.G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu adalah satu fakta. Kita mesti menghargai

kedudukan ataupun pencapaian seseorang. Janganlah kita 'seriat' 1%, 2% yang menjadi masalah itu sebagai isu dan mengabaikan pencapaian 98% daripada masyarakat. Itulah menunjukkan betapa baiknya seorang Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional ini. *[Tepuk]* Tetapi mereka semua hendak pancing undi untuk pilihan raya kecil, dia tahulah, dia hendak jadi jaguh kaum India, itu sahaja. *[Ketawa]* Tak ada niat, saya tahu PAS itu masa pilihan raya kecil di Teluk Kemang.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab soalan itu.

Tuan S.G. Sothinathan: Saya memang sudah banyak pengalaman dengan mereka semasa pilihan raya kecil, saya tahu taktik mereka. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, yalah Bercakap di Lunas, Yang Berhormat.

Tuan S.G. Sothinathan: Saya akan jawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Empty vessel makes the most noise, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Apa itu Yang Berhormat. Apa yang cakap itu. *[Ketawa]* Cuba terjemahkan dalam Bahasa Malaysia.

Tuan S.G. Sothinathan: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua....

Beberapa Ahli: Tong kosong!

Tuan S.G. Sothinathan: Tong kosong yang membuat bising yang banyak. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila terus jawab.

Seorang Ahli: Tong todikah?

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, elaun kritikal yang diumumkan dalam belanjawan ini sebenarnya daripada 5% daripada gaji pokok yang ditetapkan sebanyak RM500 ini adalah satu insentif bagi doktor-doktor yang akan bermula untuk berkhidmat dan khususnya ke semua doktor tetapi dari segi insentif untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak, kementerian begitu prihatin dan kita sedang juga mengkaji lain-lain insentif yang boleh diberi kepada doktor untuk berkhidmat dan pada masa yang sama untuk memastikan lebih banyak doktor pakar dapat pergi ke Sabah dan Sarawak, kita sedang mengkaji satu sistem dan penggajian di mana

mereka diberi lebih banyak insentif supaya mendorong mereka untuk pergi ke Sabah dan Sarawak daripada berada di Semenanjung Malaysia. Sekian.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini memang suka berpolitik, bagus simpan itu untuk di Lunas nantilah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan tadi, di mana sekadar 75% kira-kira kekosongan doktor dan pakar-pakar di Sabah, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada tahun 1994 manifesto Barisan Nasional Negeri Sabah menjanjikan bahawa menjelang tahun ini, tahun 2000, angkanya ialah satu doktor bagi setiap 2,500 penduduk. Ini mahu 2,000 tahun 2000 ini sudah Tuan Yang di-Pertua, apakah angka yang terkini? Kita dimaklumkan masih lagi satu doktor bagi 5,000 penduduk, bilakah satu doktor bagi setiap 2,000 penduduk itu yang dijanjikan dapat ditunaikan dan bagi purata yang dikatakan sekadar 75% yang diisi bilakah 25% yang belum diisi itu akan diisi. Kita mesti ada matlamat, kalau tidak, sepuluh tahun ini juga angkanya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta jawapan yang tepat daripada Yang Berhormat.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya nisbah saya hendak jawab juga, saya bukan cakap orang politik sahaja, ini tugas kementerian. Jadi, tugas kementerian dan politik itu tidak boleh dipisahkanlah ya.

Tuan Yang di-Pertua, nisbah doktor di Malaysia pada masa ini kita bukan lagi menyatakan kita tidak memisahkan kawasan-kawasan, kita hendak menyatupadukan semua rakyat. Jadi, apa Yang Berhormat menyatakan itu adalah selepas kalau kita mengisi 80% dari kekosongan bila ada jawatan-jawatan pun baru diwujudkan, memang nisbah ia kurang, tetapi ini adalah kerana jawatan baru yang diwujudkan.

Pada keseluruhannya di seluruh Malaysia, kita ada lebih kurang pengisiannya adalah di antara lebih kurang 72% atau 73% tetapi di Sabah dan Sarawak, pengisian pada setakat ini adalah lebih kurang dalam lingkungan 60% sahaja jawatan. Nisbah doktor pada tahun ini adalah seorang doktor kepada 1,800 orang dan Kementerian Kesihatan mempunyai sasaran untuk mewujudkan satu nisbah di mana pada tahun 2020 untuk 800 orang kita adakan seorang doktor. Sekian.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak menjawab soalan saya, saya bilang satu bagi negeri Sabah. You should have, harus ada angka

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah, sudah, sudah Yang Berhormat, Yang Berhormat.

5. Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jarlun] minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan semenjak dari tahun 1980 sehingga 31 Ogos 2000, berapa banyakkah rizab tanah-tanah Melayu yang telah diubah syarat (title) untuk pembangunan pelbagai sektor.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tanah rizab Melayu yang telah ditukar syarat mengikut jumlah hak milik yang diperolehi daripada rekod kerajaan-kerajaan negeri sehingga 31 Ogos 2000 adalah berjumlah 20,865 hak milik, manakala jumlah keluasan adalah seluas 17,201 hektar. Penukaran syarat ini bagi tujuan pembangunan perumahan, komersial dan kegunaan awam seperti sekolah, hospital dan sebagainya.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin tahu, berapakah yang kerajaan sudah memberi ganti kepada tanah-tanah yang telah diambil untuk dimajukan itu di samping berapa pula yang belum dan berapa banyak dalam hektar tanah-tanah terbiar yang belum dimajukan di seluruh negara kita terutama di Seberang Perai, Kedah dan Perlis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan tanah terbiar. Soalan yang asal tidak sebut.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ada sangkut paut itu. Kenapa tidak diambil yang itu untuk dimajukan maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Hanya berkenaan dengan tanah rizab sahaja, Yang Berhormat ya. Sila jawab.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat minta semenjak dari tahun yang telah diubah syarat, soalan tambahan Yang Berhormat saya ingat keluar dari soalan asal.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana jawapan yang diberikan berhubung dengan tanah-tanah rizab orang Melayu dalam negara kita ini. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berhubung dengan tanah-tanah rizab Melayu yang telah diambil yang diganti, saya ingin tahu garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Terima kasih.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum, garis panduan jatuh kepada tanggungjawab negeri-negeri seperti contoh macam Kedah lain daripada negeri Johor dan apa yang mustahak ialah kegunaan tanah itu dan tidak ada secara garis panduan yang general. Terima kasih.

6. Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh] minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah kementerian akan meneruskan pembukaan kampus-kampus cawangan universiti tempatan di luar kampus induk dan berapakah jumlah kampus-kampus cawangan seperti ini akan dibuat; dan
- (b) bilakah kampus cawangan Universiti Malaya di Temerloh, Pahang akan mula dibina.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya memberi jawapan dan sebelum itu saya ada sedikit mukadimah bagi jawapan saya. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional, kita mempunyai 14 buah parti komponen, jadi setiap kaum diwakili dan segala perancangan kita adalah menurut kehendak dan setiap kaum adalah terbela.

Jadi, dalam hal ini kita dapati salah sebuah parti komponen kita iaitu MIC membela nasib orang-orang India.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Lunaslah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi, saya hairan ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta jawab soalan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dak, ini muka dimah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. [*Ketawa*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebab, saya pun tidak faham sejak bila parti PAS hendak mengambil alih tugas-tugas MIC? [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah, ya cukuplah itu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi, jawapan selanjutnya ialah bagi jawapan:

- (a) Pembukaan kampus cawangan adalah bergantung kepada keperluan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk berkembang dalam bidang-bidang yang ditawarkan dan juga bidang kepakaran yang ingin dimajukan oleh IPTA berkenaan. Di samping itu juga, faktor enrolment pelajar dan keperluan prasarana tambahan turut menjadi asas pertimbangan untuk menubuhkan kampus cawangan.
- (b) Kampus cawangan Universiti Malaya di Temerloh, Pahang masih dalam peringkat perancangan dan telah dikemukakan untuk kelulusan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Sebagai maklumat tambahan kepada Yang Berhormat dari Temerloh, di sini cawangan kampus ialah seperti UIA misalnya, kita terdapat di Kuantan bagi fakulti perubatan. UNIMAS juga kita ada kampus cawangan iaitu di Kuching fakulti perubatan. UMS juga ada kampus cawangan di Wilayah Labuan di mana khususnya adalah lebih mirip kepada soal banking. Manakala UiTM pula boleh dikatakan semua negeri mempunyai cawangan kampus UiTM.

Kolej Tunku Abdul Rahman juga mempunyai cawangan-cawangannya seperti di Segamat, Karak, Pulau Pinang dan Kampar. Universiti Malaya mempunyai kampus cawangannya di Nilam Puri, Kelantan dalam bidang pengajian Islam. Saya ulangi - Universiti Malaya mempunyai kampus cawangan di Nilam Puri, Kelantan...

Seorang Ahli: Tak dengar!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kelantan. *[Ketawa]* Dan dalam bidang pengajian Islam, jadi di mana yang kata pihak Kerajaan Barisan Nasional tidak mengambil berat mengenai dengan Islam. *[Tepuk]* PAS tidak ada apa-apa pun dia buat di negeri Kelantan, manakala USM - sekali lagi saya ulangi - mempunyai cawangan kampusnya dalam bidang perubatan di Kubang Kerian, Kelantan. Saya ulangi - Kelantan. *[Ketawa]*

Dan USM juga mempunyai cawangan kampusnya di Sri Iskandar, Perak dalam bidang engineering. UKM juga ada cawangan kampus perubatannya di Jalan Raja Muda. UPM mempunyai cawangan kampus di Bintulu tetapi sudah pun dihentikan operasinya. Manakala UTM pula mempunyai cawangan kampusnya di Pekan, Pahang, diploma dalam bidang engineering. Terima kasih.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ucap terima kasih atas penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa kampus cawangan Universiti Malaya di Temerloh ini telah pun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Saya kira dasar kampus luar bandar ini, kampus luar daripada kampus induk ini penting sekali kerana bukan sahaja boleh membawa pendidikan tinggi ke luar bandar, tetapi lebih penting daripada itu untuk membantu pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, berapa agaknya anggaran kos projek cadangan kampus cawangan Universiti Malaya di Temerloh ini?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada soalan yang begitu spesifik, saya akan beritahu kepada Yang Berhormat secara bertulis. Di samping itu, ingin saya nyatakan Yang Berhormat, saranan Yang Berhormat nyatakan tadi, saya sambut dengan baik iaitu dasar kita ialah seberapa banyak yang boleh untuk kita meningkatkan semua anak-anak muda supaya mereka dapat akses kepada pengajian tinggi. Ini adalah dasar kita. Di samping itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setiap daripada universiti khususnya IPTA kita mempunyai pendidikan jarak jauh (PJJ) di mana kalau kita lihat dari segi

enrolmentnya, UPM mempunyai enrolment seramai 7,931, UiTM mempunyai 7,735, UTM – 6,783, UKM 6,200.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ya, sudah meliputi jawapannya, ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Berhubung dengan kampus cawangan Universiti Malaya di Kelantan, dalam jawapan pihak Setiausaha Parlimen tadi, jadi saya mewakili Kelantan – terima kasihlah. Tetapi saya mengungkitkan sedikit sejarah bermula tahun 1978, satu janji telah pun dibuat untuk membuka satu kampus cawangan di Tangok, Bachok dan sekarang ini tapak yang dicadangkan telah bertukar wajah, telah dibina sekolah-sekolah dan kampus yang ada sekarang di Nilam Puri telah tidak sesuai.

Saya ingat pihak Setiausaha Parlimen boleh membuat lawatan dan confirm kenyataan saya ini. Oleh kerana itu, saya ingin mendapat penjelasan bilakah dari sudut pelan tindakannya untuk memastikan kampus yang sesuai dan bermakna sebagaimana dijanjikan itu dapat dibawa ke Parlimen saya di Bachok. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat mengenai dengan soalan tambahan. Macam itulah cara kita bertanya, lebih sesuai. *[Ketawa]* Tidak kita seperti ahli-ahli yang lain, bangun memekik-mekik tanpa meminta kebenaran, begitu juga sebelah pihak tuan, apabila semalam kita hendak minta laluan pun tidak beri. Jadi, inilah, hari ini sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi penjelasan yang begitu baik sekali, supaya pihak pembangkang terutama sekali PAS mereka mempunyai tertib dan ikut tertib. Kerana kita dalam Islam, kita tekankan kepada akhlak dan tertib.

Bagi jawapan Yang Berhormat dari Bachok, saya ingat daripada Tok Baling tadi, ya daripada Bachok, saya akan memberi perhatian dalam hal ini dan saya sendiri akan turun ke Kelantan untuk mendapat segala macam maklumat seperti mana apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat. Sekali lagi saya ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bachok.

7. Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap ramai penduduk di kawasan pedalaman Sarawak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan dan sijil kelahiran memandang masih ramai penduduk luar bandar yang tidak mempunyai dokumen tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk memastikan semua rakyat negeri Sarawak dapat memiliki kad pengenalan dan surat beranak terutama penduduk di kawasan luar bandar Sarawak, sememangnya telah menjadi agenda tetap tahunan, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak.

Di antara usaha-usaha yang telah dan sedang diambil ialah program pendaftaran terbuka seperti lawatan khas ke perkampungan, rumah-rumah panjang dan pesisiran pantai diatur oleh Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak sepanjang tahun bagi menerima permohonan pendaftaran kelahiran, kematian serta permohonan membuat dan menukar kad pengenalan.

Program seperti ini telah dilaksanakan sejak tahun 1986 akan diteruskan bagi meliputi seluruh negeri Sarawak. Sepanjang tahun 2000 ini sebanyak 14 pusat pendaftaran telah dilawati, meliputi 25 buah perkampungan, rumah panjang dan pesisiran pantai.

Sebagai contoh, jumlah pendaftaran kelahiran di negeri Sarawak sehingga bulan September 2000 ialah sebanyak 29,393 dan jumlah pengeluaran kad pengenalan yang dikeluarkan di Sarawak sehingga Jun 2000 ialah sebanyak 1,531,169. Menyedarkan orang ramai betapa pentingnya pendaftaran setiap kelahiran dengan segera bagi mengelakkan masalah mendaftar sijil kelahiran melalui proses pendaftaran lewat, kempen seperti ini dibuat dengan mempamerkan poster-poster dalam pelbagai bahasa dan loghat tempatan. Jabatan Pendaftaran Negara negeri Sarawak turut serta bersama-sama dengan agensi kerajaan negeri dalam perhimpunan sivik dan ceramah umum yang diadakan dari masa ke masa untuk memaklumkan kepada rakyat negeri Sarawak.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Tun negara kita sudah lama merdeka, 43 tahun sudah, masih sampai sekarang ramai rakyat di Sarawak dan Sabah masih tidak mempunyai kad pengenalan.

Boleh dikatakan *stateless*. Jadi saya hendak tanya di sini, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan. Agaknya berapa ramaikah penduduk di Sarawak dan Sabah yang belum mempunyai kad pengenalan? Dua hari yang lalu Tuan Yang di-Pertua, saya telah melawat tempat dinamakan 'Rumah Ugat Sepaya Ingkari' dan rumah ini telah dilawati oleh Timbalan Menteri sendiri, Menteri Dalam Negeri dalam tahun 1996 dan apa yang saya tahu, daripada seramai 300 lebih penduduk rumah panjang tersebut, hanya 95 orang sahaja mempunyai kad pengenalan.

Jadi soalan saya di sini ialah, apakah tindakan yang serius, tadi dinyatakan oleh Timbalan Menteri telah dilawati, melawat saja tidak cukup tetapi buat kad pengenalan. Apakah tindakan yang serius yang dijalankan oleh kerajaan supaya masalah kad pengenalan dan dokumen-dokumen yang harus dipunyai oleh penduduk-penduduk harus diberikan kepada mereka.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah memaklumkan tadi bahawa kita ada 14 pusat pendaftaran dan 25 buah perkampungan dan kalau kita melawat sahaja, kita tidak dapat membuat pendaftaran kepada 29,393 dan kita tidak dapat mengeluarkan kad pengenalan sebanyak 1,533,169. Saya ingat Ahli Yang Berhormat, dalam tuduhan ini hendaklah berhati-hati supaya Kerajaan Yang Berhormat tidak diperkecilkan oleh orang lain. Yang Berhormat, dalam masalah lawatan dan mengeluarkan kad pengenalan ini, apa yang dihadapi oleh kerajaan bahawa terdapat rakyat yang suka berkahwin, suka dapat anak tetapi tidak mahu daftar ke lahiran. Kita menggalakkan supaya mereka mendaftar kelahiran anak mereka bagi memudahkan mereka mendapat kad pengenalan anak mereka. Tetapi terdapat juga masyarakat kita bukan anak sahaja yang tidak ada kad pengenalan dan surat kelahiran, bapanya juga ada yang tidak ada kad pengenalan.

Oleh sebab itu program memberi penerangan ini kita teruskan dan saya yakin seperti lawatan yang telah dibuat oleh sahabat kita Yang Berhormat Timbalan Menteri pada tahun 1996 itu, menjadikan satu agenda yang kita jalankan pada hari ini dan saya yakin kalau kita mendapat semua kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri dan Dewan Parlimen seperti yang kita lakukan di Sabah, perkara ini akan kita dapat perkecilkan bilangan rakyat kita yang tidak ada kad pengenalan.

Adalah untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pemberian kad pengenalan ini bukan sebagai satu sedekah, bukan sebagai satu hadiah tetapi sebagai satu tanggungjawab kerajaan. Tanggungjawab kerajaan memberi kad pengenalan rakyat ini mestilah diambil sebagai satu tanggungjawab rakyat menyediakan kemudahan untuk kerajaan memberi kad pengenalan. Di antaranya apabila lahir, mesti daftar, kalau terlewat daftar, mesti daftar juga. Kalau tidak ada pendaftaran ini, kita susah untuk mengeluarkan kad pengenalan. Rakyat negeri kita mesti ada pendaftaran kelahirannya bagi hendak menentukan dia dilahirkan dan dia menjadi rakyat dan usaha mendapatkan kad pengenalan ini tidak pernah dihalang oleh pihak kerajaan ataupun Jabatan Pendaftaran Negara.

Sepanjang program yang kita jalan ini, kita mendapat kerjasama yang baik tetapi selain daripada masalah daripada keluarga, kita juga ada masalah kawasan-kawasan di Sarawak ini seperti juga di Sabah sebahagiannya adalah kawasan pedalaman yang begitu jauh. Pegawai-pegawai kita yang masuk ke kawasan pedalaman dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda, menggunakan sampan, berjalan kaki, menginap di rumah-rumah usang tanpa air dan kemudahan-kemudahan untuk mereka gunakan sebagai tempat penginapan dan kemudahan pendaftaran ini.

Saya berharap rakyat negeri Sarawak dan pemimpin-pemimpin negeri Sarawak akan memberi kerjasama dengan pegawai-pegawai saya daripada Jabatan Pendaftaran Negara ini untuk memudahkan kita.

Insya-Allah saya akan turun ke Sarawak pada 16 dan 17 ini untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Jawab Lisan sudah cukup Yang Berhormat ya.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 23 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2000****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk mengadakan peruntukan bagi Penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk perubahan sempadan negeri Selangor; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar); dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya ada mengemukakan Usul untuk menangguhkan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Esok Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Esok, esok akan diusulkan esok.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya mengemukakan pada jam 9.30 pagi semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak sampai 24 jam Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: 9.30 pagi tadi?.....

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: 24 jam, minta maaf, saya....besok, Yang Berhormat, besok.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Hai, tidak boleh kirakah?

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali sampai kepada saya lebih daripada

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, dicap di sini bahawa Pejabat Tuan Yang di-Pertua jam 9.30 pagi semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, barangkali saya nampak terlambat...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya kira jam 9.30 pagi mencukupi 24 jam

Tuan Yang di-Pertua: Ini oleh kerana Yang Berhormat, saya berada di Istana semalam, Yang Berhormat. Esok, ya? Esok saya akan kemukakannya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tun, saya terpaksa minta begini, besoknya saya terpaksa menghadiri mahkamah. Ini peraturan mesyuarat yang menunjukkan bahawa saya berhak, bahawa ia mencukupi 24 jam.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf bagi itu, barangkali kesilapan saya oleh kerana saya tidak nampak sehingga saya datang sebelah petang besoknya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sedangkan ada Timbalan Yang Di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, tetapi itu selalunya....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sepatutnya Tun boleh *delegate* kan soal-soal itu secara rutin kepada Timbalan Yang Di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya rasa kalau ini pengurusan Parlimen untuk

Tuan Yang di-Pertua: Lazimnya

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Saya akui bahawa Tuan Yang di-Pertua sudah meninggalkan Dewan Parlimen ini sejak daripada pukul 900 lebih kerana Tun mesti berada di Istana Negara sebelum pukul 10.00 pagi. Saya berada di Istana Negara dan saya menjadi saksi kedatangan Tun di sana. Kemungkinan waktu Tun meninggalkan Dewan ini Yang Berhormat belum lagi menghantar surat yang berkenaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu saya kira Tun, tidak terbangkit. Saya bukan tahu kata Tun dijemput ataupun tidak? Saya bukannya tahu Tun hendak pergi mana? Hendak pergi bilik air pun mana saya hendak tahu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena, saya rasa itu kesilapan saya. Saya mengaku kesilapan saya, saya mengaku kesilapan saya. Jikalau sekiranya esok, kalau esok Yang Berhormat tidak ada kelapangan, Yang

Berhormat boleh beritahu pada hari yang lain Yang Berhormat ada kelapangan, boleh kemukakan Usul ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sedangkan isu ini isu yang perlu disegerakan Tun sebab masalahnya sekarang Tun saya hendak sebut, ada orang yang sudah hampir buta mata akibat daripada isu keganasan pihak polis. Saya ada gambar, saya ada video. Orang yang sudah hampir buta, bekas pemandu kepada bekas Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, itu Yang Berhormat boleh bawakan dalam usul Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya boleh sebut, saya ada gambar, saya ada video.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh bawa dalam Usul Yang Berhormat. Saya minta maaflah

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia hampir buta. Tetapi itulah

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya Yang Berhormat beritahu pada saya, bila Yang Berhormat boleh ada, pada minggu hadapan...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Adakah saya boleh untuk membenteng besok dengan syarat kalau boleh Tun merundingkan dengan pihak mahkamah supaya saya dapat menghadirkan diri di mahkamah dalam keadaan yang agak lewat [Sorak] Sebab bagi saya, saya menghormati Tun. Saya tahu bahawa Tun sudah mengaku kesilapan. Ini saya menghormati, seorang manusia yang berjiwa besar mengaku kesilapan bukan seperti mana pemimpin Barisan Nasional yang lain [Tepuk] [Sorak] Jiwa kecil, jiwa halus, tidak mahu mengaku kesilapan. Saya hormat Tun sebagai manusia yang berjiwa besar. Ini yang kita cari, pemimpin yang kita cari. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat, Yang Berhormat sekalian, sekejap bagi sikit masa untuk saya hendak memikirkan soal ini ya? bolehkah saya minta tangguh dalam 10 minit? Mesyuarat di tempohkan 10 minit ya.

[Mesyuarat ditangguhkan selama 10 minit]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**Penyalahgunaan Kuasa Pihak Polis Terhadap
Perhimpunan Aman Di Kampung Jalan Kebun, Kelang**

11.23 pagi

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Usul menangguhkan majlis mesyuarat Dewan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya Haji Mahfuz bin Haji Omar Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Pokok Sena mohon mencadangkan bahawa majlis ini hendaklah ditangguhkan mengikut Perkara 18 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu tragedi dan penyalahgunaan kuasa pihak polis terhadap perhimpunan aman di Jalan Kebun Klang dan kawasan sekitarnya pada 5 November 2000 yang lalu.

Isu ini adalah perkara tertentu, kerana tindakan polis menghalang perhimpunan aman, melakukan keganasan, menyalahgunakan kuasa polis adalah sangat bercanggah dengan semangat demokrasi dan hak asasi manusia yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Tindakan polis umpama penganas berlesen yang memukul, menembak gas pemedih mata, merosakkan kenderaan dan menangkap peserta-peserta perhimpunan aman itu bukan sahaja menyekat hak asasi manusia dan membelakangkan semangat demokrasi, tetapi juga turut menjejaskan nama baik institusi kepolisian yang sepatutnya menjaga keamanan negara, tetapi menjadi alat untuk kepentingan politik sempit Barisan Nasional [*Tepuk*]

Perkara ini turut melibatkan kepentingan ramai kerana ratusan ribu peserta perhimpunan aman dan orang-orang kampung telah menjadi mangsa tindakan desperado pasukan polis. Ratusan ribu orang menjadi mangsa gas pemedih mata, 116 orang telah ditangkap, lebih 30 orang cedera serius, seorang dimasukkan ke ICU dan seorang hampir buta kerana semburan gas beracun yang dilakukan oleh pihak polis. Pasukan polis juga telah memusnahkan lebih 70 buah kenderaan dan memperlakukan secara biadab terhadap seorang wanita. Perbuatan ini telah meruntuhkan sehancur-hancurnya imej polis dan menyebabkan ketidakpercayaan yang serius terhadap pasukan keselamatan polis pada masa yang akan datang.

Perkara ini perlu disegerakan kerana perlakuan sumbang kerajaan Barisan Nasional yang menyalahgunakan institusi polis sebagai orang suruhan mereka ini adalah bukan kali pertama. Semenjak tahun 1998 pasukan polis telah diperalatkan untuk menzalimi rakyat sehingga menjadikan mereka tidak lagi profesional. Ketidakyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap sistem keselamatan negara ini telah memberikan kesan yang buruk terhadap ekonomi, politik, dan sosial. Kerana itu satu penyiasatan terbuka terhadap pasukan polis dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mesti dilakukan. Maka saya merasakan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu itu perlu disegerakan dan melibatkan kepentingan orang ramai. Sekian. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena pada 7 November 2000. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan pada fikiran saya ia perlu disegerakan. *[Tepuk]* Oleh yang demikian saya membenarkan usul ini dibahaskan dan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b). Maka hendaklah perkara ini akan dibahaskan pada pukul 4.30 petang ini sehingga 5.30 petang ini *[Tepuk]* dan saya membenarkan pihak pencadang berbahas dalam masa setengah jam dan pihak kerajaan membahaskan dalam masa setengah jam juga. *[Tepuk]*

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis;

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.” [7 November 2000]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Aman sila sambung.

11.25 pagi

Tuan Jimmy Lim Donald: Sekali lagi selamat pagi dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya dan pegawai-pegawai yang duduk di sekeliling Dewan yang terpaksa mendengar ucapan saya dan seterusnya saya harap akan menyampaikan hasrat-hasrat saya kepada semua pihak yang berkenaan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit ulasan tentang apa yang saya telah sarankan kelmarin. Pertama saya minta supaya gaji pekerja awam dinaikkan sebanyak 10% oleh kerana ekonomi kita cukup sihat dan dapat mengizinkan kita

berbuat demikian. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita yang dalam Dewan ini adalah seperti pepatah Iban kita hanya seperti buah kepayang hanya mengadakan lidah kita bercakap sahaja tetapi tidak mengimplementasikannya. Orang yang melaksanakan kehendak kita adalah pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja kita. Mereka inilah yang bekerja kuat, kadang-kadang saya yakin semasa bekerja peluh di dahi mereka seperti 'ikan padi bersembunyi beranak dan peluh di dada mereka cukup untuk seorang puteri menyelamkan anak'. Tidak lama lagi kita akan menghadapi Krismas, Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina. Kita harus ada sesuatu yang bermakna untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka ini.

Saya juga telah meminta satu kajian dibuat untuk menentukan Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Am kerajaan dipatuhi oleh semua dan mengapa kita perlu memindahkan pegawai-pegawai kita dari masa ke semasa, dari satu stesen ke satu stesen dan saya juga telah menghuraikan masalah yang ditemui dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban.

Masalah seterusnya yang saya telah sebut dalam pengajaran bahasa Iban ialah, ia diajar di luar jadual waktu. Saya telah mengatakan ini adalah tidak harus berlaku dan merupakan satu penghinaan terhadap bahasa Iban yang telah diiktirafkan oleh cerdik pandai dari seluruh dunia sebagai satu bahasa yang sangat kaya dengan nahu, tatabahasa, sastera dan sama taraf dengan kekayaan sastera Yunani, that is dengan izin as rich and as ancient as Greek literature. Tiada masalah yang tidak dapat diatasi dan saya tahu Kementerian Pendidikan memang dianggotai oleh pegawai-pegawai yang terlatih dan mempunyai kelayakan yang tinggi dan ditokok tambah oleh kursus-kursus peningkatan profesionalisme yang lain.

Justeru itu jika penyelesaian kreatif tidak dibuat, itu bukan kerana tidak dapat tetapi memang tidak mahu. Saya sebagai Ahli Parlimen dari kaum Dayak dan Iban tidak dapat menerima keadaan yang seperti ini. Tidak ada masalah di dunia ini yang tidak dapat diselesaikan, kalau ada hasrat dan keinginan untuk menyelesaikannya. Satu lagi fenomena yang sangat menghairankan saya dan kaum saya ialah tentang masalah pemarkahan bahasa Iban di peringkat peperiksaan SRP. Di Sarawak ramai ibu bapa dan murid-murid yang pandai dan cemerlang tidak mahu mengambil bahasa Iban walaupun mereka sungguh suka dan meminati mata pelajaran ini.

Mengikut mereka murid-murid yang mendapat 'A' atau 'B' dalam mata pelajaran lain sentiasa mendapat 'C' dan 'D' dalam mata pelajaran bahasa Iban. Saya juga telah meneliti perkara ini dan pernah menyoal kawan-kawan saya yang pernah menconteng kertas peperiksaan bahasa Iban. Mengikut mereka apabila kertas bahasa Iban itu meninggalkan tangan mereka, taburan markah dan pencapaian murid adalah normal, biasa. Apa yang terjadi di Lembaga Peperiksaan Malaysia menjadi satu misteri. Kertas-kertas dan markah-markah yang memasuki bilik Lembaga cantik dan sempurna seperti seorang puteri tetapi pulang balik menjadi sesuatu yang sangat di keji.

Yang harus mendapat pangkat 'A' menjadi 'C' dan 'D' atau 'E'. Kebolehan murid-murid ini dicerminkan dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran lain. Dalam dunia peperiksaan, Tuan Yang di-Pertua, dua perkataan yang sering digunakan ialah kesahihan dan kebolehpercayaan. Di sini saya ingin bertanya kemanakah perginya dua perkataan ini apabila kertas bahasa Iban diperiksa. Kadang-kadang. Tuan Yang di-Pertua, yang biadab itu merayau ke arah di mana malaikat takut pergi.

Saya mengatakan begitu oleh kerana saya tahu dan yakin rakan-rakan saya di Parlimen menyokong penuh dan bersimpati dengan pengajaran bahasa Iban di Sarawak dan bahasa Kadazandusun di Sabah seperti yang dibuktikan oleh bekas Menteri Pendidikan kita. Kalau orang membunuh bayi itu, Tuan Yang di-Pertua, itu dipanggil infanticide, kalau membunuh saudara itu traticide dan kalau membunuh raja itu regicide. Di sini saya minta pegawai-pegawai yang bertanggungjawab menentukan Iban 'lingual cide' tidak dilakukan di Kementerian Pendidikan. Mengikut kami dari kaum Iban kejadian-kejadian yang telah saya bincangkan adalah satu usaha untuk melembabkan kaum Iban untuk mempelajari bahasa Iban.

Saya di sini menjanjikan kaum Iban akan terus memberi perhatian yang sepuh terhadap perkara ini. Keraguan terhadap perkembangan bahasa Iban tidak harus berlaku, oleh kerana bilangan kami kaum Iban ialah hanya dalam lingkungan 350 ribu orang sahaja. Dan tidak menjadi cabaran kepada kaum-kaum lain yang berjumlah lebih daripada 20 juta orang di Malaysia. Lagi pun sebagai satu daripada bahasa asal di rantau ini dapat menyumbang terhadap kekayaan bahasa Malaysia.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan kita dari kaum Kadazandusun di Sabah juga menghadapi masalah yang sama dalam usaha mereka untuk memperkenalkan bahasa mereka di Sabah.

Mereka juga telah dijanjikan oleh Menteri Pendidikan yang sama. Saya minta apabila Kementerian Pendidikan melaksanakan pelajaran bahasa Kadazandusun kementerian dapat mengelakkan semua masalah yang telah ditemui dalam pelaksanaan bahasa Iban. Oleh kerana untuk menyebut sesuatu yang seperti ini tidak menggembirakan saya. Tetapi apa yang perlu disebut mesti disebut Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pelaksanaan ICT.

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, macam mana hendak beri.

Tuan Jimmy Lim Donald: Saya tidak beri, tiada masa..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Sedikit Iban, Iban.

Tuan Jimmy Lim Donald: Sorry,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim Donald: Saya mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana galakan yang telah diberi kepada rakyat dalam bidang ICT. Saya ingin mengesyorkan konsep Internet desa ini diperluaskan dengan segera. Saya bercadang setiap rumah panjang diberi Internet desa supaya kita meningkatkan pandangan dan ilmu penghuni-penghuni rumah panjang. Ini juga akan membantu anak-anak mereka yang ingin membuat kajian atau kerja rumah dengan segera, langsung mengisi keperluan untuk mengadakan perpustakaan. Untuk membantu muda mudi kita yang ingin menceburi bidang ICT, saya cadangkan pihak kerajaan dan minda pegawai-pegawai kerajaan yang melaksanakan kehendak kerajaan ditukar.

Pertama, saya cadangkan cara mendaftarkan syarikat yang ingin menceburkan diri dalam bidang ini, perniagaan berkaitan dengan ICT ini dipermudahkan. Pada

masa sekarang mengisi borang untuk menjadi calon Ahli Parlimen saya rasa seribu kali lebih mudah dari mendaftarkan sebuah syarikat. Macam-macam yang diminta, macam-macam yang diperlukan. Untuk saya, semua peraturan ini diletakkan untuk mematahkan semangat orang-orang yang hendak belajar berniaga. Tidak hairanlah orang kampung selalu mengatakan hanya orang yang sudah ada berduit sahaja yang dapat maju berniaga.

Kalau peraturan-peraturan seperti ini wujud pada masa 50 tahun yang lalu saya rasa Tan Sri Lim Goh Thong hari ini masih menjual basikal di kaki lima di Jalan Tuanku Abdul Rahman Tuan Yang di-Pertua. Cara pendaftaran harus dipermudahkan, ia harus business friendly ataupun mesra perniagaan. Apabila seseorang peniaga itu sudah yakin terhadap dirinya atau hendak menceburi bidang yang lain, permohonan beliau untuk menambahkan bidang haruslah diluluskan dengan segera. Apa yang terjadi sekarang kalau seorang itu menceburkan diri dalam suatu bidang, permohonan beliau hanya akan diluluskan apabila beliau memohon menambah bidang dalam aktiviti yang ada kaitan langsung dengan bidang yang asal.

Ini satu kongkongan yang tidak perlu wujud. Kalaupun syarikat Sime Darby dikenakan kongkongan seperti ini sehingga hari ini dia hanya menoreh getah sahaja. Untuk projek menghantar, memasang dan mengendalikan komputer di pejabat-pejabat kerajaan, kita tidak harus dan janganlah meminta pengusaha itu mesti ada ijazah dalam pengkomputeran. Sebenarnya komputer ini bukan lagi mesin yang ajaib, tetapi sesuatu alat yang boleh dipasang dan dikendalikan oleh sesiapa yang berminat. Kita juga sepatutnya berhenti dengan serta merta meminta komputer yang dibekalkan mesti komputer yang branded atau yang berjenama. Sebenarnya boleh dikatakan semua komputer adalah klon. Sebahagian besar komputer di dunia ini memaparkan tanda 'intel inside' ataupun 'pentium'. Sebahagian besar juga memberitahu kita ia menggunakan AMD. Tengoklah Tuan Yang di-Pertua [*sambil menunjukkan surat khabar*] di sini advertisement untuk 'Acer' tetapi dia bubuhkan di dalam ada intel AMD. Sini advertisement untuk komputer Dell dan dikatakan di sini dia ada intel, pentium, dia ada Celeron, Nordon, speakers, Microsoft Windows, dia ada Norton. Apakah ini kalau ini bukan klon.

Tetapi jenama dia masih juga Dell. Tetapi pegawai kita mengatakan sesiapa yang hendak membekalkan komputer ia mesti branded. Oleh yang demikian saya menyeru supaya komputer klon boleh diterima oleh jabatan-jabatan kerajaan. Kalau kita tidak berbuat seperti ini kita membantutkan pertumbuhan atau membunuh industri komputer tempatan. Kita hanya membantu proses globalisasi dan membantu dan menegakkan lagi kekuatan syarikat komputer antarabangsa. Kalau kita ada pegawai-pegawai yang berminda kecil dan ketinggalan zaman kita tidak memerlukan musuh dari luar negeri untuk menjatuhkan kemaraan kita terhadap Malaysia yang berjaya dan dalam dunia perniagaan. Mereka ini sahaja sudah cukup dan memadai untuk menurunkan prestasi kita.

Dalam hal ini saya juga minta Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia membantu dan mencari jalan supaya talian *Internet* selamat dan tidak dicuri. Pada masa sekarang ramai orang yang menderita oleh kerana akaun mereka dicuri.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mengikuti Persekutuan Malaysia pada tahun 1993 selepas kempen-kempen yang memakan masa yang begitu panjang. Pada masa itu ramai orang yang menentang konsep itu. Oleh kerana kaum Dayak yang melebihi 50% penduduk pada masa itu menyokong penuh maka Malaysia wujud. Pada masa itu banyak janji telah dilafazkan, kedudukan istimewa, layanan sama rata dan keadilan untuk kaum Dayak dan bumiputera lain dijanjikan. Hari ini saya minta Kerajaan masih ingat dengan janji-janji yang telah diberi. Kaum Dayak masih nampak mereka tidak diberi layanan yang sama dalam pemilihan ke perkhidmatan awam. Dalam urusan temu duga begitu sedikit calon yang berjaya diterima jika dibanding dengan kaum lain. Begitu juga dengan urusan naik pangkat. Kita belum nampak orang dari kaum Dayak menjawat jawatan tertinggi seperti Pengarah ataupun Ketua Setiausaha Kementerian. Oleh yang demikian, saya minta orang dari kaum Dayak ditempatkan menjadi ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan suruhanjaya-suruhanjaya di mana kaum Dayak ada kepentingan.

Di peringkat Persekutuan begitu ramai lembaga-lembaga yang ditubuhkan. Tetapi setiap kali saya menyemak ahli-ahlinya tidak pernah ternampak seorang dari kaum Dayak. Di Semenanjung pegawai yang telah bersara dan memberi

perkhidmatan yang cemerlang diberi peluang dan tempat di lembaga atau badan-badan berkanun yang lain. Saya minta sesuatu yang begini diberi kepada pegawai daripada kaum Dayak. Di jabatan kehakiman saya belum nampak seorang hakim mahkamah tinggi yang diambil dari kaum Dayak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat. Masa..

Tuan Jimmy Lim Donald: Pada hal begitu ramai peguam kanan dan senior public prosecutors dari kaum Dayak yang lebih dari layak untuk dilantik. Saya rasa dan yakin begitu banyak mereka dapat sumbangkan terhadap tradisi kehakiman di Malaysia termasuk arena Iban dan Dayak Jurisprudence. Walaupun begitu ramai orang dari kaum Iban telah berkhidmat di angkatan tentera tetapi hingga hari ini seorang pun belum pernah menjadi Jeneral. Kaum Dayak telah menyokong Malaysia dan kerajaan sejak sebelum merdeka. Seperti seorang isteri yang setia Tuan Yang di-Pertua, kaum ini masih memerlukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim Donald: Okay, satu minit lagi. Kaum ini memerlukan jaminan dan tanda-tanda dan bukti-bukti ia masih disayangi dan dihargai. Kadang-kadang saya rasa kita membuang masa, tenaga dan wang untuk mengejar orang yang tidak menyokong kerajaan dan tidak sedar dan mengendahkan orang atau kaum yang sentiasa bersama kita. Justeru itu saya berharap kita jangan seperti yang dikatakan peribahasa Iban “burung pipit yang jauh di tepi langit hendak dikejar, rusa yang berdiri di anak tangga tidak dibakar”. Yang merugikan kita buat yang menguntungkan kita tidak buat. Itulah saranan saya kepada kerajaan dan Dewan kita di sini pada hari ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Belud.

11.45 pagi.

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan

kerana telah membentangkan satu belanjawan yang bermatlamat untuk membawa lonjakan kepada kemunculan Malaysia baru dalam mencapai kualiti dan jaminan hidup yang terbaik untuk rakyat di abad ke-21.

Yang amat menarik perhatian saya ialah strategi utama belanjawan iaitu untuk mencipta era ekonomi baru berteraskan ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi iaitu ilmu dan kaedah yang akan mencorakkan kepada kekayaan dan kesejahteraan rakyat Malaysia di era cabaran globalisasi. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan melalui pendekatan tersebut setiap rakyat akan menjadi warga k-ekonomi yang dicetuskan melalui penggunaan maklumat komunikasi dan teknologi atau ICT bermula dari peringkat persekolahan rendah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengutarakan pendapat saya mengenai belanjawan amnya dan penekanan terhadap keekonomi khususnya. Sementara saya menyokong penuh strategi untuk mencipta era ekonomi baru berteraskan keekonomi saya berpendapat ada beberapa perkara berkaitan yang harus diberi perhatian. Di antara lain ialah dengan izin, research and development (R&D). Peranan R&D dalam k-ekonomi memang tidak dapat dinafikan. OECD dalam satu kajiannya yang bertajuk "*New Economy The Changing All Of Innovation And Information Technology In Grow*" yang dikeluarkan di Paris tahun ini mendapat bahawa peranan kemajuan dan inovasi teknologi dalam pertumbuhan ekonomi telah meningkat. Ianya juga mela por bahawa perbezaan tindak balas dan keupayaan memanfaatkan perubahan tersebut menyebabkan perbezaan kemunculan ekonomi baru. Implikasi dasar ini bermaksud menggalakkan persaingan starts up dan venture capital dan science industry linkages, dengan izin. Ianya juga bererti melabur dalam penyelidikan, tingkatkan human capital dan sediakan kemudahan access ke Internet.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum negara kita telah memulakan langkah ke arah R&D ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Namun negara kita masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan beberapa buah negara jiran atau rantau ini. Menurut sumber yang diperolehi dari Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) nisbah perbelanjaan kasar ke atas R&D dibandingkan dengan KDNK atau Growth Expenditure on R&D agent GDP bagi Malaysia telah meningkat 0.22% atau RM549 juta pada tahun 1996

kepada 0.39% atau RM1,127 juta pada tahun 1998. Syabas. Namun ini masih terlalu rendah berbanding negara-negara maju. Misalnya angka bagi negara Taiwan pada tahun 1994 ialah 1.8% manakala bagi Amerika Syarikat dan Jepun pada tahun 1996 ialah 2.52% dan 3% masing-masing. Sementara nisbah jumlah penyelidik dengan dana R&D bagi setiap 10,000 tenaga kerja bagi Malaysia dalam tahun 1998 ialah hanya tujuh orang. Ini berbanding dengan 65 orang di Singapura dan 76 orang di Amerika Syarikat angka tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, dari angka-angka tersebut jelas kelihatan bahawa negara kita masih ketinggalan dalam bidang R&D, tetapi kita faham bahawa masalah utamanya ialah sumber pembiayaan terhad serta tenaga mahir dalam R&D. Jadi mungkin sebarang perancangan mahupun peruntukan mahupun insentif di masa hadapan harus mengambil kira fakta ini. Persoalannya ialah bagaimanakah kita boleh menyusun satu program strategik untuk meningkatkan peralihan ke era k-ekonomi. Saya ingin mencadangkan pewujudan satu dana penyelidikan yang berbentuk pinjaman bagi pelajar yang ingin membuat ijazah di peringkat sarjana dan doktor falsafah yang bertujuan bagi mewujudkan techno-preneurs usahawan dalam bidang teknologi tinggi atau high-tech sekiranya pelajar-pelajar berkenaan berjaya menamatkan pengajian dan mempunyai hasil kajian yang bernilai komersial, pinjaman berkenaan bolehlah ditukar sebagai ekuiti dalam satu syarikat usaha sama bagi mengkomersialkan hasil kajian tersebut. Saya percaya langkah ini dapat membantu mengatasi masalah utama yang dikenal pasti oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) dan seterusnya berupaya meningkatkan bilangan usahawan k-ekonomi dengan sekali gus menggalakkan start ups dan kegiatan R&D.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meningkatkan jumlah tenaga kerja berilmu dan celik komputer yang bermula dari sekolah melalui Belanjawan 2001 adalah amat bertepatan. Namun demikian kita harus berwaspada kerana langkah mewujudkan sekolah bestari yang lengkap dengan komputer semata-mata tidak menjanjikan bahawa matlamat untuk mewujudkan masyarakat berilmu bagi mendukung k-ekonomi akan tercapai. Umpamanya kita tidak ingin melihat satu keadaan di mana sekolah bestari hanya menguntungkan pembekal komputer atau Internet digunakan untuk tujuan lain. Apa yang penting ialah pertama, falsafah pendidikan negara

perlulah selaras dengan konsep untuk membentuk budaya ilmu, daya kreativiti dan cara berfikir yang selaras dengan tuntutan ekonomi. Dan kedua keupayaan tenaga pengajar serta sistem penyelidikan negara perlulah diselaraskan dengan falsafah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sementara matlamat Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan sekolah bestari di merata negara adalah jelas dalam konteks negara Sabah dan mungkin juga negara Sarawak. Kita juga harus mengambil kira beberapa aspek lain. Misalnya sementara kita mengalu-alukan langkah Kementerian Pendidikan dalam mendirikan sekolah bestari di kawasan bandar di Sabah kita harap pihak kementerian tidak lupa masalah pokok kita di situ. Maksud saya dari segi prasarana kita di Sabah jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan Semenanjung. Jadi sementara sekolah bestari mungkin relevan di kawasan bandar maka masalah pokok di luar bandar di Sabah masih lagi merupakan perkara-perkara asas seperti bangunan sekolah, bilik darjah, asrama murid serta rumah guru dan tenaga pengajar yang cukup dan terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya cuba sampaikan di sini adalah diharapkan agar apabila pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan membuat perancangan mereka akan mengambil kira bahawa situasi di Sabah dan juga di Sarawak mungkin berlainan sedikit jika dibandingkan dengan Semenanjung. Saya fikir tidak keterlaluan jika kita mencadangkan agar para perancang di peringkat ibu pejabat, jabatan ataupun kementerian sekali sekala membuat lawatan ke Sabah dan Sarawak dan tidak semata-mata bergantung kepada feedback dari pegawai di peringkat negeri sahaja. Ini ialah kerana seperti kata orang *seeing is believing* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sungguh pegawai-pegawai dari kementerian kalau datang ke Sabah jangan hanya sekadar melawat ke kawasan-kawasan bandar sahaja ...

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Boleh minta jalan sekejap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kota Belud. Tadi disebut betapa penting bagi Menteri, Timbalan-timbalan Menteri serta Setiausaha Parlimen untuk mengadakan lawatan kerap kali ke negeri Sabah supaya maklumat yang dibekal oleh para pegawai itu dapat dikenal pasti sendiri oleh pihak yang membuat dasar. Adakah Yang Berhormat dari Kota Belud bersetuju bahawa memang ada juga lawatan-lawatan diadakan tetapi ini mengikut musim khusus pada musim-musim pilihan raya sahaja dan selepas pilihan raya selesai Setiausaha Parlimen, Menteri yang dulu kalau pilihan raya Parlimen itu kempen di kampung macam di sebelah Tenom tetapi selepas itu tidak kelihatan. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa ini satu macam corak yang tidak baiklah dan mereka harus lawat dalam apa jua keadaan dan kalau boleh dalam rangka barangkali dalam setiap satu tahun empat kali iaitu setiap tiga bulan tidak kurang pergi melawat ke sana. Setujukah ataupun tidak, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin sungguh Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan kakitangan Kementerian Pendidikan menerima hakikat bahawa Sabah ialah sebahagian daripada Malaysia. Adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk turun padang untuk melihat sendiri masalah yang dihadapi oleh kita. Dan daripada dahulu hingga sekarang saya melihat mereka mengadakan lawatan tanpa kira sama ada musim pilihan raya ataupun tidak kerana ia ...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut hendak cakap ya. Sudah benar tidak apalah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tahu bahawa sejak kemasukan UMNO ke Sabah ia telah dapat menjana pembangunan, dapat memberi harapan baru kepada rakyat Sabah terutamanya. Begitu pun mungkin Yang Berhormat bersetuju dengan saya selain daripada perkara-perkara yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi mungkin juga akan menjadi penghalang kepada kemajuan Sabah ini sekiranya masih wujud PBS itu. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak: Terima kasih. Pertamanya saya ingin jawab dulu pandangan daripada Yang Berhormat bagi Bandau. Sebenarnya para Menteri datang ke situ tidak bertujuan politik semata-mata. Tetapi oleh kerana memang UMNO sudah berkembang di situ adalah menjadi tanggungjawab mereka juga untuk melihat anak buah mereka yang berada di Sabah. Tetapi apa yang ingin saya syorkan ialah agar kekerapan itu di mana mereka harus turun ke padang melihat sendiri apa masalah yang sebenarnya. Memanglah di Sabah ada juga parti pembangkang tetapi tidaklah menjadi masalah besar kepada kita sekarang kerana rakyat di Sabah memerlukan pembangunan dan mereka bergantung penuh kepada Kerajaan Pusat untuk menentukan agar peruntukan yang lebih rancak lagi dapat disediakan di Sabah. Kita tidak nafikan sejak akhir-akhir ini memang sudah banyak peruntukan yang disediakan di Sabah. Apa yang ingin saya tegaskan ialah di samping kita melihat soal-soal pembekalan komputer, soal-soal sekolah bestari kita juga jangan lupa perkara pokok kerana kita tidak ingin melihat nanti ada dua bentuk masyarakat. Satu yang agak expert dalam soal komputer satu yang masih lagi ketinggalan dalam kemudahan-kemudahan asas. Ini memang realitinya oleh kerana Sabah dan Sarawak mungkin adalah sebuah negeri yang besar dan bukan mudah untuk melaksanakan sekali gus. Tetapi yang penting bagi saya ialah pihak perancang daripada pihak kementerian kena ambil kira perkara-perkara pokok yang ada di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal program membasmi kemiskinan. Saya perhatikan memang Kerajaan Pusat ingin menentukan agar kemiskinan dapat diatasi apatah lagi di negeri Sabah. Pada hari ini saya terbaca di surat khabar apabila Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar telah membuat pengumuman akan mengubah nama PPRT kepada PKR (Projek Kesejahteraan Rakyat). Saya harap ia hanya sekadar tukar nama sahaja tetapi inti pati kepada program tersebut mestilah diteruskan kerana kita di Sabah masih memerlukan PPRT ini oleh kerana masalah kemiskinan di Sabah amat tinggi sekali dan program ini membantu kita. Apa yang ingin saya syorkan ialah pertama dalam soal PPRT ataupun PKR di negara ini ialah penyelarasan daripada senarai penerima PPRT ini. Kerana saya lihat ada perbezaan senarainya. Oleh itu saya berharap para

perancang di Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengambil kira kedudukan di Sabah kerana di situ mungkin apabila mereka mengadakan pendaftaran pada suatu ketika dahulu ada yang tertinggal kerana adalah penting bagi mereka untuk memberi peluang seluas-luasnya kepada masyarakat Sabah yang masih miskin untuk mendaftar dalam program apa yang dinamakan PKR pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua ini penting kerana jika jentera pelaksanaan program ini tidak diselaraskan maka timbul banyak masalah kerana satu masalahnya ialah ada di antara peruntukan ini disalurkan di jabatan-jabatan persekutuan. Dan ada pula disalurkan melalui jabatan-jabatan negeri. Jika ini berlaku maka kelak ada pertindihannya dan akhirnya sasarannya tidak tercapai. Adalah lebih baik pada pendapat saya dalam soal untuk menyelesaikan masalah kemiskinan ini perlu ada penyelarassannya dan kalau boleh diberi mandat penuh kepada jentera Kerajaan Negeri Sabah untuk melaksanakan projek PKR di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri. Kinabatangan Yang Berhormat ya.

Tuan Moktar bin Radin: Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa ini bermakna perjuangan untuk membasmi kemiskinan khususnya di Sabah di kawasan luar bandar harus diteruskan secara menyeluruh dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kerajaan Persekutuan harus lebih ada ikatan dan komited terhadap perjuangan membasmi kemiskinan ini. Ini kerana kita kadang-kadang di bandar berbicara soal jurang digital sedangkan masyarakat luar bandar masih ada yang tidak kenal apa erti IT dan sebagainya. Mereka masih tercari-cari apa yang dimakan untuk esok hari, apa lagi berbicara tentang digital. Setujukah Yang Berhormat bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar harus memainkan peranan yang lebih penting memastikan masyarakat luar bandar terbelah untung nasib mereka.

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak: Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan kerana bagi saya memang peruntukan yang disediakan agak banyak sekali. Tetapi yang penting pada pendapat saya ialah sasarannya mesti tepat. Kalau kita tidak mempunyai

data yang tepat maka sudah tentulah perancangan itu menghadapi masalah. Kadangkala ia hanya disalurkan pada saat-saat yang terakhir. Dan ini menimbulkan banyak masalah. Dan kalau kita kelam kabut dengan senarai yang ada pada kita akhirnya yang dapat itu mungkin tidak layak yang lebih layak tidak dapat nikmat hasil daripada program yang kita sediakan. Itulah sebabnya di samping kita memikir soal k-ekonomi, soal digital ekonomi pada saya perkara pokok ini mesti diselesaikan kerana mereka juga adalah sebilangan besar apatah lagi di Sabah sebilangan besar penduduk masih lagi tinggal di luar bandar di pulau-pulau di pedalaman dan mereka memerlukan satu perancangan yang khusus dan ia hanya dapat diselesaikan jika ada kerjasama yang rapat dari segi penyelarasan kerja antara agensi Kerajaan Pusat dan agensi kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit soal perumahan. Saya memang kagum kerana Belanjawan 2001 mengambil kira keperluan rakyat untuk perumahan, terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Kerajaan mempunyai sasaran sifar setinggan menjelang tahun 2005. Buat masa ini, negeri Sabah mempunyai bilangan setinggan yang terbanyak iaitu 32,000 unit *illegal structures*, dengan 150,000 orang setinggan. Pada pendapat saya, adalah lebih wajar jika peruntukan untuk perumahan bagi negeri-negeri harus berdasarkan dan mengambil kira bilangan setinggan, antara lain. Jika tidak, maka pasti negeri Sabah tidak akan mampu mencapai sifar setinggan menjelang tahun 2005.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya juga ingin menyentuh dari segi pelaksanaan projek-projek rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan di mana di Sabah, kita telah peruntukkan 8,000 unit. Sudah tentulah kita alu-alukan program yang seperti ini. Cuma yang kita lihat masalah sekarang ialah ia belum terlaksana lagi. Kita ingin tahu apakah masalah pokoknya sehingga tidak terlaksana? Adakah mungkin mereka menghadapi masalah atau mungkin mereka menghadapi masalah dari segi pengendaliannya. Kalau mereka mempunyai masalah, saya syorkan mungkin program ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah agensi yang ada pada Kerajaan Negeri Sabah. Kerana yang penting bagi kita

ialah untuk mempercepat program ini kerana program ini menguntungkan rakyat yang ingin menyewa rumah kos rendah seperti ini. Tetapi, dukacita pada ketika ini, masih belum lagi terlaksana, sungguhpun ia sudah dilancarkan. Jika ada masalah-masalah tertentu, saya harap sungguh ia dapat disegerakan penyelesaiannya kerana ia diperlukan sangat oleh masyarakat di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar itu sahajalah pandangan umum saya dalam perkara-perkara yang berkaitan. Saya cuma harap sungguh agar belanjawan kita ini akan mencapai matlamatnya dan apa sahaja bentuk perancangan yang dibuat oleh kerajaan, mestilah mengambil kira keadaan sebenar apa yang berlaku di negeri Sabah di mana kita memerlukan peruntukan yang agak banyak lagi, khusus dalam membasmi kemiskinan yang berlaku agak tinggi di negeri kita. Dengan harapan ini, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

12.03 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Belanjawan tahun 2001, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5.76 bilion untuk pembinaan beberapa hospital dan 452 klinik yang baru. Persoalan kita sekarang ini ialah apakah rakyat kita memerlukan hospital yang baru? Hospital Selayang yang digelar sebagai hospital IT yang paling moden di Asia Tenggara hanya digunakan sebanyak 50% sahaja selepas ia dibuka selama satu tahun. Pada masa yang sama, satu hospital baru iaitu Pandan Hospital juga akan dibina dalam dua tahun yang akan datang. Sebab utama kesemua hospital ini tidak digunakan dengan sepenuhnya adalah kerana kekurangan kakitangan perubatan di hospital-hospital tersebut.

Pakar perubatan ini meninggalkan hospital sama ada disebabkan gaji yang rendah, kerja yang berat ataupun keadaan kerja yang kurang memuaskan. Selain daripada faktor tersebut, peruntukan elaun kepada para kakitangan perubatan dalam Belanjawan 2001, sebenarnya adalah tidak mencukupi dan jauh berbeza daripada pendapatan pakar kakitangan perubatan di hospital swasta. Salah satu sebab kerajaan tidak memperuntukkan lebih wang dalam aspek ini, mungkin kerana peruntukan tersebut tidak akan mendatangkan manfaat kepada kroni-kroni pemimpin Barisan

Nasional yang mana telah berbaris panjang untuk menunggu kontrak pembinaan hospital kerajaan [*Tepuk*]

Walhal, pembiayaan untuk peningkatan upah kakitangan perubatan kerajaan tidak mendatangkan manfaat kepada kroni-kroni tersebut. Banyak pihak merasa hairan bahawa kerajaan memberi peruntukan untuk melengkapkan semua hospital dengan sistem maklumat Total Hospital Information System (THIS). Sistem tersebut telah pun diadakan di Hospital Selayang tetapi THIS tidak menunjukkan keupayaan untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan dari segi mengubati ataupun penjagaan pesakit. Di samping itu, sistem tersebut juga tidak mendatangkan kebaikan kepada kakitangan perubatan ataupun meringankan kesakitan pesakit berkenaan.

Sekiranya kita mengambil contoh di Hospital Selayang, sistem tersebut tidak menyelesaikan masalah baris menunggu yang panjang oleh pesakit luar (outpatient) dan farmasi di hospital tersebut. Selain itu, sistem tersebut memerlukan pakar IT untuk menjalankan *maintenancenya*, yang mana juga memakan kos perbelanjaan yang banyak. Kami ingin tahu, adakah sebab kerajaan untuk mengadakan THIS di semua hospital adalah memberi naungan dan manfaat kepada segelintir kroni kerajaan sahaja? Alangkah baiknya sekiranya kerajaan menghapuskan peruntukan untuk sistem THIS ini kerana ia tidak bermanfaat kepada kakitangan dan pesakit langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk membangkitkan satu kes yang memalukan yang berlaku di Hospital Selayang iaitu kematian seorang pesakit India, Rajasimasalam pada 13 Julai 2000 selepas menjalani lima pembedahan *Appendicitis* di Hospital Selayang. Rajasimasalam menjalani pembedahan *Appendicitis* yang memakan masa enam jam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Larut bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kita ada banyak lagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit saja, minta penjelasan. Sedikit sahaja, lepas itu tidak minta dah. Terima kasih. Saya tengok sejak akhir-akhir ini, Yang Berhormat dan rakan-rakan yang lain, mula daripada pagi tadi banyak membangkitkan masalah-masalah masyarakat India.

Tuan Fong Kui Lun: [*Menyampuk*]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, terima kasih. Adakah ini kerana ada hubung kait dengan pilihan raya yang akan kita hadapi di Lunas? Seolah-olah DAP sudah mengatasi PAS untuk menentukan calon pihak pembangkang dalam pilihan raya yang akan datang. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Haiya. *[Ketawa]* Irrelevant. Saya bercakap tentang isu India dalam sidang yang lepas dan Bukit Mertajam juga membincangkan isu India sebelum wakil rakyat Lunas itu ditembak. Jadi, hanya Barisan Nasional, selain daripada MIC yang tidak memperjuangkan hak kaum India sahaja. *[Tepuk]* Ini adalah perkara yang kita harus ubah.

Masuk balik tajuk saya. Rajasimasalam menjalani pembedahan *Appendicitis* yang memakan masa enam jam di Hospital Selayang pada 8 Mei 2000. Pada keesokan harinya, beliau diberitahu oleh doktor bahawa ususnya sudah dipotong semasa pembedahan. Kecuaian doktor ini menyebabkan beliau dimasukkan ke hospital dan dibedah sebanyak empat kali lagi kerana kesakitan yang tidak tertahan. Apa yang sedih adalah apabila Menteri Kesihatan melawat Hospital Selayang pada 8 Julai 2000, si mangsa dimandikan secara terburu-buru oleh jururawat sebanyak tiga kali pada hari itu sehingga air sabun pun mengalir masuk ke dalam tubuh badannya melalui luka di bahagian dada yang telah menjalani pembedahan.

Selain itu, banyak kain pembalut dan kapas juga dimasukkan ke dalam bahagian *Appendicitis* di badannya demi menghentikan pengaliran darah dan najis daripada bahagian luka itu. Malangnya, kesemua persediaan ini sia-sia sahaja kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak menziarahinya langsung tetapi beliau memberitahu media bahawa Rajasimasalam dijaga dengan baik oleh pakar doktor dan badannya sedang pulih. Sikap pihak hospital dan Menteri Kesihatan enggan membalas surat aduan daripada keluarga si mangsa dan membisu terhadap kematiannya selepas itu adalah amat tidak bertanggungjawab.

Memandangkan Hospital Selayang yang memakan perbelanjaan sebanyak RM540 juta ini merupakan satu-satunya hospital IT di Asia Tenggara, Dewan yang mulia ini harus membahaskan perkara ini dan diberitahu kenapakah hospital elektronik penuh yang pertama di Malaysia ini gagal untuk menangani pembedahan *Appendicitis* yang biasa. Apakah ini menunjukkan kejatuhan taraf perubatan dan

kemahiran doktor di negara kita? Kerajaan sepatutnya harus menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyiasat kes kematian tersebut dan mengumumkan laporan perubatannya kepada orang ramai, di samping memikul tanggungjawab penuh ke atas kematiannya dengan memberi pampasan yang adil dan saksama kepada keluarganya.

Pengorbanan Rajasimasalam ini menunjukkan peruntukan yang banyak diberi kepada pembinaan hospital baru ataupun sistem maklumat adalah tidak mencukupi. Apa yang amat diperlukan sekarang adalah pakar perubatan yang unggul untuk berkhidmat di hospital-hospital kerajaan. Kerajaan haruslah memberi lebih peruntukan dan insentif untuk mengekalkan para kakitangan perubatan yang berpangkat di hospital kerajaan demi memberi perubatan yang baik kepada para pesakit terutama dari golongan yang miskin. Dan kalau kita baca surat khabar pada hari ini, Persatuan Jururawat Malaysia, mereka merasa kesal kerana para jururawat di Malaysia tidak diberi insentif dalam belanjawan ini dan mereka meminta lebih terutamanya kerana mereka adalah golongan yang buat banyak *overtime* di hospital. Saya rasa permintaan para jururawat ini haruslah ditimbang oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh tentang skema insurans kesihatan. Dalam Rancangan Malaysia Kelima daripada tahun 1966 ke-1990, satu Dana Keselamatan Kesihatan Kebangsaan telah pun dicadangkan. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, kerajaan menyatakan akan menjalankan satu kajian *feasibility* dalam perkara tersebut. Akhirnya, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan mengumumkan pelaksanaan Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan.

Memandangkan Rancangan Malaysia Kelapan akan dijalankan dalam tempoh dua bulan lagi, semua rakyat Malaysia masih menunggu-nunggu kajian ataupun rancangan berkenaan dengan insurans kesihatan kebangsaan, khususnya satu Dana Keselamatan Kesihatan Kebangsaan (National Health Security Fund) yang seiring dengan operasi yang berjenis SOCSO.

Saya perlu tahu macam manakah rancangan tentang penubuhan dana tersebut? Adakah ia akan dijalankan seperti apa yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ketujuh? Sekiranya terdapat dana tersebut, apakah maklumat terperinci? Macam manakah tentang pengiraan premium? Adakah skema ini berdasarkan cukai ataupun

upah? Adakah ia dikira mengikut kadar progresif, iaitu mereka yang berpendapatan tinggi membayar peratusan yang lebih tinggi dari golongan yang berpendapatan rendah? Adakah semua warganegara dan penduduk diliputi tanpa mengira umur, bekerja ataupun tidak bekerja dan kelas sosial, adakah sumbangan *supplementary* daripada pencukaian progresif untuk meliputi golongan yang tidak mampu membayar premium?

Apakah perkhidmatan akan diliputi oleh skema kesihatan tersebut? Dan apa yang penting sekali siapakah yang akan menentukan struktur dan kadar Dana Keselamatan Kesihatan Kebangsaan tersebut? Adakah ia akan dilaksanakan sebagai satu institusi demi keuntungan dengan penyertaan tokoh-tokoh yang berkesan dan mempunyai kredibiliti dalam bidang perubatan?

Kami menyeru kerajaan untuk mendedahkan skema pembiayaan perkhidmatan kesihatan kebangsaan dan memberi masa dan peluang kepada orang awam untuk memberi maklum balas sebelum ia diinstitusikan. Ia adalah penting memandangkan kerajaan tidak memberi peruntukan yang memuaskan dalam bidang perubatan. Insurans kesihatan demi keuntungan dan pertubuhan pengurusan kesihatan telah pun bergerak dengan rancaknya dalam kebelakangan ini.

Misalnya, CUEPACS telah mengumumkan satu skema yang direka untuk bekerjasama dengan insurans swasta untuk ahli-ahlinya. Ini bermaksud, CUEPACS kehilangan keyakinan terhadap perkhidmatan kesihatan kerajaan. Manakala KWSP juga telah mengumumkan 5 juta ahli aktifnya boleh menggunakan sebahagian daripada simpanan mereka untuk skema insurans kesihatan swasta yang berdasarkan risiko. Ia juga telah mengadakan perkongsian dengan Life Insurance Association Malaysia (LIAM).

Pengumuman tersebut menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional telah menjalankan satu dasar diktator dalam isu pembiayaan kesihatan kebangsaan yang bergantung pada insurans kesihatan yang berdasarkan keuntungan bersama dengan dana kebajikan perubatan dan dana amanah untuk pesakit yang miskin.

Kita semua tahu tentang masalah insurans kesihatan berdasarkan risiko iaitu orang yang amat memerlukan perkhidmatan kesihatan dinafikan perlindungan. Misalnya, dalam sesetengah kes, pesakit yang mempunyai risiko tinggi iaitu mereka

yang lebih tua dan mempunyai sejarah perubatan keluarga mengenai sesetengah penyakit yang kronik akan dinafikan langsung.

Misalnya, dalam skema LIAM-KWSP. Seseorang yang berumur 35 tahun hanya membayar RM347 setahun sebagai premium untuk jumlah perlindungan RM100,000 untuk 35 penyakit yang kritikal. Tetapi premium tersebut akan naik secara progresif mengikut umur seseorang. Apabila seseorang mencapai umur 65 tahun sehingga 70 tahun, dia terpaksa membayar premium tahunan sebanyak RM20,034 setahun.

Pengalaman di luar negeri menunjukkan sistem insurans kesihatan yang didominasi oleh syarikat swasta akan mengakibatkan peningkatan kos dan premium. Pada akhirnya, sebahagian besar daripada populasi di negara kita pun akan menjadi tidak diliputi oleh insurans dan tidak dapat menikmati perkhidmatan kesihatan. Manakala kerajaan akan terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk menginsuranskan golongan yang tua dan *indigent*.

Kami ingin menyeru kerajaan menghentikan kelulusan kesemua insurans kesihatan yang berdasarkan risiko swasta, termasuk mereka yang telah pun dilancarkan sehingga skema pembiayaan kesihatan kebangsaan diadakan. Kami juga membantah penglibatan insurans yang bertujuan untuk mengaut keuntungan komersial dalam skema pembiayaan kesihatan kebangsaan.

Kerajaan haruslah faham bahawa masalah kesihatan rakyat tidak harus bersandarkan pada penswastan sektor kesihatan awam secara berterusan daripada peruntukan pembiayaan dan malah penggubalan peraturan dan undang-undang. Kerajaan tidak harus mencuci tangan daripada tanggungjawabnya sebagai pemberi perkhidmatan kesihatan. Sebaliknya, ia haruslah berusaha untuk memulihkan sektor awam kesihatan dengan menyuntikkan sumber dan *political will* untuk meningkatkan *morale* dan motivasi supaya perkhidmatan kesihatan akan terus dinikmati atas asas keperluan.

Sektor awam yang berkesan dan *viable* adalah penting sebagai *benchmark* untuk kualiti dan ia haruslah berkelakuan sebagai penyemak ~~larga~~ yang kompetitif terhadap sektor swasta yang menekankan harga yang terlampau tinggi.

Saya menyokong cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar untuk menubuhkan Majlis Kesihatan Kebangsaan yang bertindak sebagai pengantara di antara rakyat dan kerajaan. Majlis tersebut haruslah diwakili oleh perwakilan rakyat yang berpengaruh dan berkelayakan supaya mereka boleh memberi nasihat tentang *priority* kesihatan kebangsaan, *standard* dan peruntukan perbelanjaan, kriteria untuk peruntukan sumber, insentif untuk sektor swasta bukan demi keuntungan, penjadualan yuran untuk sektor swasta dan awam dan kajian semula tentang perkhidmatan kesihatan yang telah diswastakan dan dikorporatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan masalah tentang Orang Asal Sarawak. Dalam Belanjawan 2001 ini, kerajaan memperuntukkan RM100 juta untuk berbagai program untuk masyarakat Orang Asli. Selain itu, kerajaan juga menekankan tentang kepentingan untuk menjaga alam sekitar dalam belanjawan ini. Walau bagaimanapun, saya merasa kesal kerana kerajaan tidak memberi peruntukan yang tidak menyentuh langsung kebajikan dan hak kehidupan Orang Asal di Sarawak.

Pada akhir bulan Oktober tahun ini, satu rombongan Orang Asal Sarawak datang ke Semenanjung Malaysia untuk berjumpa dengan Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Polis Negara mengenai masalah keganasan pasukan polis hutan dan juga masalah yang dihadapi oleh mereka dalam kawasan mereka. Tetapi kesalnya kedua-dua mereka enggan bertemu dengan rombongan Orang Asal Sarawak yang datang dari jauh ini dan mereka hanya sempat bertemu dengan pemimpin Barisan Alternatif dan juga beberapa pertubuhan bukan kerajaan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Billy Abit Joo: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak tanyalah. Saya orang Sarawak tidak tahu siapa Orang Asal Sarawak?

Tuan Billy Abit Joo: Ya. Siapa Orang Asal itu? Sila sebutkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu hendak beri laluan?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dalam Constitution pun tidak ada, dalam Perlembagaan pun tidak ada, undang-undang Sarawak tidak pernah sebut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, minta laluan

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...setahu saya. Jadi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:untuk meminta penjelasan. Jadi....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Menjelaskan tentang definisi Orang Asal Sarawak. Ini adalah apa yang saya diberitahu, Orang Asli adalah definisi atau nama yang digunakan oleh mereka yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Tetapi bagi suku kaum di Sarawak, mereka lebih suka dipanggil sebagai Orang Asal Sarawak.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, *you are a joker. I am from Sarawak, I'm a lawyer.* Kalau Yang Berhormat cakap orang asal Sarawak itu, saya tidak tahu langsunglah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, okey.

Tuan Billy Abit Joo: [*Bangun*].

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya tidak bagi laluan saya.

Tuan Billy Abit Joo: Yang Berhormat.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak ada masa yang banyak lagi untuk memperjuangkan hak orang Sarawak. Bagi saya teruskan, bolehkah?

Tuan Billy Abit Joo: Sedikit sahaja ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti kita bincang di luar Dewan sahaja.

Tuan Billy Abit Joo: Orang Sarawak ramai kaum. Yang saya ingin tahu daripada kaum manakah yang datang ke Semenanjung ini? Adakah mereka kaum Penan, Orang Hulu, Kenyah, Kayan, Kejaman, Sekapan dan sebagainya, harus dibezakan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dalam mesyuarat yang diadakan beberapa minggu lepas itu - ini adalah kenyataan akhbar mereka pada 2 November 2000. Ini

semua disiarkan dalam surat khabar dan dalam rombongan itu ada orang Penan, Iban, Dayak dan dari Hulu Baram. Kalau Yang Berhormat berminat saya nanti boleh beri kenyataan akhbar mereka dan permintaan mereka.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Biar saya ambil kesempatan ini sebagai....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mengikut daripada isi kandungan yang tersiar di dalam surat khabar.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya. Bagi saya peluang untuk membincangkan hak orang Sarawak. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya sayang dengan Yang Berhormat ini.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Masalah yang dihadapi oleh mereka adalah masalah berkaitan dengan hak tanah iaitu, hak ke atas Tanah Adat Asal ataupun NCR dan hak-hak sebagai warganegara seperti pemilikan kad pengenalan, pendidikan, kesihatan, kemudahan-kemudahan asas seperti air paip dan perumahan. Syarikat pembalakan dan pemaju tanah sama ada pihak kerajaan mahupun swasta sentiasa menimbulkan masalah bagi mereka melalui pencerobohan hak NCR dan hutan mereka. Di samping itu, kerajaan telah membuat pindaan terbaru ke atas Kanun Tanah yang bercanggah dengan hak NCR orang asal Sarawak. Akibatnya hak NCR ke atas tanah dan hutan orang asal semakin merosot dan tidak mendapat pengesahan daripada kerajaan pusat dan negeri. Kehidupan mereka semakin terjejas dan keselamatan mereka terancam oleh keganasan dan kekerasan daripada syarikat pembalakan dan perladangan serta Pasukan Polis Hutan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nantilah, ada banyak lagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja, Yang Berhormat. Saya sebenarnya sayang dengan ucapan Yang Berhormat itu supaya

dibetulkan sedikit fakta-fakta yang tertentu sebegini. Yang Berhormat, saya orang Sarawak. Jadi, itulah.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak ada masa lagi kerana permintaan rakyat adalah lebih penting daripada untuk *entertain* Yang Berhormat. [*Sorak*]

Saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini terhadap kes-kes pencerobohan hak NCR orang asal di Sarawak yang berlaku di Hulu Baram, Hulu Niah dan Pakong di Miri dan juga kawasan yang terjejas oleh *Borneo Park* dan *Paper Mill*. Tanah orang asal ini dirampas oleh syarikat-syarikat besar untuk tujuan pembalakan ataupun penanaman kelapa sawit. Rayuan perwakilan orang asal Sarawak adalah seperti berikut:-

- (i) semua lesen syarikat yang beroperasi di kawasan tanah NCR ditarik balik dengan segera supaya mereka tidak lagi beroperasi dalam kawasan tanah NCR mereka;
- (ii) hak-hak dan kebebasan mereka untuk bersuara, memilih pendidikan dan kesihatan diiktiraf oleh kerajaan;
- (iii) memberi pengesahan dan jaminan kepada hak tanah NCR dengan pindaan kepada Seksyen 5 Kanun Tanah Sarawak Tahun 1958 iaitu, memberi pengiktirafan kepada hak NCR orang asal mengikut adat asal mereka sejak turun-temurun;
- (iv) memberi pengiktirafan dan jaminan pemilikan atau hak penggunaan tanah orang asal mengikut adat asal dan hak tanah NCR orang asal tidak boleh dihapuskan tanpa kebenaran atau persetujuan secara sukarela pemilik atau pengguna tanah itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada lagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Betul, Yang Berhormat. Ini soalan undang-undang – undang-undang adat Sarawak. Saya tahu Seksyen 5 Kanun Tanah Sarawak Tahun 1958.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti boleh bincang di luar Dewan. Saya akan

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:yang memberi hak adat ini. Saya tahu undang-undang ini, Yang Berhormat. Jadi, saya minta penjelasan sama ada Yang Berhormat tahu atau tidak?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, saya memang merasa kesal.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Yang Berhormat bagi Batang Lupar datang daripada Sarawak. Mungkin dia minat hendak tahu masalah Sarawak.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya dari Sarawak, Yang Berhormat. Jadi, kalau fakta yang salah saya tidak mahu dengar. Jangan cakap bohong, kalau luar cakap bohong bolehlah, dalam ini jangan cakap bohong.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jangan bincangkan perkara Yang Berhormat tidak tahu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini....saya semua adalah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenar Yang Berhormat tidak tahu dengan soal ini. [*Tepuk*] Apa yang dibaca.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kalau Yang Berhormat tidak tahu nanti saya akan tunjukkan kepada ahli pembangkang dari Sarawak.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya beritahu kepada Yang Berhormat, yang demonstrasi di Hong Kong dia kata orang Iban daripada Sarawak.

Seorang Ahli: Penjelasan, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang dikatakan demonstrasi di Sarawak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan. Yang Berhormat, sila duduk, peraturan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lepar itu berdegil-degil tidak mematuhi bahawa Yang Berhormat bagi Seputeh tidak memberi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak kenal. Teruskan, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat 41(e).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Puan Fong Po Kuan: Dia tidak boleh mengganggu. Apabila seorang ahli sedang bercakap, dia mesti diam. Tidak boleh ganggu dengan cara tidak sopan. Sila buat satu keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betul. Keputusan saya akan buat. Semua duduk, Yang Berhormat bagi Seputeh teruskan ucapan. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Biar saya teruskan dan memberi maklumat tentang kepahitan orang*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat Baram bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak ada lagi. Biar saya habiskan dahulu. Di luar Dewan kita cakap.

- (iv) Memansuhkan Seksyen 90(b) Ordinan Hutan Tahun 1953 (Pindaan) 1993 yang digunakan oleh pihak polis untuk menangkap dan menakutkan orang asal;
- (v) membuat siasatan terperinci tentang masalah-masalah orang asal, contohnya kesalahan dan tuduhan terhadap seseorang anggota Pasukan Polis Hutan (PPH) yang merogol seorang budak perempuan di Hulu Baram pada tahun 1993 dan kes 19 orang dari Hulu Niah yang dituduh membunuh; dan
- (vi) menyiasat dan memberhentikan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Baram bangun. Yang Berhormat bagi Baram dari kawasan itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti, bagi saya habiskan. Ada masa lagi.

- (vi) Menyiasat dan memberhentikan dengan segera kes-kes di mana syarikat mengupah samseng untuk mengugut dan mengancam nyawa dan keselamatan orang kampung.

Banyak masyarakat di negara maju di dunia ini telah semakin giat melancarkan pergerakan untuk mempertahankan hak dan kebajikan orang asli dan orang asal di negara mereka masing-masing. Kerajaan Persekutuan tidak harus berpeluk tubuh terhadap masalah yang dihadapi oleh orang asal Sarawak. Tuntutan orang asal Sarawak terhadap tanah, air yang bersih, tanah adat, budaya, bahasa dan tuntutan yang lain, haruslah dihormati dan dibela oleh kerajaan. Mereka haruslah dilihat sebagai warisan dan kebanggaan kepada negara kita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini tidak berkaitan dengan orang di Sabah. Saya hendak berbalik

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, Sarawak bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berlalu kerana saya tidak ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap dan masih menunggu[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri Penerangan bangun.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tunggu giliran.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, okey.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Pakaian macam itu boleh? [Ketawa]

Puan Fong Po Kuan: Tidak ada kaitan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Pakaian macam itu bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sahaja, Yang Berhormat. [Sorak].

Puan Teresa Kok Suh Sim: Eh, apa soalan macam ini.

Seorang Ahli: Yang itu boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kenapa tidak

Puan Fong Po Kuan: Apa ini?

Seorang Ahli: Apa ini, kasar.

Puan Fong Po Kuan: Ambil tindakanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, dia sudah keluar. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuduhan yang liar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat yang bangun sekarang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya ingin berbalik kepada isu....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dari kawasan Sarawak, negeri Sarawak.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya sekarang hendak bincang tentang isu orang India lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau orang hendak ganggu, ganggu saya lebih baik *[Ketawa]*. Jangan ganggu Yang Berhormat bagi Seputeh dan tambah pula adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita ada hak-hak asasi untuk Orang Asli juga termasuk yang terbaru sekalilah *Human Development Report 2000 United Nations*, Bangsa-bangsa Bersatu. Bolehkah Yang Berhormat suruh semua ini balik baca *Human Development Report 2000* oleh *United Nations* baru kita sedar apakah yang telah berlaku di Sarawak sekarang ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, memang saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada peraturan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta duduk. Peraturan Mesyuarat 41(f) tentang pakaian ini Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya bacalah, “41(f) Ahli-ahli lelaki hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan atau *lounge suit*, ahli-ahli wanita hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan, sarung dan blaus berlengan panjang, atau *skirt* yang sekurang-kurangnya paras lutut dan blaus berlengan panjang.....”. Saya minta Tuan Yang di-Pertua tolong buat *ruling* tentang pakaian. *[Sorak]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, hari ini dibenarkan, teruskan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan, nanti, Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, apa peraturan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Peraturan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: 41(f) hujung lagi. Hujungnya ialah “...atau apa-apa pakaian lain sebagaimana dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua”. *[Sorak]* Betul-betul boleh. Tidak baca habis ini. *[Sorak]*

Puan Fong Po Kuan: Ha, tidak baca habiskah? *[Sorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah kata benarkan hari ini. *[Sorak]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini macam mana ini, tidak konsisten.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cakap berdekah-dekah dekat luar, dalam Dewan depan mata kita. Kita minta semua perhatilah perangai PAS. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: PAS ghairah pakai yang pendek. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sudah satu tahun sekarang - bulan November, saya jadi Ahli Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya jadi Ahli Yang Berhormat, tidak ada lagi isu ini yang bangkitkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan dan sila gulung juga. Masa untuk Yang Berhormat sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Tuan Moktar bin Radin: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan: Boleh, boleh jika suka....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Selain daripada orang asal Sarawak, perbelanjaan tahun 2001 ini juga tidak menyentuh tentang mengadakan peruntukan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan sesetengah masyarakat India yang tersisih daripada arus pembangunan dan juga masalah pendidikan mereka. Mengikut statistik, terdapatnya 520 sekolah Tamil di Malaysia di mana 200 mungkin akan ditutup. Kebanyakan sekolah Tamil tersebut adalah kekurangan kelengkapan yang asas dan dalam keadaan yang teruk seperti tidak ada perpustakaan yang sesuai di samping kerusi dan meja yang rosak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, sila gulung. Masa untuk Yang Berhormat sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, saya gulung. Selain itu, kualiti guru di sekolah Tamil tersebut juga adalah kurang memuaskan. Keadaan ini menyebabkan ramai pelajar India mempunyai keyakinan diri yang rendah. Para pelajar ini juga kurang sihat kerana kebanyakan mereka datang daripada keluarga yang miskin. Adalah sedih di mana masyarakat kaum India tidak diambil berat oleh kerajaan dalam rancangan pembangunan kerajaan.

Saya ingin menyeru kerajaan supaya mengadakan satu perbekalan baru untuk tujuan memberi sokongan penuh kepada semua sekolah Tamil dan memperbaiki taraf infrastruktur dan sistem sokongan sekolah-sekolah tersebut seperti:

- mengadakan lebih perpustakaan, kelengkapan audio-visual, komputer dan sebagainya;

- membekalkan guru-guru yang berkecukupan ke sekolah-sekolah Tamil tersebut dengan gaji yang lumayan;
- memberi elaun kepada pelajar yang papa miskin untuk mendapat makanan yang berkualiti dan barang keperluan seperti baju seragam sekolah, kasut dan sebagainya untuk meningkatkan keyakinan diri mereka.

Dalam sidang *International Parliamentary Union* (IPU) yang ke-104 yang diadakan di Jakarta, ia telah meluluskan satu Usul mengutuk 16 buah negara....

[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh beri saya lima minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Guna kan satu ayat lagi, habiskan satu ayat lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ayo, habiskan point. Okey, my god, how hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ataupun di peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat boleh bangkitkan atas perkara yang tak sempat

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, ada beberapa ayat lagi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang berhati baik. Saya ingin menyeru Kerajaan Barisan Nasional supaya mengkaji semula dasarnya terhadap Burma. Tibalah masanya bagi Kerajaan Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih gigih untuk menggalakkan dan malah menganjurkan dialog tiga parti di Burma dan membuka *date lock* di negara itu. Kerajaan tidak boleh selalu menggunakan alasan *constructive engagement* dan tidak campur dalam urusan dalaman luar negeri untuk mengelakkan isu yang begitu penting di rantau Asian ini tetapi sebaliknya jika sekiranya kita ingin dapat pengiktirafan dan pujian daripada masyarakat antarabangsa dari segi isu kemanusiaan maka kita harus juga menunjukkan sikap yang sama terhadap berpuluh-puluh juta rakyat di Burma. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelang.

12.30 tgh.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Kelang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan Tahun 2001....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya nampak ramai yang ingin berucap lagi, kalau bolehlah kita cuma ringkaskan, ini point yang mustahak supaya kita boleh membenarkan lebih ramai yang dapat berucap sebab besok untuk Ahli-ahli Yang Berhormat berucap sepatutnya akan tamat pada hari esok. Mulai hari Isnin untuk kerajaan memberi jawapan. Jadi, cubalah ringkaskan. Ya, teruskan Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan Tahun 2001 yang menitikberatkan pembangunan k-ekonomi di dalam negara kita jelas menunjukkan usaha dan keazaman kerajaan untuk membawa negara kita ke tahap lebih tinggi dalam pembangunan ekonomi. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan[Disampuk]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Tuan Yang di-Pertua. Kalau diikuti daripada notis ini, jadual ini, perbahasan sehingga 13 November iaitu, hari Isnin dan Selasa serta Rabu, jawapan. Jadi, saya minta *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita memang cuba hendak habiskan hari esok. Jadi, kalau boleh - tidak apa Yang Berhormat teruskan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil langkah berani ini kerana sekiranya gagal berbuat demikian, kita tidak akan dapat bersaing dengan negara-negara maju di dunia.

Di antara strategi yang diperlukan untuk melahirkan tenaga kerja ICT sebagaimana yang dikehendaki dalam pelaksanaan k-ekonomi adalah dengan memberikan beberapa insentif kepada rakyat Malaysia yang mempunyai kemahiran berkaitan yang sedang bekerja di luar negara agar mereka kembali ke Malaysia. Salah satu daripada insentifnya ialah suami atau isteri dan anak-anak yang bukan warganegara Malaysia, akan diberi status permastautin tetap dalam tempoh enam

bulan. Ini adalah suatu yang menggalakkan kerana ramai rakyat Malaysia yang memilih untuk menetap di luar negara kerana suami atau isteri mereka menghadapi masalah mendapatkan status PT di Malaysia. Saya percaya mereka akan tertarik dengan insentif ini. Oleh itu, amatlah penting bagi pihak kerajaan menetapkan kriteria yang jelas bagi menentukan kelayakan seseorang serta dengan bantuan memohon seberapa segera yang boleh bagi pengetahuan awam.

Sedang kita melaksanakan usaha yang baik bagi menggalakkan rakyat Malaysia yang berkelayakan, yang berada di luar negara kembali ke Malaysia dengan memberi status PT kepada pasangan mereka, janganlah kita lupakan nasib beribu-ribu isteri yang terdiri daripada warganegara asing yang suami mereka telah pun memilih untuk kembali ke tanah air lebih awal lagi dan sejak itu telah banyak menyumbang kepada negara ini. Ramai daripada mereka telah menunggu lebih daripada 10 tahun tetapi permohonan mereka untuk menjadi PT masih belum diluluskan. Bagi saya perkara seperti ini tidak seharusnya berlaku dan saya ingin tahu adakah isteri-isteri ini akan diberi status PT sama seperti mereka yang kembali selepas dilaksanakan polisi baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil rakyat wanita saya amat gembira apabila saya lihat insentif yang serupa iaitu, membenarkan suami dan anak-anak mendapat status PT diberikan juga kepada warganegara wanita Malaysia yang berkelayakan, yang berada di luar negara. Di bawah Akta Imigresen 1959 dan 1963 hanya isteri-isteri dan anak-anak warganegara lelaki sahaja yang boleh memohon status PT melalui suami-suami mereka tetapi peruntukan yang sama tidak diberikan kepada suami-suami yang terdiri daripada warganegara asing yang telah berkahwin dengan wanita rakyat Malaysia. Insentif yang dicadangkan ini mungkin akan menggunakan Seksyen 55(1) yang memperuntukkan bahawa pihak Menteri mempunyai kuasa untuk mengecualikan sebarang orang ataupun kumpulan orang sama ada sepenuhnya atau bersyarat daripada semua atau sebahagian daripada peruntukan Akta ini.

Perkara ini tidak dapat mengubah hakikat bahawa wanita sebenarnya tidak diberikan layanan yang saksama dengan lelaki di bawah Akta Imigresen ini. Pertubuhan-pertubuhan wanita telah berusaha bertahun-tahun lamanya untuk

meminda peruntukan yang terdapat pada Akta yang merendahkan taraf wanita. Dengan ini saya menggesa pihak kerajaan mengambil peluang ini untuk meminda Akta pada masa yang sama agar wanita-wanita yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi dapat pulang dan memberi sumbangan kepada pembangunan negara bersama-sama suami dan anak-anak mereka tanpa perlu merasa rendah diri.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini sekali lagi mengulangi ketegasan kerajaan ke atas pengeluaran makanan. Walau bagaimanapun, saya seperti juga ramai yang lain, telah berharap agar terdapat langkah-langkah yang boleh menolong penanam-penanam kelapa sawit dan pengilang-pengilang minyak sawit. Sektor pertanian telah memainkan peranan penting dalam menyokong proses industrialisasi Malaysia, terutama sekali dalam masa dua dekad yang lalu dan ianya akan terus berbuat demikian sehinggalah ekonomi negara kita berubah sepenuhnya. Oleh itu sektor pertanian tidak seharusnya diabaikan dalam kita mengejar pelaksanaan k-ekonomi.

Hari ini sektor minyak sawit sedang menghadapi keadaan sukar kerana terdapatnya bekalan yang berlebihan di pasaran dunia. Harga pukul rata bagi minyak sawit mentah atau *crude* telah jatuh ke RM830 setiap satu tan berbanding dengan RM2,000 semasa keadaan ekonomi pesat. Pengeluar-pengeluar kecil adalah yang paling teruk menerima kesan buruknya kerana buah sawit berharga hanya RM105 setiap tan. Pengeluar-pengeluar kecil ini juga menghadapi masalah menjual buah-buah mereka kerana kebanyakan pengilang-pengilang minyak sawit adalah tuan punya ladang-ladang sawit. Untuk meminimakan kerugian mereka, ramai pengeluar kecil sekarang telah berhenti merumput dan membaja. Mereka yang telah membuat pinjaman bank terpaksa berhadapan dengan masalah bahawa tanah mereka akan dirampas ataupun *foreclosure*. Kesan buruk yang berlanjutan daripada jatuhnya harga minyak sawit dapat dilihat dengan jelas di bandar-bandar kecil di kawasan-kawasan luar bandar. Saya telah menerima banyak aduan daripada peruncit-peruncit yang menyatakan betapa perniagaan mereka telah merosot.

Saya berpendapat bahawa kerajaan perlu memberikan bantuan segera kepada pengeluar-pengeluar minyak sawit pada masa kini. Tatkala harga minyak sawit se dunia meningkat pada tahap yang tertinggi pada tahun 1998, kerajaan telah

mengenakan levi keuntungan luar biasa atau *windfall profit levy* ke atas minyak sawit. Berasaskan perkara yang sama, saya rasa pengecualian cukai eksport ke atas minyak sawit seharusnya diadakan tatkala harga sedunia minyak sawit jatuh ke suatu tahap yang tertentu. Ini akan membolehkan pengeluar-pengeluar kita bersaing dengan pengeluar-pengeluar lain di pasaran dunia. Selain daripada pengecualian cukai eksport, kerajaan harus keluar dengan suatu pelan bagi membantu pengeluar-pengeluar kecil yang berhadapan dengan penutupan tanah-tanah mereka.

Industri minyak sawit sejak dahulu lagi telah menjadi salah satu sumber utama pendapatan negara kita. Walau bagaimanapun, apabila semakin ramai pengeluar memasuki pasaran dunia dan apabila negara-negara seperti Indonesia dan Thailand memberi persaingan yang menguntungkan mereka seperti mempunyai tenaga buruh yang murah serta harga tanah yang lebih rendah, pengeluar-pengeluar kita harus meningkatkan usaha dan cuba menceburi dalam bidang pengeluaran produk-produk yang berteknologi tinggi. Bidang penyelidikan dan pembangunan industri minyak sawit kita merupakan salah satu daripada yang terbaik di dunia. Ianya patut dikukuhkan agar dapat menerajui pembangunan bio teknologi yang ternyata menjadi tumpuan bidang pertumbuhan bagi abad ini. Kita harus menghala ke pengeksportan benih-benih yang mengeluarkan hasil yang lebih tinggi dan baik dan teknologi yang berasaskan kelapa sawit seperti kawalan serangga perosak dan perlindungan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, insentif yang diberikan dalam belanjawan untuk menggalakkan pengeluaran makanan adalah tepat pada waktu ini dan saya ingin memperkatakan mengenai pengeluaran beras yang menjadi makanan ruji negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat kira-kira 100 ribu pesawah di negara kita dan mereka menghasilkan lebih kurang 70% atau 80% daripada jumlah penggunaan di dalam negara. Harga padi mendapat bantuan subsidi kerajaan dan dalam tahun 1999 sahaja subsidi padi meningkat sehingga RM410 milion. Akan tetapi, walaupun adanya subsidi, pengguna-pengguna masih perlu membeli beras dengan harga yang lebih tinggi daripada pasaran dunia. Jurang perbezaan telah mengakibatkan aktiviti penyeludupan beras semakin meningkat di sempadan.

Beras adalah makanan ruji bagi para pekerja negara kita dan harga mesti diletakkan seberapa rendah yang boleh. Saya rasa telah tiba masanya kita mengkaji semula polisi beras kita. Walaupun kita rasa perlu untuk terus mengeluarkan beras atas sebab-sebab keselamatan negara, namun oleh sebab kos pengeluarannya yang tinggi, kita harus cuba menurunkan peratus beras yang dikeluarkan di negara kita seberapa rendah yang mungkin. Saya ingin mencadangkan agar beras yang diimport dinaikkan peratusnya daripada 30% sekarang ke 40% atau 50% daripada jumlah penggunaan beras di negara kita.

Dalam masa yang sama, strategi yang baru harus diperkenalkan bagi membolehkan penanaman padi di negara kita berkembang dengan sendirinya dari segi komersial. Penanaman padi tidak efisien kerana ramai pesawah yang menganggap tanaman padi sebagai satu cara hidup dan bukan sebagai satu pelaburan. Malangnya beras yang dihasilkan daripada se bidang tanah yang luasnya satu atau dua ekar adalah sekadar mencukupi untuk penggunaan keluarga sendiri sahaja.

Kemiskinan akan menyusur apabila keluarga tersebut tidak mempunyai sumber pendapatan lain untuk membiayai keperluan-keperluan keluarga seperti yuran sekolah anak-anak, pakaian dan bekalan elektrik. Itulah sebabnya mengapa pesawah-pesawah tradisional ini hidup miskin dan sentiasa mengharapkan subsidi kerajaan. Skim subsidi beras yang ada sekarang hanya mengekalkan kemiskinan pesawah tradisional dan dalam masa yang sama ia membebankan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah, yang terpaksa membeli beras dengan harga yang tinggi. Tidak ada jalan bagi pesawah-pesawah tradisional ini dapat menambahkan pendapatan mereka selain daripada menukar cara penanaman atau tanaman mereka.

Mereka harus diberi galakan dan bantuan untuk menanam tanaman-tanaman baru yang dapat memberikan mereka pulangan yang lebih lumayan walaupun bidang tanah mereka kecil. Dalam masa yang sama, kerajaan mesti mencari jalan melahirkan generasi pesawah yang dapat menggunakan teknologi moden dan dapat mengendalikan kerja-kerja sawah secara besar-besaran. Saya ingin mencadangkan agar insentif untuk pengeluaran makanan seperti yang terdapat dalam belanjawan dipanjangkan kepada pesawah-pesawah secara individu dan tidak kepada sektor korporat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan telah pun memberi penekanan yang sewajarnya terhadap perkembangan k-ekonomi dan persediaan terhadap pelaksanaan AFTA. Memang salah satu daripada cabaran terbesar bagi Malaysia pada jangka masa dua tahun yang akan datang ini adalah bagaimana hendak membina keupayaan dan kekuatan kita dalam persaingan untuk menawan pasaran yang amat luas, yang jumlah penduduknya 300 juta.

Persaingan yang dijangkakan sengit dan kita tidak berharap untuk berjaya dalam semua industri. Ternyata beberapa industri yang setakat ini telah menjadi penyumbang besar kepada barang-barang kilang yang dieksport seperti tekstil dan elektronik mungkin akan hilang daya saingan mereka kepada negara-negara seperti Thailand, Singapore, Filipina, Indonesia atau mungkin juga Vietnam. Pengunduran pelaburan asing daripada industri-industri ini mungkin berlaku dengan cepatnya selepas pelaksanaan AFTA.

Oleh itu kita perlu dengan segera mengenal pasti industri-industri alternatif bagi menampung beribu-ribu pekerja yang mungkin kehilangan pekerjaan disebabkan oleh pemindahan industri-industri yang ada ke negara-negara lain. Kita hanya mempunyai masa kurang daripada dua tahun untuk membina industri-industri baru dan untuk memberi latihan yang bersesuaian kepada tenaga kerja kita.

Multimedia Development Cooperation (MDC) yang telah ditubuhkan untuk menerajui sektor ICT seharusnya menggiatkan aktiviti mereka dan membuka lebih banyak peluang untuk SMI tempatan mengambil bahagian dalam sektor ICT. Peluang harus dibuka kepada semua tidak kira sama ada syarikat bumiputera atau bukan bumiputera, supaya bersama-sama kita dapat membina sebuah tapak yang luas bagi industri-industri ICT ataupun *a broad base ICT Industry*, agar dapat mengganti industri-industri yang akan luput selepas pelaksanaan AFTA.

Saya berasa gembira pihak kerajaan telah pun menyediakan beberapa jenis insentif bagi membantu sektor industri meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka. Industri-industri pengilangan kecil yang telah mendapat perlindungan tarif dan yang telah memberi sumbangan kepada pasaran tempatan harus berusaha lebih giat lagi agar dapat terus hidup selepas AFTA. Mereka harus mengambil peluang sepenuhnya atas insentif yang diberi untuk memperkukuh kedudukan mereka.

Dengan kata-kata ini, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baram.

12.55 tgh.

Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin sentuh sedikit perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh baru-baru tadi berkenaan dengan orang Baram. Saya nampak Yang Berhormat bagi Seputeh ini memang ketinggalan zaman, satu, oleh kerana suku kaum kita di Baram memang orang bumiputera bukan disebutkan asal – sebutan asal tadi memang tidak betul. Adakah Yang Berhormat bagi Seputeh pernah melawat ke Baram untuk meneliti dan melihat apakah yang sebenarnya keadaan yang ada di Baram.

Kita sudah tahu dalam pilihan raya yang lalu, kita dalam Barisan Nasional telah menang Kerusi Baram ini dengan kelebihan undi yang terlebih besar lagi dari pilihan raya yang lalu. *[Tepuk]* Saya rasa ini menunjukkan bahawa kebanyakan kita orang Baram ini memang menyokong Barisan Nasional, menyokong Kerajaan Barisan Nasional.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Duduk, saya tidak bagi – tadi Yang Berhormat tidak bagi. Duduk Yang Berhormat, saya banyak belum berucap lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Pernahkah Ahli Yang Berhormat berjumpa dengan suku-suku kaum yang sengsara itu? *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, Baram tidak beri laluan.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Janganlah Yang Berhormat bagi Seputeh, oleh kerana ada satu surat yang diterima oleh Yang Berhormat itu hendak mempolitikkan hal ini *[Disampuk]* Hal ini memang sudah lapuk, kita sudah tahu dalam 10 tahun yang lalu, so sekarang jangan mempolitikkannya lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan Sarawak?

Tuan Jacob Dungau Sagan: Ini berlaku dahulu oleh kerana mereka ini dipengaruhi oleh pembangkang-pembangkang termasuk kawan-kawan kita dari DAP dan NGO's juga. Jadi, ini masalah yang telah timbul dalam hal ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi kenapa mereka boleh dipengaruhi?
[Disampuk] Kerana Barisan Nasional tidak memperjuangkan nasib mereka?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Yang Berhormat bagi Seputeh, bagilah peluang kepada saya untuk memberi keterangan sedikit.

Seorang Ahli: Kita melawat sama-samalah.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Untuk maklumat Yang Berhormat bagi Seputeh, kita sudah tahu Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sarawak memang mempunyai banyak program untuk menentukan masa depan suku-suku kaum kita di Baram. Termasuk penubuhan Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Penan yang sedia ada, di mana Kerajaan Negeri Sarawak memperuntukkan tiap-tiap tahun lebih kurang RM1 juta untuk menjaga hal ehwal mereka ini.

Dan juga dari segi NCR ini, kita mempunyai undang-undang yang tertentu di bawah Undang-undang Tanah Negeri Sarawak di mana kerajaan menjamin bahawa tanah-tanah NCR ini memang terjamin oleh kerajaan supaya tidak ada orang luar, tidak ada orang dalam yang akan mengacau bilau.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bermakna syarikat besar ini boleh mencerobohi kawasan dan NCR mereka? *[Disampuk]*

Tuan Jacob Dungau Sagan: Jadi, dengan keseluruhannya, janganlah mempolitikkan hal ini lagi. Oleh kerana kita orang Baram ini sudah mempunyai satu keadaan yang bersepadu dan makmur. Barisan Nasional memang ada beberapa langkah-langkah ataupun program yang sedia ada untuk melindungi suku kaum kita di negeri Sarawak.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2001 *[Tepuk]*. *[Disampuk]* Saya rasa saya tidak ada banyak masa lagi. Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas, tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, di

atas ucapan Belanjawan 2001 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 27 Oktober 2000 ini. Kita jelas tahu bahawa kerajaan akan melaksanakan strategi dan langkah yang lebih gigih untuk membolehkan negara melonjak bagi mencapai taraf dunia yang maju...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Silakan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Baram. Jadi, satu saya bagi nasihat kepada Yang Berhormat bagi Baram, jangan bagi laluan kepada parti pembangkang, sebab dia tidak pernah bagi laluan kepada kita, bila kita tanya. Sebab dia orang baca saja macam kereta api. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa di negeri Sarawak setiap kali pilihan raya, pihak Barisan Nasional mendapat kemenangan yang besar dan kita tidak pernah pun memberi peluang kepada DAP, sebab DAP banyak cakap, tetapi dia kerja tidak banyak.

Begitu juga saya mohon penjelasan bahawa dalam Barisan Nasional yang diwakili oleh empat buah parti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ...dalam negeri Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita mewakili semua kaum di Sarawak. Oleh yang demikian, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan kepada kita, betul atau tidak pihak Barisan Nasional negeri Sarawak sudah mempunyai banyak rancangan untuk semua kaum di Sarawak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Baram, boleh jawab dan sambung ucapan petang ini.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Baram sila sambung ucapan.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di atas perkara Barisan Nasional di Negeri Sarawak. Kita dalam Barisan Nasional memang sentiasa berusaha dengan sesungguhnya untuk membawa pembangunan kepada semua lapisan masyarakat di seluruh negara. Di Sarawak, Kerajaan Barisan Nasional negeri Sarawak telah berjaya dengan cemerlangnya dalam usaha ini termasuk mempersatupadukan semua kaum masyarakat. Sama ada mereka itu Iban, Cina, Melayu, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Penan, Bukitan dan lain-lainnya.

Dan ini, kita telah mencapai keadaan yang

Tuan Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun di belakang tu.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan.

Tuan Jacob Dungau Sagan: ... mencapai keadaan yang aman dan damai.

Tuan Moktar bin Radin: Belakang-belakang.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Minta maaf dulu saudara.

Tuan Moktar bin Radin: Sikit sahaja.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Oleh sebab itulah, rakyat menyokong Barisan Nasional, komponen parti PBB, SUPP, SNAP dan PBDS kita dalam pilihan raya yang lalu di mana Barisan Nasional menang dalam semua kerusi yang ditandingkan.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Baram. Tadi wakil rakyat bagi Seputeh ada menyebut sekumpulan masyarakat daripada Sarawak, dari Baram pun ada, yang ke Kuala Lumpur ingin berjumpa dengan pemimpin Barisan Nasional termasuk ahli-ahli Parlimen dari Sarawak tetapi dakwaan daripada Seputeh bahawa mereka tidak dapat berjumpa dengan wakil-wakil dari Sarawak dan berjumpa dengan pemimpin DAP. Jadi, yang menghairankan saya, DAP ni dua isu sudah dia bawa. Pertama, isu orang India kemudian sekarang isu orang Sarawak. Apakah ini ada kena mengena dengan pilihan raya di Sarawak dan

juga pilihan raya kecil di Lunas akan datang ini kerana pilihan raya yang lalu mereka kalah semua. Mungkin ini tahun mereka mahu memancing undi masyarakat di Sarawak.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetujulah oleh kerana mereka ini mengambil peluang untuk mempolitikkan perkara-perkara yang ada sekarang ini. [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ucapan saya. Kita dimaklumkan bahawa 5 strategi utama yang digariskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa beliau membentangkan Belanjawan 2001 itu termasuk mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara, mengenal pasti sektor pertumbuhan baru, meneruskan dasar rangsangan fizikal dan kewangan untuk mendukung pertumbuhan, meningkat kualiti hidup rakyat. Daripada 5 strategi tersebut, Dewan ini dimaklumkan belanjawan ini tertumpu kepada 5 teras utama iaitu rangsangan pertumbuhan ekonomi negara, melaksanakan inisiatif strategik, mempertingkatkan daya saing negara dan meneruskan agenda masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara, saya bersetuju bahawa kerajaan perlu memperhebatkan kegiatan beberapa sektor pertumbuhan baru termasuk k-ekonomi, ICT dan modal teroka. K-ekonomi dalam dunia tanpa sempadan memerlukan kita harus bersedia, melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terkini dan kemahiran baru. Selain dari itu kita juga perlu bersiap sedia mempraktikkan budaya berteknologi tinggi dan keusahawanan yang dinamik. Kita sedar bahawa kerajaan telah berusaha membina landasan yang kukuh berasas kepada dasar pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan beberapa langkah yang akan diambil bagi merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju bagi meningkatkan daya saing negara dalam struktur ekonomi global yang telah berubah kepada sistem lebih *complex*, canggih dan *competitive*, kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk meningkatkan daya saing negara. Menerusi beberapa langkah termasuk memberi satu perspektif baru kepada konsep perkongsian strategik. Peranan FDI dan peranan modul dan juga menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran, pengedaran dan,

dengan izin, *transshipment* dalam era AFTA dan WTO. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperkenalkan beberapa langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan bahawa objektif ini akan tercapai dalam masa yang dekat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita mengejar kemajuan dan kemakmuran serta mempergiatkan ekonomi negara, kita juga harus sedar bahawa kerajaan Barisan Nasional kita ini memang sangat prihatin kepada semua golongan masyarakat negara yang tidak dapat menikmati sepenuh hasil pembangunan negara. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana bertekad meneruskan agenda masyarakat penyayang yang diamal selama ini.

Kita telah diperkenalkan beberapa strategi bagi mencapai agenda ini termasuk meneruskan agenda sosial; meningkatkan pendapatan golongan miskin - meneruskan program PPRT dan perumahan rakyat; mengimplementasikan program AIM; program TEKUN; PROSPER dan tabung khas Terengganu; program peningkatan taraf kesihatan dengan pembinaan hospital baru dan klinik-klinik; program pembangunan luar bandar; program pengurusan alam sekitar; program membanteraskan gejala sosial negatif; program-program dan bantuan bagi membela kebajikan golongan orang kurang upaya, warga tua, anak-anak yatim dan fakir; program pembiayaan persekolahan, anak-anak keluarga pendapatan rendah, melalui skim buku teks, bantuan makanan tambahan, penempatan di asrama, skim biasiswa. Begitu juga dengan program untuk masyarakat Orang Asli, program bagi golongan tertentu seperti wanita, belia dan badan bukan sukarela, bukan kerajaan dan sukarelawan. Semua program yang disebut itu tadi membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional memang mempunyai agenda masyarakat penyayang yang benar-benar berjiwa rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya anggaran belanjawan yang dicadangkan bagi tahun 2001 sebanyak RM91.5 bilion di mana sebanyak RM62.21 bilion atau 68.3% diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus manakala sebanyak RM28.84 bilion atau 31.7% untuk perbelanjaan pembangunan adalah amat baik memandangkan ekonomi negara kita nampak pulih semula. Kita dimaklumkan bahawa belanjawan ini dijangka mencatat defisit 4.9% daripada KNK. Jadi, saya ingin bertanya jugalah, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan bagi

mengatasi defisit tersebut pada masa depan supaya defisit ini tidak akan menjejaskan pembangunan negara kita.

Kita harus berharap bahawa pertumbuhan ekonomi kita akan terus meningkat lebih lagi dari 7% yang dijangkakan itu pada tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membahaskan Belanjawan 1999 dan Belanjawan 2000, saya menekan bahawa pembangunan prasarana khusus infrastruktur jalan raya adalah amat penting bagi mempercepatkan pembangunan masyarakat dalam sesebuah negara. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana telah membangun negara ini ke tahap yang bertaraf dunia. Kita sedar beberapa highway, jalan raya, jalan-jalan luar bandar dan jalan kampung di seluruh negara telah dibina untuk kebaikan rakyat semua.

Di negeri Sarawak kita juga berterima kasih kerana jalan raya yang mulai dari Pekan Sematan di barat Sarawak menuju ke arah Bandar Miri di utara Sarawak dan seterusnya ke Limbang-Lawas di negeri Sabah menerusi negara Brunei Darussalam telah siap dibina. Jalan ini adalah sebahagian daripada Jalanraya Pan-Borneo yang sedia ada. Pengguna-pengguna Jalanraya Pan-Borneo di negeri Sarawak jika ingin melawat ke Limbang-Lawas, Sabah terpaksa menggunakan pasport dan diperiksakan oleh pihak imigresen di lapan buah stesen peperiksaan imigresen.

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Minta maaf Yang Berhormat, kalau ada masa boleh.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Ini menjadi suatu masalah cop pasport yang terlalu dalam pasport seseorang pelawat itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mas beberapa hari dahulu. Keadaan perhubungan seperti ini langsung tidak sesuai bagi pentadbiran penduduk negeri Sarawak. Kita di utara Sarawak selalu bertanya mengapakah kerajaan tidak membina sebuah jalan yang boleh by-pass negara jiran Brunei menerusi kawasan Baram. Persoalan ini menjadi satu topik yang perlu dikaji dengan seriusnya.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya jalan raya tersebut yang saya gelarkan sebagai jalan utama Persekutuan Brunei by-pass di utara Sarawak ini dirancang untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Setakat ini jalan dari Miri ke Long Lama sudah sedia ada. Seksyen yang kita perlu bina dalam Rancangan Malaysia Kelapan itu hanya mulai dari Pekan Long Lama ke Mulu dan seterusnya ke Pekan Limbang dan Lawas.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*]

Tuan Jacob Dungau Sagan: Nanti Yang Berhormat ya. Tuan Yang di-Pertua, jika jalan utama Persekutuan Brunei by-pass ini dibina pengguna-pengguna Jalanraya Pan-Borneo yang hendak melawat ke Kuching ke Kota Kinabalu tidak perlu lagi melalui negara Brunei. Ini akan menjimatkan masa perjalanan kerana tiada halangan imigrasi dan pe lawat-pelawat tidak perlu lagi menggunakan pasport. Pembinaan jalan tersebut juga akan membuka kawasan Baram, Limbang dan Lawas yang luas dan beribu-ribu hektar tanah untuk pembangunan pertanian berkomersial. Ini juga akan memudahkan perjalanan pihak pelancong yang ingin melawat ke Kompleks Taman Negara Gua Mulu yang akan dijadikan tidak lama lagi, saya berharap sebagai *world heritage*, dengan izin. Keseluruhannya saya penuh yakin bahawa pembinaan jalan alternatif by-pass negara jiran kita Brunei melalui Miri, Beluru, Long Lama, Taman Negara Mulu, Limbang, Lawas, Sipitang dan Kota Kinabalu akan mempercepatkan lagi proses integrasi dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia di negeri Sabah dan Sarawak termasuk Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperuntukkan sebanyak RM4.78 bilion bagi pembangunan prasarana pada tahun 2001. Seperti mana yang telah disebutkan beberapa kali dalam ucapan saya semenjak tahun 1995 saya minta sekali lagi jalan utama Persekutuan ini di kawasan Baram yang perlu dibina tar seal, diturapkan dan dinaiktarafkan mulai daripada Batu Enam, Pekan Beluru ke Jambatan Lapok, Sungai Tinjar dan seterusnya melalui Taman Negara Longan Bunut ke Long Lama, ini akan diberi peruntukan pada tahun 2001. Pembinaan naik taraf jalan ini sangatlah penting sekali kerana kerajaan telah membangunkan Taman Negara Longan Bunut mulai tahun 2000 ini. Usaha ini akan mempromosikan industri pelancongan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Longan Bunut National Park ataupun Taman Negara Longan Bunut ini ialah sebuah taman negara yang meliputi 10,736 hektar, dengan izin, *the biggest natural lake in Sarawak if not the whole of Malaysia, covering an area of 650 acres.* Seorang penulis menerangkan Taman Negara Longan Bunut ini seperti berikut, dengan izin, *"The surrounding area of the lake is vibrant and scenic, covered with peat, peat, swamp, forest and as good a home for a few species of bird such as duck s, egret, herons, bitterns, hornbills and chaise. Gibbon calls can be heard early in the morning. It has a unique eco-system whereby the lake holds abundant local fishes at certain time of the year in between a period when the lake is completely dried naturally."*

Tasik ini adalah sangat menarik sekali untuk melancong dan berkelah. Jadi, saya mintalah sesiapa Ahli Yang Berhormat Parlimen ini boleh melawat ke sana, saya sudi membawa mereka. Ini satu jemputan bagi kami orang Baram. Dengan adanya pembangunan di Longan Bunut ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ikhlasnya mintalah supaya jalan batu yang sedia ada dinaiktarafkan ke jalan tar mulai daripada Batu 6 di Pekan Beluru sampai ke Longan Bunut yang sepanjang 25 kilometer. Peruntukan yang diminta untuk jalan ni dianggarkan sebanyak, tidak banyak, RM50 juta sahaja. Peruntukan ini sangat perlu jika kerajaan ingin menarik ramai pelancong dari luar negeri melawat ke Taman Negara Longan Bunut yang indah ini pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada jalan utama Persekutuan yang saya sebut ini kawasan pedalaman Sarawak seperti di kawasan Baram masih lagi tidak mempunyai jalan yang mencukupi. Kebanyakan penduduk di Hulu Baram masih menggunakan jalan-jalan kayu balak yang sangat merbahaya sekali. Banyak juga kampung-kampung yang masih menggunakan perahu panjang dan bot untuk berhubung di antara satu sama lain jika dibandingkan dengan kawasan lain, saya betul-betul kasihan dengan kawasan Baram. Ini kerana ternampak Baram akan menjadi *the last frontier of road development* di Malaysia. Saya harap ini tidak akan berlaku. Setakat ini jalan perhubungan di antara Bandar Miri ke Pekan Marudi belum juga dibina dan oleh kerana tiada peruntukan walaupun perkara ini telah dibangkitkan

oleh penduduk di kawasan Marudi. Jalan Miri-Marudi ini memerlukan peruntukan sebanyak RM45 juta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung ucapan saya, saya ingin menyentuh beberapa sektor pembangunan yang penting khususnya bagi masyarakat Malaysia keseluruhannya dan masyarakat kita di kawasan pedalaman negara ini. Mereka ini termasuk pertanian, nelayan, pekebun-pekebun kecil yang tinggal di kampung atau rumah panjang yang masih memerlukan bimbingan, nasihat dan bantuan daripada kerajaan, lebih-lebih lagi sejak negara kita dilanda oleh kegawatan ekonomi dua tahun yang lalu. Kita perlu memperkembangkan program pertanian secara komersial bagi meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian mereka seperti menerusi bantuan modal, pembinaan prasarana pertanian, memperkukuhkan lagi kegiatan pertubuhan peladang atau nelayan serta memberi latihan dan penggunaan teknologi baru, pembinaan jalan desa dan jalan kampung, penyediaan bekalan air dan elektrik dan pembangunan semula kampung tradisi serta pusat-pusat pertumbuhan desa.

Semua ini adalah sangat mustahak oleh sebab tempat-tempat pedalaman ini bukan sahaja mempunyai banyak keperluan tetapi berpotensi tinggi untuk dibangunkan. Contohnya, di kawasan saya di Baram kebanyakan kampung di kawasan saya ini memerlukan bantuan modal pertanian dan pertolongan dari kerajaan khususnya dalam bidang bekalan bahan-bahan asas hidupan seperti penjana elektrik, tangki air, bahan-bahan binaan rumah dan lain-lain. Infrastruktur asas yang lain seperti sekolah, klinik, jalan kampung masih lagi belum mencukupi dan jika ada pun tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, penduduk-penduduk di luar bandar sentiasa berterima kasih kepada kerajaan kerana sentiasa menambahkan peruntukan bagi pembangunan luar bandar setiap tahun. Pada tahun 2001 peruntukan bagi pembangunan luar bandar adalah sebanyak RM3.8 bilion, ini lebih tinggi lagi jika dibanding dengan peruntukan yang diberi pada tahun 2000 dan pada tahun 1999.

Saya yakin bahawa peruntukan ini akan meningkatkan taraf hidup rakyat di desa khususnya bagi membiayai ekonomi desa, kemudahan kesihatan, pembinaan jalan luar bandar dan kampung-kampung, bekalan air dan bekalan elektrik. Saya juga menyeru kepada kerajaan supaya menyediakan peruntukan yang lebih lagi kepada

negeri Sarawak bagi mengelakkan keadaan regional disparity, dengan izin, di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha kerajaan untuk meneruskan pembangunan sumber manusia di negara ini. Ini menunjukkan bahawa kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan untuk memastikan kesinambungan generasi intelek akan datang. Peruntukan sebanyak RM18.6 bilion bagi pembangunan pendidikan tahun depan adalah sangat perlu bagi membiayai program pendidikan dan menyediakan prasarana pendidikan berkualiti di negara kita.

Kita bergembira mendengar bahawa sebanyak 167 buah sekolah rendah, 120 sekolah menengah dan 42 asrama harian baru akan dibuka tahun depan dengan pertambahan kakitangan seramai 11,684 orang yang terdiri daripada 9,424 orang guru dan seramai 2,260 kakitangan baru.

Begitu juga keutamaan diberi kepada pembinaan makmal komputer dan rumah guru di luar bandar. Tindakan yang akan diambil oleh kerajaan bagi memperhebatkan program celik komputer bagi penuntut-penuntut di sekolah luar bandar, selaras dengan era IT itu sangatlah dialu-alukan.

Saya berharap kawasan Baram juga tidak terlupa dalam semua usaha ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pembinaan sekolah menengah yang disebutkan itu termasuk pembinaan SMK baru Tutoh-Apoh yang perlu dipindah ke kawasan yang tinggi dan adakah ini juga termasuk sekolah baru SMK Tinjar di kawasan Baram.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Selain daripada itu, dengan peruntukan RM3.5 bilion yang disediakan bagi pembinaan empat lagi universiti serta membiayai pengambilan pelajar pelajaran tinggi awam IPTA tempatan, saya yakin bahawa bilangan pelajar akan ditambah dalam sesi 2001 dan 2002 dan kerajaan akan terus membantu pembiayaan pelajar melalui Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (TPTN).

Semua ini dengan peruntukan RM1.3 bilion bagi pinjaman pendidikan. Dengan adanya peruntukan yang besar seperti ini, saya berharap semua penuntut dari

semua lapisan masyarakat kita akan bermanfaat, tidak kira bangsa atau agama. Dengan ucapan demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai sangatlah yang hendak berucap, kita tidak ada masa, tidak lama lagi hendak menutupkan masa ya. Yang demikian, bolehkah saya minta Yang Berhormat berucap 15 minit. Kalau tidak kesemua tidak boleh berucap. Malam pun tidak boleh habis macam ini ramai, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ramai fasal kamera ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dua puluh minit pun tidak boleh siap Yang Berhormat ya. Saya mintalah 15 minit Yang Berhormat. Janganlah tawar menawar, bukanlah kedai ya. Ini bukan jual ikan Yang Berhormat ya. Mintalah Kuala Selangor berucap, 15 minit Yang Berhormat.

2.56 ptg.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Alhamdulillahirabbil alamin wabihi nastain wassala tu wassalamu ala asyrafil ambia iwalmursalin waala alihi wasohbihi ajmain.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 yang mana ianya telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 27 Oktober 2000 yang lalu iaitu pada hari Jumaat.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah mengurniakan pelbagai rahmat dan nikmat kepada kita dan negara kita yang kita kasihi. Kita sebagai umat manusia di muka bumi Allah ini hendaklah kita sentiasa bersyukur terhadap apa jua nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. terhadap kita. Pembangunan dan cara hidup yang kita semua kecapi pada hari ini adalah satu kejayaan terhadap diri kita dan juga generasi yang akan datang dan sudah seharusnya kita semua patut bersyukur terhadap Allah S.W.T. dan berterima kasih kepada kerajaan.

[Membaca sepotong hadis] yang bermaksud: “Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti kami akan menambahkan nikmat kepada kamu dan jika mengingkari nikmatKu, maka sesungguhnya azabKu adalah sangat pedih.”

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah berjaya membentangkan Belanjawan 2001 ini yang mana ianya adalah belanjawan mesra rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, negara kita kini telah keluar daripada belunggu kegawatan ekonomi yang telah melanda di rantau ini sedikit masa dahulu. Negara telah mencapai KDNK sebanyak 7.5% seperti yang dijangkakan pada tahun ini, yang mana ianya merupakan satu kejayaan yang harus dibanggakan. Alhamdulillah, kejayaan bagi semua rakyat Malaysia, negara kita keluar daripada krisis kewangan tanpa terpaksa bergantung kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mahupun daripada pihak-pihak yang lain.

Alhamdulillah lagi sekali kita keluar ataupun menghadapi krisis yang berlaku tersebut dengan cara kita sendiri dan mengikut pendekatan yang dirasakan sesuai dengan cara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh mengenai isu masyarakat majmuk di negara yang kita cintai ini. Dalam membangunkan sebuah negara yang mana para penduduknya terdiri daripada pelbagai bangsa, keturunan dan pegangan agamanya, soal perpaduan, keharmonian, ketahanan dan sebagainya tidak boleh kita ketepikan. Perpaduan, keharmonian itu adalah sesuatu yang begitu penting dalam perjalanan sesuatu masyarakat dan negara tersebut.

Di zaman Rasulullah s.a.w. kita dapat melihat perpaduan di antara kaum pada ketika itu amatlah utuh dan baik sekali di bawah pemerintahan Baginda. Adalah menjadi harapan kita pada hari ini perpaduan dan keharmonian yang ada dapat kita semua kekalkan sehingga bila-bila. Sekalipun tanpa mengira bangsa, keturunan ataupun pegangan agama, Islam itu sendiri menganjurkan supaya kita semua berbuat baik di antara satu sama lain.

[Membaca sepotong ayat al-Quran] yang bermaksud: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian pada tali Allah yakni agama Islam dan janganlah kamu bercerai berai.”

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2001 ini juga pihak kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM13.637 bilion iaitu 21.9% daripada keseluruhan jumlah anggaran mengurus bagi tujuan mendidik generasi muda kita pada hari ini. Ini adalah satu petanda yang baik terhadap bidang pendidikan di negara kita. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan pendidikan agama di negara kita. Banyak rungutan yang kita dengar bahawa masih lagi terdapat sekolah-sekolah agama terutamanya sekolah agama rakyat di mana keadaannya begitu daif sekali jika ia dibandingkan dengan sekolah-sekolah kebangsaan yang lain.

Kita ingin menyarankan agar pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan dapat menyalurkan sumbangan yang lebih sedikit terhadap sekolah-sekolah tersebut, kemudahan infrastruktur dan juga prasarana yang lain hendaklah diperbaiki lagi agar pembelajaran dan pengajaran dapat berjalan dengan baik. Adalah amat mendukacitakan sekali sekiranya para pelajar tersebut adalah terdiri dari golongan yang berasal daripada keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan dan kita sebagai pihak yang bertanggungjawab tidak dapat membantu mereka, kita yakin dan insya-Allah perkara ini dapat diberikan perhatian oleh kementerian.

Begitu juga dengan saranan kepada Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan dan menimbang semula bagi mereka yang berjawatan guru Kafa di seluruh negara yang mana kini hanya tidak sampai RM300 sebulan. Alhamdulillah, kerajaan yang telah dan sebelum ini menjayakan dan melaksanakan kesederhanaan dalam apa juga bidang sekali pun kerana kesederhanaan itu adalah dituntut oleh Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang sederhana dalam apa juga bidang sekali pun adalah sangat-sangat dituntut oleh agama kita, *khairul umuri ausatuha*, dengan izin. Begitu juga kita dalam mentadbirkan negara kita hendaklah ada tolak ansur di antara satu sama lain, tanpa mengira apa fahaman sekali pun demi untuk kebaikan bangsa dan agama kita.

Tolak ansur ketahanan dan keharmonian bukannya kita fikirkan untuk generasi kita pada hari ini sahaja, malahan ianya adalah amat penting difikirkan serta direnungkan untuk generasi akan datang yang mana mereka ini semua adalah aset penting bagi negara dan menjadi pemangkin kepada kemajuan negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada pihak yang berwajib agar dapat mencari sesuatu idea untuk diimplementasikan bagi menggalakkan golongan remaja mahupun belia di negara ini agar lebih mendekati surau ataupun masjid. Kita semua sedia maklum dalam menghadapi kehidupan alaf baru ini begitu banyak dugaan dan cabaran yang perlu ditempuh oleh golongan ini.

Banyak gejala sosial yang berlaku pada masa ini mungkin disebabkan kurangnya golongan ini mendekati surau ataupun masjid setidak-tidaknya dengan adanya program-program yang dapat menarik minat golongan ini untuk ke surau dan ke masjid, mereka dapat mendalami ilmu agama seterusnya jati diri dapat dibentuk.

Sebagaimana Rasulullah s.a.w. yang bersabda [*Membaca sepotong Hadis*] yang bermaksud: “*Tujuh golongan manusia yang beroleh perlindungan selain daripada lindunganNya pada hari kiamat ialah lelaki yang berpaut hatinya ke masjid.*”

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini, pihak kerajaan ada juga menyatakan memberikan bantuan kepada golongan cacat ataupun kurang upaya, alhamdulillah syabas saya ucapkan kepada pihak kerajaan kerana mengambil perhatian terhadap golongan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menyarankan kepada pihak yang bertanggungjawab agar bantuan dan peruntukan kepada golongan ini hendaklah dipertingkatkan lagi memandangkan negara Malaysia kini sedang menuju ke arah negara yang maju 2020.

Adalah amat malang sekali kalau negara mengecapi kemajuan sedemikian rupa masih ada kedengaran kes-kes yang melibatkan golongan ini. Saya ingin menyarankan agar bantuan kewangan yang dihulurkan oleh pihak yang berwajib pada ketika ini bagi golongan tersebut hendaklah dipertingkatkan lagi.

Dan dalam Islam juga dituntut untuk membantu di antara satu sama lain. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud: “*Dan bertolong-tolonglah kamu kepada jalan kebaikan dan janganlah kamu bertolong-tolongan dalam perkara dosa dan permusuhan.*”

Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan kerana berjaya membentangkan belanjawan dari Dewan Rakyat. Sekian, terima kasih. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Baling.

3.05 ptg.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [*Membaca Doa*]

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. juga terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan untuk turut mengambil bahagian membahaskan Belanjawan 2001 ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin menarik perhatian Belanjawan tahunan kali ini dari perspektif Islam yang merupakan agama rasmi negara dan sebagai agama fitrah yang membawa rahmat kepada seluruh alam.

Tuan Yang di-Pertua, konsep khilafah dalam Islam mengajar kita supaya membangun dan memakmurkan bumi Allah ini berdasarkan kehendak Allah S.W.T. dan membebaskan manusia daripada menghambakan diri kepada yang selain daripada Allah S.W.T. sama ada dalam bentuk politik, sosial mahupun ekonomi. Ciri khalifah juga mengajar kita hidup merendah, *humble*, dengan izin, jauh dari menunjukkan keangkuhan, kesombongan, kebesaran, keistimewaan atau kerendahan nilai moral dan akhlak.

Gaya hidup seperti ini akan menggalakkan pemborosan dan pembaziran yang akan memberi penekanan yang tidak perlu kepada sumber-sumber yang ada dan mengurangkan kemampuan masyarakat untuk memenuhi keperluan asas. Oleh itu, andainya pihak kerajaan serius dalam memartabatkan Islam dan membangun bersama Islam, sistem kewangan yang berasaskan riba, yang diharamkan oleh Allah S.W.T. hendaklah diubah dan dihapuskan. Sambutan rakyat berbilang kaum di dalam negara kita terhadap Bank Islam, Syarikat Takaful Islam contohnya, membuktikan bahawa Islam agama fitrah yang sesuai untuk semua kaum, bukan sahaja dalam bidang ekonomi malah dalam semua aspek kehidupan manusia.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya semua institusi kewangan milik kerajaan mengamalkan sistem dengan membebaskan amalan riba bagi mengelak perhambaan

diri kita kepada sistem riba yang telah diharamkan oleh Allah. Ini termasuklah bon AS\$500 juta yang telah berjaya dikeluarkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran dari itu juga saya mencadangkan supaya institusi-institusi kewangan Islam hendaklah dikemaskinikan supaya ianya berfungsi secara berkesan dalam usaha untuk memastikan keadilan sosial hidup subur dalam masyarakat. Institusi zakat dan wakaf seharusnya dihidupkan dan diletakkan di tempat yang sewajarnya supaya ianya benar-benar mampu menjamin kebajikan golongan miskin dan mampu menarik kepercayaan masyarakat Islam mengeluarkan zakat.

Segala pertindihan pembayaran zakat dengan cukai pendapatan, khususnya bagi badan korporat dan perniagaan yang belum diberi apa-apa rebat, seperti yang diberi kepada individu apabila membayar zakat dan segala perbezaan skop dalam pengurusan kutipan zakat, seharusnya diselaraskan dan pengagihan-pengagihannya perlulah lebih produktif dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, konsep khalifah juga mengajar kita supaya menjamin pendapatan rakyat bermaruah dan bersih dari punca-punca yang haram dengan cara mengubah sistem riba dan mengelakkan umat Islam terlibat dalam perniagaan barang-barang yang diharamkan oleh Islam seperti minuman keras dan lain-lainnya akan dapat menjamin pendapatan rakyat Muslim bermaruah dan bersih.

Saya juga ingin mencadangkan selaras dengan usaha memartabatkan Islam seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menghapuskan segala bentuk faedah yang dikenakan ke atas peminjam kereta dan perumahan yang diberikan kepada kakitangan kerajaan dengan mengambil pakai sistem *alqardul hasan* di dalam Islam seperti mana yang diamalkan oleh Kerajaan PAS Kelantan misalnya, walaupun ianya adalah negeri yang termiskin di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Minta maaf, fasal masa yang Tuan Yang di-Pertua beri. Masa tidak boleh ditambah. Bukan saya tidak hendak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan tentang perniagaan-perniagaan yang haram. Saya sebagai anak muda dan saya selalu mendengar ceramah-ceramah ustaz termasuk dulu di Masjid Bangsar dan Kajang. Saya ingin bertanya pandangan ustaz sebagai seorang yang ilmunan dari segi agama. Bagaimana pula pada hari ini terdapat mereka yang bijak pandai dalam agama mula mengajar di ceramah-ceramah, masjid dan sebagainya tetapi mengenakan bayaran yang begitu tinggi seolah-olah menjual ilmu kepada generasi yang akan datang. Sebagai seorang yang bertanggungjawab, saya minta pandangan ustaz, gunakan kecekapan ustaz sebagai seorang yang beragama untuk menjawab soalan saya. Terima kasih.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Terima kasih. Saya rasa saya boleh jelaskan di waktu yang lain, saya mengejar masa kerana ini luar daripada apa yang saya sedang bincangkan sekarang.

Meniru dalam perkara kebaikan adalah digalakkan. Hal ini juga mampu meringankan beban hutang yang ditanggung oleh pegawai kerajaan yang berpendapatan lebih rendah dari pegawai-pegawai dari sektor swasta.

Dalam pengurusan zakat negara, saya mengucapkan tahniah kerana Belanjawan 2001 ini memberi rebat kepada individu yang membayar zakat. Kaedah ini memberi peluang kepada individu muslim untuk membayar zakat bagi menyempurnakan kewajipannya. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan semua, sebagai contoh dalam tahun 1996, daripada 45,000 orang Islam Wilayah Persekutuan misalnya yang layak bayar zakat harta hanya 29,718 orang sahaja yang membayarnya. Ini bermakna kurang lebih 16,000 orang lagi tidak menunaikan kewajipan mereka. Kesedaran bagi membayar zakat masih lagi di peringkat pertengahan. Kerajaan perlu mengambil berat dalam persoalan ini.

Dari segi jumlah kutipan pula, kutipan zakat semakin berkurang bermula dari tahun 1997, RM50.6 juta, 1999 turun menjadi RM43.6 juta dan pada tahun 1999 yang lalu hanya tinggal RM33.3 juta. Persoalan di sini sama ada minat individu untuk membayar zakat menurun ataupun individu yang berkelayakan untuk membayar zakat juga berkurangan. Jika individu yang berkelayakan untuk membayar zakat

berkurangan, ini menandakan rakyat Malaysia semakin miskin, bukannya semakin kaya. Ini dibuktikan dengan penurunan jumlah membayar zakat iaitu pada tahun 1997 - 29,057 orang pembayar. Pada tahun 1998, 23,618 orang pembayar manakala pada tahun yang lalu, 1999 hanya 19,169 pembayar sahaja.

Ramai masyarakat Islam di negara ini tidak menganggap zakat itu penting sebagai kekuatan agama dan ummah berbeza dengan sistem ekonomi Barat, Islam mewujudkan satu mekanisme untuk mengurangkan masalah jurang kemiskinan ini. Islam meletakkan zakat sebagai wadah pembangunan ekonomi dan negara sekali gus ia wadah memperjitu ibadat kepada Allah. Zakat juga menjadi penggalak pelaburan dan mendorong berbelanja berhemah. Ia mengajar umat Islam menilai harta dan kurnia Tuhan, kerana itu orang kaya yang pemurah adalah yang banyak menyimpan dan membayar zakat. Selain itu, ia juga satu pelaburan seperti membuka perusahaan yang memberi peluang pekerjaan kepada orang ramai dan mempercepat pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ayat 34 Surah At-Taubah jelas sebagai satu amaran kepada mereka yang mengumpul harta tanpa membayar zakat. Yang boleh dipetik di sini maksudnya, "*Orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakan pada jalan Allah S.W.T maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan azab seksa yang tidak seperti sakitnya.*"

Memandangkan rakyat semakin endah tidak endah terhadap kewajipan zakat, menganggap pembayaran zakat itu tidak penting, dengan ini saya mencadangkan agar tindakan susulan diambil kepada individu-individu yang berkelayakan untuk membayar zakat tetapi tidak menunaikan tanggungjawab mereka. Satu ketika pernah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Paduka Dr. Abdul Hamid Othman mengatakan bahawa kerajaan sedang menyelaraskan sistem pungutan zakat....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Saya tidak bagi zakat [*Ketawa*] bukan, saya tidak mahu jalan tetapi maknanya masa tidak mengizinkan. Tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Silap, silap, sorry ya, tengah sibuk zakat ni. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat, ya.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Kalau ada masa, kemudian. Kalau ada masa kemudian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya. [*Disampuk*]

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Kerajaan sedang menyelaraskan sistem pungutan zakat di seluruh negara melalui penubuhan LUZAM iaitu Lembaga Urusan Zakat Malaysia. Persoalannya sekarang, di manakah perlaksanaan LUZAM yang digembar-gemburkan satu ketika dahulu. Jika kita buat perbandingan zakat yang diberikan oleh korporat lebih sedikit daripada cukai individu. Pada tahun 1998 kutipan zakat pendapatan adalah sebanyak RM10.7 juta manakala kutipan zakat perniagaan hanya RM10.0 juta. Zakat akan meningkatkan agregat pertumbuhan serta permintaan berkesan terhadap pengeluaran industri. Pandangan ini juga dikemukakan oleh Kents yang menyatakan guna tenaga penuh ditentukan oleh kecenderungan mengguna dan kadar pelaburan baru. Jika berlaku kejatuhan dalam permintaan dan kadar pelaburan baru, proses pengeluaran dan tingkat guna tenaga buruh juga akan terjejas. Keadaan ini akan menyebabkan perindustrian mengalami kesukaran malah menyebabkan berlakunya pengangguran dan kerugian dalam perniagaan.

Bagi masyarakat Islam, jika berlaku risiko demikian, zakat akan muncul sebagai ubat yang mujarab. Pembayarannya yang menyeluruh sudah pasti akan mengembalikan pertumbuhan ekonomi seimbang tanpa berasa bimbang mengenai pengurangan dalam permintaan atau kejatuhan guna tenaga. Justeru itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerana membayar zakat perniagaan semasa di bawah pimpinan Dr. Ahmad Tajuddin dahulu dan begitulah juga kita mengharapkan agar pimpinan baru Yang Berhormat daripada

Rompin akan meneruskan amalan murni ini. Langkah seperti ini sepatutnya diikuti oleh badan korporat lain terutama syarikat yang tersenarai di BSKL.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Minta maaf Yang Berhormat, saya tidak boleh beri jalan, ada benda lain yang penting saya hendak bagi. Terima kasihlah. Kalau ada masa saya bagi, Insya–Allah, tidak apa. Saya tidak hendak bagi Sungai Petani kacau. *[Ketawa]*

Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar kerajaan juga memberi insentif rebat kepada badan korporat dan badan perniagaan yang membayar zakat perniagaan seperti mana pelaksanaan cukai individu yang di mana sekarang ini rebat kepada badan korporat yang membayar zakat tidak diberikan dalam Belanjawan yang sedang kita bincang sekarang.

Rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam tidak seharusnya bimbang dan risau dengan pelaksanaan sistem kewangan Islam dan mereka seharusnya mengambil inisiatif untuk cuba memahami konsep-konsep kewangan Islam seperti Mudharabah, Murabahah, Al'bai'Bithaman Ajil dan lain-lain. Di forum ini mungkin bukanlah masa untuk saya menerangkan dengan lebih terperinci. Banyak institusi kewangan Islam seperti Lembaga Tabung Haji, Bank Islam, Syarikat Takaful yang wujud misalnya hendaklah kita sama-sama menyokong dan membuktikan bahawa sistem kewangan Islam memanglah yang terbaik. Sebagai contoh, semasa krisis ekonomi 1998 dahulu, banyak syarikat yang membiayai projek yang menggunakan pembiayaan conventional terpaksa membayar harga interest yang tinggi disebabkan kejatuhan ekonomi manakala yang menggunakan sistem pembiayaan Islam tidak mengalami sebarang masalah. Saya difahamkan bahawa kerajaan telah meluluskan Akta Pelaburan kerajaan bagi membolehkan kerajaan menerbitkan bon berdasarkan prinsip 'Qardul Hassan' yang menyediakan satu cara pelaburan secara Islam yang pertama di dunia.

Alhamdulillah, baru-baru ini mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah berjaya menerbitkan bon sebanyak USD500 juta di pasaran antarabangsa. Saya berharap agar bon yang dikeluarkan itu sejajar dengan prinsip-prinsip Islam semasa wujudnya Akta Bank Islam 1983. Sebenarnya banyak lagi instrument

keuangan Islam yang belum lagi diperkemas secara menyeluruh seperti pajak gadaai secara Islam, koperasi secara Islam, syarikat pemfaktoran, skim pembiayaan semula kredit eksport yang mana boleh dipamerkan kelincahannya di gelanggang antarabangsa.

Dalam menangani permasalahan gawat ekonomi agar ia tidak berulang lagi antara formulanya ialah dengan kembali kepada nilai-nilai agama. Untuk itu harus ditegakkan semula tunggak-tunggak agama yang perlu ditekankan di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Tuan Yang di-Pertua, untuk sedikit lagi saya cuba sentuh masalah-masalah yang berkaitan untuk menjimatkan masa di sini iaitu peranan yang harus diberikan dalam perbelanjaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam perkara yang berkaitan dengan membangun bersama Islam yang disebut itu tadi. Dalam hal ini, apabila kita menyebut membangun bersama Islam, maka saya ingin fokuskan sedikit mengenai dengan JAKIM. Membangun bersama Islam dan usaha memartabatkan Islam hendaklah dijalankan secara integrasi dan menyeluruh. Usaha ini hendaklah melibatkan semua kementerian, agensi dan jabatan-jabatan kerajaan kerana Islam itu hendaklah diangkat martabatnya dan dibangunkan di semua aspek kehidupan manusia dalam negara.

Islam sepatutnya dimartabatkan di Kementerian Kehakiman, Ketenteraan, Kewangan, Perdagangan, Pertanian, Pendidikan, Perusahaan, Pelancongan Dalam Negeri, Belia dan Sukan. Jika usaha ini hanya diberikan kepada JAKIM sahaja dengan diberi peruntukan sebanyak RM204.79 juta maka hasrat membangun bersama Islam ini akan menjadi slogan kosong sahaja. Ini kerana JAKIM bekerja keras memberi kefahaman Islam sedangkan sesetengah kementerian lain menghancurkannya dengan pelbagai program yang jauh dari semangat membangun bersama Islam....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Bagi menyumbang ke arah martabat Islam dan membangun bersama Islam secara lebih integrasi ini, saya mencadangkan supaya diwujudkan unit khas di setiap kementerian, jabatan dan agensi-agensinya

kerajaan yang bertanggungjawab memantau, merancang dan melaksanakan program-program membangun bersama Islam serta mengawasi perjalanan keseluruhan jabatan tersebut.

Secara khususnya saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya diwujudkan unit khas di jabatan polis, penjara dan hospital seperti mana KAGAT dalam Tentera Malaysia. Harus diingat, gejala rasuah sepertimana yang berlaku di JPJ dengan lesen tertang tidak boleh diselesai hanya dengan undang-undang semata-mata selagi insan itu sendiri tidak dibangunkan jiwa berlandaskan keimanan kepada Allah S.W.T. Penjara bukan sahaja tempat menjalankan hukuman malah ia tempat mengubah insan itu sendiri melalui perubahan kepada akal, intelek, roh dan jiwa manusia itu sendiri di samping kemahiran-kemahiran lain sebagai bekalan hidup mereka setelah keluar penjara.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya turut mencadangkan supaya pihak JAKIM menyelaraskan semua model-model program ini dan untuk memartabatkan juga saya mencadangkan supaya JAKIM mempunyai tenaga-tenaga pakar dan profesional dalam membuat kajian terhadap segala aktiviti masyarakat dan perkembangan semasa supaya ianya dapat dilihat dari sudut kaca mata Islam di mana kepakaran ini penting supaya JAKIM dapat diiktiraf dan diterima oleh masyarakat keseluruhannya sehinggalah ke peringkat masyarakat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Sadong.

Seorang Ahli: Dia ini jarang bangun dapat juga.

3.25 ptg.

Puan Hajah Sukinam Domo [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2001. Sebelum saya mulakan, kerana masa yang singkat, saya berharap tidak ada yang mengganggu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak mahu membenarkan sesiapa minta penjelasan.

Puan Hajah Sukinam Domo: Belanjawan tahun 2001 seperti juga belanjawan pada tahun-tahun yang sebelumnya

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak jawab pun ya, tidak mahu....

Puan Hajah Sukinam Domo: Ya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, kerana masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak membenarkan.

Puan Hajah Sukinam Domo: Tidak membenarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, bukan tidak mahu ya.

Puan Hajah Sukinam Domo: Mungkin kalau 30 minit tadi mungkin. Belanjawan tahun 2001 ini seperti juga belanjawan pada tahun-tahun sebelumnya, memberi penekanan kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup rakyat dengan meneruskan agenda masyarakat penyayang. Peruntukan yang besar diagihkan kepada sektor sosial dengan bidang pendidikan menerima peruntukan yang besar iaitu RM19.67 bilion atau 21.6%. Sepatutnya sektor pendidikan menerima peruntukan yang besar kerana tanpa mempunyai rakyat yang berpendidikan, khususnya pendidikan yang relevan dengan dunia k-ekonomi, ICT, Malaysia tidak akan dapat bersaing dengan negara lain dan rakyat tidak akan dapat menangani cabaran dunia tanpa sempadan.

Justeru usaha kerajaan menyediakan rakyat dengan kemahiran dan pendidikan ICT menerusi berbagai cara seperti pewujudan MSC, penubuhan sekolah bestari, pembekalan komputer ke sekolah, kemudahan pembelian komputer peribadi harus dialu-alukan. Dalam pada itu saya berharap kerajaan dan pihak swasta tidak akan lupa dengan masyarakat luar bandar dan pedalaman yang masih kekurangan serba-serbi. Khususnya masyarakat luar bandar dan pedalaman di Sarawak. Saya rasa tidak perlu saya sebut lagi di sini akan masalah masyarakat luar bandar dan pedalaman di Sarawak kerana sudah kerap kali disuarakan oleh semua wakil rakyat dari Sarawak dan saya percaya sudah dimaklumi oleh pihak-pihak berkenaan.

Namun demikian saya ingin juga menyuarakan beberapa cadangan yang berkaitan dengan pendidikan. Pertama pendidikan awal atau pra sekolah. Saya merasakan dasar pendidikan berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak atau pra sekolah perlu dikaji semula. Pendidikan awal ini hendaklah diambil alih oleh

Kementerian Pendidikan, dengan menjadikannya sebahagian daripada sistem persekolahan rendah, terutama bagi sekolah-sekolah rendah di luar bandar dan pedalaman. Setiap sekolah rendah hendaklah bermula dengan tadika bukan Tahun Satu. Dengan cara ini semua kanak-kanak di luar bandar akan berpeluang mendapat pendidikan awal yang lebih sempurna dengan tenaga pengajar yang berkelayakan seperti yang terdapat di beberapa buah sekolah di seluruh negara. Dengan cara ini juga isu sama ada umur murid mula masuk sekolah Tahun Satu mesti 6 tahun atau 7 tahun tidak timbul, atau isu tahap tahun mana murid-murid boleh melangkaui kelas juga tidak timbul. Sekolah boleh memantau sendiri keupayaan muridnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya umur kemasukan murid ke Tahun Satu memang pada umur 6 tahun. Yang menyebabkan kekeliruan ini yang seolah-olah umur kemasukan murid ke Tahun Satu 7 tahun atau 6 tahun lebih adalah kerana peraturan yang ketat yang tidak membenarkan seseorang budak berumur 6 tahun pada 2 atau 3 Januari memasuki Tahun Satu pada tahun berkenaan kerana umur belum 6 tahun pada 1 Januari. Budak-budak ini perlu menunggu tahun persekolahan pada tahun berikutnya. Kalau pendidikan awal atau pra sekolah menjadi sebahagian sistem sekolah rendah dan peraturan kemasukan ke Tahun Satu dilonggarkan, yang lebih mengutamakan keupayaan budak daripada umur, maka seseorang budak berumur 5 tahun pun boleh dinaikkan ke Tahun Satu sekiranya didapati berupaya.

Kedua, tadika KEMAS atau Perpaduan. KEMAS dan Kementerian Perpaduan Negara juga mengadakan kelas tadika. Tetapi kelas-kelas tadika KEMAS dipandang rendah oleh sesetengah masyarakat, walaupun pada hakikatnya tadika KEMAS memainkan peranan penting di luar bandar. Antara sebabnya ialah keadaan kelas tadika KEMAS yang agak daif, kalau dibandingkan dengan tadika di sekolah rendah, apatah lagi tadika swasta di bandar. Ada tadika KEMAS menumpang di bawah masjid, di bawah surau atau rumah orang dengan kemudahan yang amat terhad, tanpa bekalan elektrik atau air, tanpa padang dan alat permainan yang perlu juga bagi pertumbuhan fizikal ataupun mental seseorang kanak-kanak itu.

Keadaan dalaman kelas tidak menarik dan guru pula hanya mengikuti kursus beberapa bulan sahaja. Saya ingin mencadangkan agar kelas tadika KEMAS dinaikkan martabatnya sekiranya KEMAS terus diberikan tanggungjawab

mengadakan pendidikan awal kanak-kanak. Salah satu daripada caranya ialah dengan membina bangunan tetap yang lengkap dengan peralatan yang relevan bagi pertumbuhan fizikal dan mental kanak-kanak dan dengan kurikulum dan pendekatan yang dikemaskinikan. Bangunan itu hendaklah dibekalkan dengan bekalan elektrik sepanjang masa, bekalan air dan kemudahan lain yang terkini seperti komputer dan guru hendaklah terlatih yang ada sijil atau diploma perguruan.

Lebih baik lagi kalau kelas tadika KEMAS yang bertaburan di beberapa buah kampung berdekatan disatukan ke dalam satu kompleks seperti kompleks sekolah rendah. Tadika KEMAS amat daif dan rata-rata dibina dan dilengkapi atas ihsan wakil rakyat. Saya sarankan agar pegawai-pegawai KPLB, pegawai Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam melawat kelas-kelas KEMAS ini khususnya di Sarawak kalau tidak percaya dengan apa yang saya katakan.

Sebagai usaha untuk menangani masalah penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar bumiputera, saya sarankan kelas tadika dijalankan dalam dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Kebanyakan sekolah tadika di bandar menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar selain daripada berada di dalam persekitaran yang memang menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris.

Satu lagi perkara yang ingin saya bicarakan berkaitan dengan pendidikan ialah penguasaan bahasa Inggeris dan Matematik di kalangan pelajar-pelajar bumiputera dan luar bandar. Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada keputusan UPSR yang baru diumumkan kelmarin dan pengumuman kementerian untuk mengkaji semula pelaksanaan kurikulum bahasa Inggeris. Analisis yang saya perolehi menunjukkan keputusan bahasa Inggeris sekolah SJK© lebih baik daripada sekolah kebangsaan iaitu 63.2%, SJK(C) berbanding dengan 56.7% bagi sekolah kebangsaan. Keputusan Matematik pula 91.2% bagi SJK(C) berbanding 75.2% bagi sekolah kebangsaan. Sains pula 83.8% SJK(C) dan 77.5% bagi sekolah kebangsaan. Ini menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Inggeris, Matematik dan Sains sekolah kebangsaan yang kebanyakannya terdiri daripada anak-anak bumiputera masih lemah.

Saya percaya keputusan UPSR pelajar luar bandar khususnya di Sarawak jauh lebih rendah. Malangnya saya belum ada analisis prestasi UPSR pelajar luar bandar.

Apa yang saya dimaklumkan, keputusan UPSR di Sarawak adalah di bawah purata kebangsaan. Bagi bahasa Inggeris, kebangsaan 56.7%, Sarawak 52.9%, Matematik kebangsaan 75.2%, Sarawak 67.8% tetapi keputusan bahasa Malaysia SJKC di Sarawak mengatasi SJK(C) kebangsaan. Saya ingin mencadangkan agar kementerian membuat penganalisan yang terperinci untuk mencari punca kelemahan ini dan mencari jalan penyelesaian. Saya percaya masalah pelajar dan sekolah luar bandar tidak sama dengan di bandar dan jalan penyelesaiannya juga perlulah berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun prestasi sekolah luar bandar rendah kalau dibandingkan dengan bandar, saya percaya ada sekolah luar yang mencapai prestasi yang membanggakan. Sepatutnya mereka ini ditonjolkan juga di, *highlight* dengan izin juga bukan hanya sekolah bandar seperti Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara yang saya rasa sepatutnyalah menghasilkan pelajar-pelajar cemerlang kerana mempunyai berbagai keistimewaan. Dengan cara ini sekolah luar bandar dan guru luar bandar akan merasa diiktiraf, dihormati, dihargai dan boleh dijadikan contoh kepada sekolah luar bandar yang lain.

Kita juga perlu belajar dari SJK(C). Sebenarnya banyak lagi yang ingin saya perkatakan tentang pendidikan tetapi saya mahu juga membicarakan isu lain. Cuma secara ringkasnya, saya berpendapat setiap rancangan dan strategi hendaklah mengambil kira keperluan khusus setiap kumpulan sasaran bukan hanya secara global sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berpindah pula kepada isu wanita. Belanjawan 2001 memperakui bahawa wanita memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi. Wanita merupakan sebahagian besar daripada tenaga kerja negara. Kaum wanita masih memerlukan pembelaan khususnya berkaitan dengan kemiskinan, buta huruf, gangguan seksual di tempat kerja dan sebagainya. Kerajaan juga mengakui akan masalah ibu tunggal dan isteri teraniaya. Kebanyakan masalah sosial adalah melibatkan wanita dan remaja. Persepsi masyarakat terhadap wanita juga masih belum banyak berubah walaupun kita sudah berada di ambang tahun 2001 dan semakin ramai rakyat berpendidikan tinggi. Statistik menunjukkan bilangan wanita adalah 80% daripada bilangan penduduk Malaysia. Bilangan pelajar

wanita di IPTA semakin meningkat setiap tahun dari 55% pada tahun akademik 1997/1998 ke 58.3% pada tahun akademik 1999/2000.

Bilangan guru wanita juga lebih ramai daripada lelaki dan bilangan pegawai PTD wanita juga semakin meningkat. Tetapi mengapakah tidak ada wanita dilantik menjadi *Vice Chancellor* dan mengapakah bilangan wanita menjadi Dekan begitu kecil? Mengapakah tidak ada wanita dilantik menjadi Pengarah Pendidikan Negeri? Mengapakah bilangan wanita memegang jawatan tinggi dalam pentadbiran awam begitu kecil. Kita memang berbangga dengan pelantikan wanita menjadi Gabenor Bank Negara. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana mengamalkan dasar terbuka dan memberi peluang kepada wanita, cuma saya minta maaf kalau menyinggung perasaan setengah rakan kaum lelaki cuma keegoan sesetengah kaum lelaki, menjadi penghalang kepada hasrat murni kerajaan. Walaupun mereka berpendidikan tinggi dan ada di antaranya mendapat pendidikan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, wanita masih dipersalahkan dalam banyak hal. Apabila ada kes rogol wanita dipersalahkan, kononnya kerana wanita berpakaian menjolok mata, yang boleh meruntuh daya tahan kaum lelaki. Apabila dibicarakan ada kes lelaki merogol gadis cacat hanya dipenjara 4 tahun. Ada kes bapa merogol anak hanya dipenjarakan 10 tahun. Apabila ada kes penceraian atau masalah rumah tangga, wanita dipersalahkan, kononnya wanita bekerja, tidak ada masa melayan suami, tidak menunggu suami di pintu rumah apabila suami balik dari bekerja. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, statistik menunjukkan andaian ini atau persepsi ini tidak benar. Statistik dari Jabatan Islam Sarawak misalnya, saya tidak dapat statistik dari negeri-negeri lain, menunjukkan pada tahun 1999, 22% punca krisis rumah tangga adalah kerana masalah nafkah, masalah ini yang tertinggi. 19% kerana suami curang. Memang ada juga punca krisis rumah tangga kerana isteri degil atau suka berleter, tetapi bilangannya kecil.

Dari segi jenis pekerjaan Pekerjaan isteri yang sudah bercerai pula 51.6% adalah terdiri daripada isteri yang tidak bekerja, bukan isteri yang bekerja iaitu suri rumah dan 19% adalah golongan yang berpendapatan rendah iaitu Pembantu Am Rendah. Peratus yang mengadu atau mendapat khidmat kaunseling, 58.3% adalah dari golongan yang tidak bekerja, tidak berpendapatan. 15.3% dari golongan

berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan. Jadi adalah tidak benar anggapan bahawa masalah rumah tangga masalah sosial melibatkan wanita kerana wanita semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, masalah wanita memang banyak, bilangan ibu tunggal semakin meningkat. Ada yang diceraiakan tanpa nafkah hidup untuk anak-anak dengan bekas isteri menanggung sendiri untuk membesarkan anak-anak. Bagi wanita yang bekerja masalah diceraiakan tanpa nafkah tidaklah begitu membebankan, tetapi bagi wanita luar bandar yang miskin dan tidak ada pekerjaan tetap atau tidak ada pekerjaan langsung dan bagi wanita yang tidak ada pekerjaan masalah akibat penceraian tanpa nafkah hidup amatlah besar dan membawa kesan kepada anak-anak, yang akhirnya menyebabkan anak tidak bersekolah kerana ibu tunggal tidak mampu untuk menghantar anak ke sekolah dan akhirnya juga membawa kepada masalah sosial.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, wanita perlu dibantu. Ada wanita yang perlu diberi bantuan kewangan kerana sudah tua tiada keluarga dan tiada harta. Ada wanita yang boleh dilatih dengan kemahiran tertentu dan ada wanita memerlukan modal perniagaan. Saya dapati belanjawan 2001 ini tidak memberi peruntukan khusus kepada aktiviti wanita. HAWA cuma diberikan peruntukan mengurus RM1.8 juta dan satu angka yang begitu kecil. Keistimewaan yang disebut dalam Kertas Belanjawan 2001 adalah cuma cukai berasingan.

Saya sedar wanita mendapat manfaat juga dari kebanyakan program di bawah berbagai kementerian. Kalau jalan raya dibuat memang wanita juga mendapat manfaat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, saya setuju.

Puan Hajah Sukinam Domo: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, semua itu hanya tersirat. Bantuan-bantuan kepada wanita cuma tersirat di dalam peruntukan kepada kementerian. Saya khawatir sedangkan yang tersurat lagi kadang-kadang tidak dibaca, apatah lagi yang tersirat. HAWA dan NGO perlu diberi sokongan yang lebih dan

khusus sekiranya kerajaan benar-benar prihatin terhadap nasib wanita dan mengakui peranan penting wanita. Bagi wanita dan bahkan rakyat miskin amnya yang sudah tua atau yang tidak berupaya bekerja, hendaklah diberikan bantuan kewangan dengan jumlahnya ditambah mengikut keadaan beban tanggungan wanita atau insan berkenaan.

Sekarang ini ada yang menerima RM75 sebulan dan ada yang menerima RM175, saya rasa jumlah ini sudah tidak mencukupi kerana kos sara hidup sudah meningkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat

Puan Hajah Sukinam Domo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit sahaja menyentuh hasrat murni kerajaan ini. Hasrat murni kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat menerusi berbagai program dan strategi, yang melibatkan peruntukan besar akan terjejas sekiranya pelaksana tidak akur dengan dasar yang telah diputuskan dan akhirnya tidak melaksanakan tugas dengan berkesan kerana mungkin mempunyai pandangan politik dan ideologi sendiri.

Kalau perkara ini berlaku yang rugi bukan orang politik - yang dianggap sebagai pembuat dasar tetapi rakyat umum khususnya masyarakat luar bandar. Orang politik wakil rakyat mungkin dianggap oleh rakyat tidak menjalankan tugas apabila sesuatu projek atau program tidak dilaksanakan atau tergendala. Ini akan menjejaskan peluang calon pada pilihan raya tetapi kenyataannya ialah perbuatan sebegitu merugikan masyarakat.

Saya bersetuju dengan Menteri Kewangan apabila beliau mengatakan kejayaan pembangunan negara hari ini adalah hasil sokongan dan komitmen kakitangan perkhidmatan awam. Dengan gaji yang telah dinaikkan dengan berbagai imbuhan diberikan adalah diharapkan kakitangan awam akan berkhidmat dengan lebih cekap dan berdedikasi dan mempunyai *political will* untuk membantu rakyat, bukan hanya orang politik sahaja ada *political will*, semua kita harus ada *political will*, dengan izin.

Setiap tanggungjawab dan tugas adalah merupakan amanah yang perlu dipikul dengan penuh keikhlasan dan kesanggupan seperti kata Yang Berhormat Menteri Kewangan kita perlu menanam budaya murni, bersikap jujur dan berusaha mengikis sikap mementingkan diri tamak haloba dan terlalu mengejar kemewahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat masa sudah habis Yang Berhormat.

Puan Hajah Sukinam binti Domo: Jadi, oleh kerana masa tidak mengizinkan cuma saya inginlah pada akhirnya Tuan Yang di-Pertua, memohon agar Sarawak seperti Yang Berhormat bagi Baram tadi diberikan peruntukan lebih kerana Sarawak ini besar. Saya difahamkan pada awal penubuhan Malaysia dulu Sarawak dan Sabah adalah dianggap dua region wilayah bukan dua negeri, apabila dijadikan satu negeri bermakna kek itu, bahagian Sarawak sudah menjadi kecil padahal Sarawak adalah satu negeri yang besar yang memerlukan banyak lagi peruntukan.

Dengan itu sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

[Ramai Ahli Yang Berhormat bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
[Ketawa] Saya pun tidak tahu macam mana ramai sangat ya. Adoi. Ya. Saya bagi Batu. Saya bagi, saya bagi.

3.42 ptg.

Tuan Ng Lip Yong [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lima belas minit, Yang Berhormat. Lima belas minit cukup berhentilah, kita ramai lagi yang hendak bercakap.

Tuan Ng Lip Yong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 2001. Seperti rakan-rakan Barisan Nasional yang telah berucap, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas Belanjawan 2001 yang dibentangkan oleh beliau dalam Dewan yang mulia ini pada 27 Oktober 2000.

Belanjawan 2001 jelas menunjukkan hasrat kerajaan mengalihkan (*transform*) sistem ekonomi negara kita daripada p-ekonomi kepada k-ekonomi. Belanjawan 2001 meletakkan batu asas (*foundation stone*) yang mustahak untuk tujuan ini dengan

lima strategi utama dan tiga teras utama. Banyak telah disentuh tentang realiti k-ekonomi. Saya tidak mahu tambah lebih lagi selain daripada menekankan bahawa kita mesti menerima realiti ini dengan sikap positif. Untuk menangani k-ekonomi kita harus mengutamakan pembangunan sumber manusia dan menyediakan infrastruktur yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber manusia yang mahir dalam bidang sains dan teknologi merupakan aspek paling penting dalam usaha mencapai taraf k-ekonomi. Anggaran perbelanjaan untuk pendidikan telah naik dari 20.6% untuk tahun 2001 kepada 21.6% tahun 2001. Tambahan nilai absolute (absolute value) adalah RM4,400 juta. Ini adalah perbelanjaan yang terbesar dan mesti digunakan dengan teliti or *handle with care*, dengan izin.

Anggaran perbelanjaan pembangunan pendidikan berjumlah RM5,922.7 juta. Antara perbelanjaan ini, RM906 juta telah diperuntukkan kepada 12 IPTA dan RM1,300 juta kepada Tabung Pendidikan Tinggi Negara. Ini bermakna bahawa 37% atau RM2,206 juta telah diperuntukkan kepada pembangunan pendidikan tinggi. Langkah ini akan menambah bilangan yang berpendidikan tinggi, satu faktor kritikal yang akan menaikkan daya saing Malaysia dengan negara asing.

Walaupun bagaimanapun, pada saya kita mesti menekankan pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah khasnya dalam bidang sains dan teknologi. Dalam era k-ekonomi, pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi sangatlah mustahak. Saya bercadang bahawa Kementerian Pendidikan mengubah kurikulum dan rancangannya supaya sains dan teknologi dikenalkan kepada pelajar lebih awal lagi. Lebih baik jika mereka terdedah dari darjah satu dan bukan darjah empat seperti apa yang berlaku sekarang. Umur masuk sekolah juga harus diturunkan kepada enam tahun.

Selain daripada itu, sistem penghantaran (*delivery system*) sains dan teknologi perlu diubah juga. Rancangan di sekolah mesti menarik minat pelajar-pelajar dengan tujuan memindah sikap mereka supaya mereka anggap, dengan izin, *science is fun* dan bukan mata pelajaran yang sukar. Banyak contoh boleh didapati dari rancangan pendidikan televisyen luar negeri yang disiarkan oleh Astro sekarang dan rancangan

itu boleh diperluaskan ke stesen televisyen kerajaan supaya lebih ramai pelajar dapat manfaat rancangan itu.

Untuk meningkatkan mutu pendidikan negara kita, kita mesti *go back to basis*, dengan izin, Kementerian Pendidikan harus mengkaji semula cara menarik minat pelajar-pelajar dan juga menekankan budaya pembelajaran sepanjang hayat pada masa awal. Masyarakat saintifik yang dikehendaki memerlukan pengalaman budaya ini. Jika kita gagal dalam kegiatan ini kita tidak akan ada penuntut sains dan teknologi yang mencukupi di peringkat institusi pengajian tinggi. Akibatnya kita kekurangan tenaga berkemahiran dalam bidang kritikal.

Saya amat mengalu-alukan langkah galakan bagi mempelawa balik rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran khusus. Negara kita sangat memerlukan pakar-pakar memandangkan kekurangan tenaga kerja sedemikian. Pada masa yang sama kita harus mengingati bahawa kita ada ramai pakar-pakar tempatan yang setia selama ini dan mereka telah banyak berkorban untuk negara. Ramai antara mereka layak bekerja di luar negeri dengan gaji yang beberapa kali ganda tetapi mereka memilih berkhidmat di tanah air. Saya mencadangkan kerajaan harus merakamkan kesetiaan dan jasa baik mereka dengan ganjaran berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyokong pertumbuhan persekitaran ekonomi, pembinaan dan penyediaan infrastruktur berkaitan adalah amat penting dan diperlukan. Sehubungan dengan ini, access kepada hardware atau komputer dan *connectivity* perkhidmatan telekomunikasi yang berkesan dan berkemampuan (*efficient and affordable*) mesti disediakan. Antara langkah-langkah yang diambil supaya penggunaan komputer dan Internet dapat mempercepatkan ialah pengecualian cukai perkhidmatan daripada kegunaan Internet.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas insentif yang diberi. Walau bagaimanapun, terdapat perkhidmatan telekomunikasi lain belum diberi kecutialian yang sama. K-ekonomi dan *connectivity* tidak bergantung kepada Internet sahaja. Perkhidmatan telekomunikasi lain seperti telefon, faks, telefon mobile, teleks, data telekomunikasi dan lain-lain masih dikenakan 5% cukai perkhidmatan.

Saya bersetuju dengan cadangan cukai perkhidmatan diselaraskan seperti meliputi semua jenis perkhidmatan telekomunikasi yang serupa. Untuk menyelaraskan sistem cukai, saya bercadang bahawa kerajaan mempertimbangkan kecualian cukai yang dikenakan kepada semua perkhidmatan telekomunikasi dan bukan kepada perkhidmatan Internet sahaja. Walaupun cukai yang berkadar 5% nampaknya kecil tetapi langkah ini akan dianggap sebagai satu tanda lagi komitmen kerajaan. Langkah ini juga akan menaikkan taraf daya saing ekonomi kita dengan mengurangkan kos perniagaan di Malaysia dan akan menjadi salah satu faktor menggalakkan lebih pelaburan asing langsung (*foreign direct investment*).

Selain daripada itu, masih ada alat-alat multimedia dan telekomunikasi yang dikenakan cukai import sebanyak 15% sehingga 30%. Saya menyeru kepada kerajaan supaya cukai import ini pun dikecualikan. Contoh cukai import semasa adalah 30% untuk handsets, 25% untuk multimedia projektor dan kabel 25% sehingga 30% dan lain-lain. Semasa kerajaan telah menurunkan 50% duti eksais ke atas kenderaan orang cacat anggota tidak bermaknalah jika peralatan komunikasi dan multimedia untuk mereka dalam golongan kurang upaya (*disabled*) masih dikenakan 15% cukai import dan tidak dihapuskan. Kita tidak mahu mana-mana golongan dipinggirkan dalam negara kita.

Pembinaan infrastruktur telekomunikasi amat diperlukan memandangkan kemajuan teknologi yang begitu pesat. Akibatnya usahawan dalam bidang ini mengambil risiko besar apabila mereka melabur dalam teknologi baru. Kecualian cukai import akan menggalakkan pelaksanaan teknologi baru supaya rakyat kita dapat menikmati perkhidmatan canggih, dengan izin, *state-of-the-art technology*.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli pembangkang selalu memandang rendah usahawan industri ICT tempatan. Tiap-tiap kali mereka berucap dalam Dewan yang mulia ini mereka buat tuduhan bahawa Malaysia jauh ketinggalan selama 20 tahun. Apakah asasnya tuduhan itu? Adakah pihak pembangkang layak membuat kenyataan itu? Bukankah tanggungjawab kita sebagai pemimpin negara harus menggalakkan usahawan ICT kita yang kebanyakannya atau majoritinya masih muda. Selaku seorang yang telah lama dalam bidang ini, saya terpaksa mempertahankan

profesionalisme golongan ini. Nampaknya pihak pembangkang hanya tahu mengkritik dan tidak memberi apa-apa bantuan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya rakyat kita bersedia, sanggup dan berupaya (*ready, willing and able*) menghadapi cabaran dalam bidang ICT. Teknologi maklumat membawa banyak marfaat tetapi juga menimbulkan risiko baru. Memandangkan kebanyakan jabatan kerajaan, ketenteraan, sektor perniagaan dan syarikat telah pun dikomputerisasikan, keselamatan komputer (*computer security*) telah menjadi isu yang penting. Kesilapan keselamatan komputer akan menjejaskan operasi kerajaan dan organisasi tertentu. Oleh sebab itu, sistem audit keselamatan komputer mesti dilaksanakan supaya risiko penipuan, penyalahgunaan dan gangguan dikurangkan.

Langkah-langkah perlu diambil termasuk perlindungan hak milik intelek dan hak pengguna. Malaysia telah mengambil tindakan keras bertentangan cetak rompak (*pirate software*). Kegiatan ini adalah salah satu tindakan diperuntukkan di bawah Bill of Guarantee apabila Multimedia Super Corridor ditubuhkan. Syarikat-syarikat membentuk software atau *software development company*, dengan izin, bermanfaat banyak dari langkah itu. Tetapi pada masa yang sama, kerajaan perlu membentangkan satu akta baru untuk menjamin kualiti software dibekalkan oleh syarikat-syarikat itu kepada orang ramai. Selama ini pembeli software asal atau *original software*, dengan izin, selalunya menjadi mangsa software bermasalah. Sampailah masa mereka juga diberi perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membahaskan isu-isu Belanjawan 2001, janganlah kita lupa bahawa tujuan kita bukan membangunkan ekonomi negara kita sahaja tetapi kita juga ambil berat pembangunan masyarakat penyayang dan menjaga kebajikan golongan yang berpendapatan rendah. Walaupun kakitangan kerajaan telah dapat penyelarasan gaji sebanyak 10% pada awal tahun ini, memandangkan kenaikan harga barang, sara hidup akibat harga petroleum dunia telah naik tiga kali ganda dari tahun lepas, saya berharap kerajaan akan mempertimbangkan sekali lagi memberi bonus kepada mereka pada tahun ini, khasnya kepada mereka yang bekerja di peringkat bawahan yang berpendapatan rendah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh topik pembinaan projek perumahan kos rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang memberi peruntukan sejumlah RM797 juta untuk membiayai 37,000 unit rumah untuk menempatkan kesemua setinggan. Dalam perbahasan Belanjawan 2000, awal tahun ini, saya telah menyeru bahawa kerajaan mempertimbangkan penjualan sebahagian daripada unit itu kepada setinggan tempatan. Saya telah dapat banyak permintaan daripada setinggan di kawasan saya dan saya mengulangkan seruan itu.

Dari data-data yang saya perolehi, jumlah setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kurang dari bilangan unit yang dibina. Saya berharap kerajaan akan membuat satu keputusan yang patut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rantau Panjang.

3.59 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Bismillahir rahmanir rahim. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “Hendaklah ada satu golongan di antara kamu yang menyeru dengan kebaikan dan menentang kemungkaran”. Tuan Yang di-Pertua, inilah sepotong ayat Al-Quran yang menjadi persoalan dalam negara kita sekarang malah perkara ini telah berlaku sejak merdeka lagi. Satu golongan kerjanya *ya'muru nabil ma'ruf* sahaja, satu golongan lagi, kerjanya selain dari *ya'muru nabil ma'ruf*, ialah *wayan hauna anil mungkar*, iaitu biasanya daripada sebelah UMNO kerjanya macam itu dan sebelah PAS ini kerja hak ayat rangkai yang kedua tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak berceramahkah, kalau kita hendak bersyarahkah, kalau sekadar hendak bercakap, hendak beritahu, hendak seru kepada orang ramai buat kerja-kerja yang ma'aruf ini senang sahaja. Minta madrasah mana pun, orang bagi. Minta masjid mana pun, orang bagi. Hatta, minta rumah Ahli-ahli Parlimen Rompin kah, Parit kah, semua orang bagi. Kalau setakat hendak suruh orang ramai buat kerja ma'aruf. Tetapi, di samping itu kalau kita rangkai kembali, kita sambung kembali ayat Al-Quran itu, selain mengajak orang ramai buat kerja-kerja

ma'aruf, kita juga ajak orang ramai ini menentang kemungkaran, saya yakin dan percaya ramai orang tidak bagi rumah, ramai orang tidak bagi madrasah, ramai orang tidak bagi masjid. Inilah yang berlaku sekarang ini.

Yang berlaku di negara kita sekarang ini kerana orang tidak mahu menggunakan ayat Al-Quran ini yang ada kaitan antara satu sama lain. Kalau sekadar hendak suruh orang ramai buat kerja ma'aruf ini, ramai. Saya yakin dan percaya, bahkan kalau orang terpikat dengan Tok Guru pula, seperti Yang Berhormat Tok Guru Menteri Besar, misalnya. Kalau dia bangun bercakap, semua orang nampak, mesti dia ada kait antara satu sama lain selain daripada menyeru orang ramai supaya buat kerja ma'aruf, dia ajak orang ramai menentang kemungkaran. Sebab itulah dia mari Negeri Selangor ini tidak boleh bercakap. Ini persoalan yang timbul sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini timbul kerana sebahagian di kalangan kita ada satu golongan di negara kita ini tidak mahu mendengar, tidak mahu menuruti ayat Al-Quran yang saya baca sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada masyarakat sekarang ini, ramai orang menggunakan Tok Guru, ramai orang mencari Ustaz, ramai cari Tok Lebai apabila ada hajat, terutama sekali apabila murid-murid sekolah, apabila ada anak yang sekolah itu yang mahu memasuki peperiksaan. Maka, berlumba-lumba cari Tok Guru ini, berlumba-lumba cari Tok Lebai, berlumba-lumba cari Ustaz untuk sembahyang hajat. Itu sahaja. Selepas itu, apabila Ustaz yang sama juga mengajak orang ramai atau menegur orang ramai perkara yang mungkar, maka apa yang selama ini, apa yang dijemput selama ini, apa yang disuruh makan di rumah dia semua, semua tidak jadi. Tidak pakai dah kerana perkara ini bertentangan dengan jiwa mereka itu sendiri. Ini yang berlaku dalam masyarakat kita sekarang ini.

Inilah puncanya Yang Berhormat Tuan Guru Menteri Besar yang saya sebutkan tadi tidak dapat berada di masjid-masjid, di surau-surau di Selangor ini. Walau bagaimanapun, beberapa orang di kalangan ahli PAS sekarang ini telah pun berada di tengah-tengah pemimpin UMNO seperti Ustaz Nakhai, Ustaz Mustafa Taib, Ustaz Ahmad Idris, Ustaz Wan Ismail, Ustaz Ahmad Kholid yang mereka ini mempunyai banyak hujah dalam soal kafir-mengkafir. Saya minta Yang Berhormat terutama sekali Kinabatangan yang hendak tahu sangat berkenaan dengan isu kafir-

mengkafir ini, bolehlah merujuk kepada mereka ini. Mudah-mudahan mereka ini boleh memainkan peranan untuk menentang kemungkaran Dewan UMNO dan yang paling kurangnya mereka ini sanggup menegur ahli-ahli UMNO atau pemimpin UMNO yang tidak menutup aurat, paling-paling kurangnya.

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Kinabatangan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya bagi, insya-Allah, saya bagi selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya akan bagi satu minit kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak pandai mengagakannya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya sikit, tadi baru mukadimah, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahas Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 27 Oktober baru-baru ini. Mudah-mudahan ucapan saya ini akan dapat didengari oleh sekalian ahli-ahli Dewan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sekarang ini berada dalam bilik, barangkali boleh melihat apa yang saya sebutkan ini dan harap Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen yang nampak masih lagi degil, tidak mahu mendengar pandangan-pandangan dan buah fikiran daripada pihak pembangkang selama ini.

Ibarat orang Kelantan sebut, perangai UMNO ini macam kalau kita gesek rebab di telinga kerbau ataupun kita petik gitar di telinga kerbau. Kita tengok dia bergerak bila bunyi suara gitar atau suara rebab ini, dia bergerak-gerak tetapi rupanya dia bergerak itu bukan dia nak dengar kita tetapi dia sakit kerana ada agas-agas di telinga dia. Itu perangai dia.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada dua orang berdiri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak boleh. Saya sudah beritahu tadi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Dalam kesempatan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang difikirkan perlu

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada dua orang berdiri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Semua orang saya tidak bagi lagi. Saya bagi satu minit terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kita tahu di akhir-akhir ini, terdapat orang-orang kita ...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa, duduk, dia tidak bagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Akhir-akhir ini, terdapat dalam masyarakat kita ini orang yang tidak belajar agama, cuba bercakap tentang agama. Orang yang belajar agama, tidak bercakap langsung tentang agama. Macam syaitan bisu. Barangkali mereka ini takut bercanggah pendapat dengan pemimpin-pemimpin mereka...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya sudah beritahu dah, saya tidak bagi semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Member ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ha? Member bagi, member bagi.
[Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah. Saya tidak boleh kata apa, Yang Berhormat. Dia hendak bagi siapa, dia punya hak.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bachok ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: ...Tuan Yang di-Pertua. Biasalah sama member ini. Barisan Nasional pun begitu juga. Sedikit sahaja. Tadi, pihak Yang Berhormat telah ada menyebut sedikit mengenai perangai UMNO ini dan kemudian pihak Yang Berhormat juga sebut mengenai sikap orang yang dalam menangani perkara-perkara yang berkait dengan agama ini. Adakah setengah daripada pemimpin UMNO ini dalam bercakap mengenai agama, baik, kemudian dalam melaksana kaedah-kaedah agama ini, tidak baik. Apa pada pandangan Yang Berhormat? Sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Bachok.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, saya beritahu tuduhan yang bukan-bukan jangan dibuat. Tidak memberi faedah apa-apa. Kadang-kadang...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Secara umumnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cara umum itu, makna kena belakalah, orang PAS pun kena, orang UMNO pun kena.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, secara umumnya, biasanya kalau orang UMNO ini bila berjanji ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan sebut satu-satu partilah, sebutlah keseluruhan. Sila, sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bila dia berjanji, dia tipu. Bila bercakap, dia bohong. Bila diberi amanah, dia pecah amanah. Bila diberi kuasa, dia gila kuasa. Pendek kata, akhlaknya terlalu jahat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, mohon penjelesaian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tak bagi. Inilah berlaku di Malaysia ini.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Boleh beri laluan sedikit? Yang Berhormat, Yang Berhormat izinkanlah saya membuat pertanyaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Satu minit terakhir saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya bagi semua satu minit terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Inilah berlaku di Malaysia ini kerana orang yang memegang kuasa di Malaysia sekarang ini, orang yang tidak belajar agama. Malah, kuasa mereka itu sehinggakan mereka ini, ada juga orang yang nombor satu dalam Malaysia ini, memegang kuasa sehingga Majlis Kebangsaan Hal

Ehwal Agama pun, dia juga sebagai Pengerusi sedangkan mereka ini buta Al-Quran. Ha, ini beratnya Malaysia ini. Saya masih teringat bagaimana terhirisnya perasaan umat Islam apabila ada....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Sulong berdiri Yang Berhormat. Ya, sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Peraturan Mesyuarat 36(6), dia sangkaan buruk terhadap Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak sebut nama tetapi saya sudah beritahu tadi kalau hendak membuat tuduhan, janganlah buat perkara yang bukan-bukan. Saya sudah cakap. Sila ambil ingatan. Teruskan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, saya pun tahu. Saya masih ingat bagaimana terhirisnya perasaan umat Islam apabila ada pemimpin negara yang berkebetulan pula buta Al-Quran, mengarahkan supaya Al-Quran hendaklah ditafsirkan semula mengikut kesesuaian dan selari dengan kemahuan manusia sendiri. Sampai begitu sekali mereka mempersenda-sendakan dan mempertikaikan kemampuan ulama yang tidak sebulu dengan mereka. Sampai bila pun tidak akan berakhir kalau kita hendak tafsir Al-Quran dengan akal. Apakah mereka ini merasai lebih hebat daripada 'muntasirin' yang mentafsir secara *detail* dan mendalam berdasarkan hadis-hadis Nabi s.a.w.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal membentuk generasi persekolahan, saya lari sikit ini. Ini baru hendak mula. Dalam soal membentuk generasi persekolahan, pihak kerajaan telah banyak memberi perhatian kepada perkembangan sains dan teknologi maklumat. Penjurusan kepada celik komputer, dengan harapan akan melahirkan para pelajar yang lebih pintar, berinisiatif, kreatif serta mampu berdikari. Tidak akan ke mana sekiranya sekeping daging yang ada dalam tubuh mereka kotor dan cemar. Celik komputer tanpa celik Al-Quran akan menambahparahkan lagi komponen masyarakat. Kepintaran, kreatif dan berinisiatif tidak akan ke mana sekiranya takwa, imandan nilai-nilai murni tiada di dalam diri mereka.

Kerajaan lebih banyak menumpukan kepada membina manusia tanpa mengambil kira bagaimana pula dengan kualitinya. Bagaimana kualiti enjinnya. Kecantikan reka bentuk sahaja tidak memadai jika enjinnya selalu meragam atau selalu rosak. Hati dan pemikirannya tidak berkiblatkan kepada Tuhan yang menciptanya. Tetapi lebih menghalu kepada soal kebendaan dan keseronokan sahaja. Pembinaan makmal komputer tidak dinafikan memang ada kebaikannya tetapi alangkah lebih baik sekiranya makmal hati dan minda pelajar yang berpaksikan kepada takwa, iman dan nilai-nilai murni juga dibina.

Saya menyokong apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Bentong yang mencadangkan kerajaan menekankan soal pendidikan agama dan moral dan jangan hanya menitikberatkan pembangunan sahaja. Kepintaran pelajar tanpa dipandu oleh nilai murni akan melahirkan pelajar yang pintar menipu di dalam masyarakat. Dan apabila menjadi pemimpin, mereka pula pintar menipu rakyatnya seperti sesetengah pemimpin dalam kerajaan sekarang ini. Tidak ada apa-apa lagi. Ini setengah sahaja. Apabila tiba pilihan raya, mulai berjanji sepertimana yang disebut oleh sahabat saya dari Sarawak tadi, banyak janji telah diberikan waktu pilihan raya tetapi selepas pilihan raya, sampai sekarang pun tidak ditunaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sama-samalah berjanji itu. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Di Kelantan umpamanya, memang banyak janji terutama sekali janji pilihan raya yang dahulu untuk membina universiti. Sampai sekarang paku sebiji pun tidak dibeli lagi untuk membuat universiti. Inilah persoalan yang timbul di kalangan pemimpin-pemimpin sekarang ini. Janji pandai tetapi tunainya tidak.

Saya hendak sebutkan di sini ialah kerajaan hanya menggalakkan pembelajaran Bahasa Inggeris sedangkan bahasa yang diiktiraf oleh Allah s.w.t di dalam syurga iaitu Bahasa Arab, tidak diberi perhatian sewajarnya. Hari-hari, bangun cakap Bahasa Inggeris patut digalakkan. Hari-hari bangun wakil rakyat bercakap Bahasa Inggeris patut digalakkan. Itu sahaja. Tiada siapa pun memberanikan diri untuk bangun bercakap sama ada mereka itu belajar agama atau tidak, bercakap supaya Bahasa Arab juga tidak ketinggalan. Setiap kali belanjawan dibentang di

Parlimen, setiap kali jugalah tidak ketinggalan hasrat kerajaan untuk menitikberatkan dan tidak pernah kedengaran hasrat kerajaan untuk memartabatkan tulisan Jawi sebagai suatu kebanggaan orang Melayu. Bahasa dan tulisan jawi diabaikan.

Siapakah yang mengabaikannya kalau bukan di kalangan orang UMNO? Sebab apa UMNO mengabaikannya kerana tidak mendatangkan keuntungan material kepada mereka itu dan kepada negara. Seluruh dunia tahu bahawa Bahasa Arab merupakan bahasa ilmu yang terunggul di dunia. Bahasa ilmu yang telah membuktikan sumbangannya dalam sejarah tamadun manusia baik dari segi ilmu geografi, sains, matematik, sejarah, perundangan dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, oleh kerana ia tidak menguntungkan UMNO ataupun tidak menguntungkan kerajaan sekarang ini maka bahasa ilmu ini tidak diberi perhatian.

Begitu juga dalam soal membudayakan masyarakat supaya gemar membaca. Skim galakan dilaksanakan dalam KWSP memang wajar ditawarkan kepada masyarakat akan tetapi skim galakan sahaja tanpa kawalan terhadap bahan-bahan bacaan dan bahan-bahan tontonan tidak akan membawa apa-apa faedah kepada rancangan kerajaan ini. Kita dapati sekarang ini bahan-bahan bacaan terlalu banyak di pasaran. Ianya tidak terkawal dan jika dikawal pun hanya bahan-bahan bacaan yang mirip kepada pembangkang. Kalau bahan-bahan bacaan ini bercorak tahayul, seks, keganasan, hiburan gila-gila, kerajaan hanya memejamkan mata sahaja. Bagi kerajaan apa yang bahaya hanyalah pembangkang sahaja kerana ditakuti pembangkang ini mempengaruhi masyarakat. Kalau kerajaan berani bawalah bahan-bahan yang mirip kepada pembangkang itu kepada mahkamah dengan menggunakan kuasa KDN. Jangan menggunakan kuasa KDN yang ada sewenang-wenangnya. Dakwalah di mana tidak betul dan tidak benarnya penulisan artikel-artikel tersebut dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan ini supaya mereka itu bawalah ke mahkamah. Akan tetapi kerajaan hanya memejamkan mata dengan buku-buku dan majalah-majalah yang jelas melanggar etika kehidupan manusia.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan ini tidak ke mana sekiranya sayur kita tanam, baja kita taruh, pagar kita bina tetapi di dalamnya kita pelihara pula lembu liar. Apa yang hendak dibangkitkan sangat dengan perbelanjaan ini. Ini perangai, saya sebut ini.

Perkara yang baru dirancang oleh UMNO ialah Kempen Celik AlQuran di Tadika KEMAS di seluruh negara, ini baru sahaja tahun ini. Yang lucunya ialah guru-guru KEMAS ini diarah supaya mengajar Sistem Qiraati di kelas-kelas KEMAS. Bagaimana guru-guru KEMAS hendak mengajar Sistem Qiraati kepada murid-murid Tadika KEMAS sedangkan sebahagian besar guru-guru KEMAS buta AlQuran. Selama ini guru-guru KEMAS diberi kursus menyanyi dan menari, itulah juga yang diajar di kelas-kelas KEMAS. Hasil daripada inilah menyebabkan kelas-kelas KEMAS semakin pupus hari demi hari dan kelas pasti dan taski makin mendapat sambutan disebabkan nampaknya kelas Tadika KEMAS ketinggalan zaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Tebrau berdiri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun: Saya tidak bagi lagi jalan. Belum sampai masanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kira-kira memang seminit itu memang hendak habis.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun: Yang masalah kafir-mengkafir tidak habis-habis dicanang oleh orang-orang UMNO ini....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia berjanji hendak bagi tetapi dia tidak bagi, saya tidak tahulah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun: Menyentuh masalah isu kafir-mengkafir tidak habis-habis dicanangkan oleh orang-orang UMNO ini. 20 tahun dahulu hampir-hampir selesai apabila satu perdebatan ataupun muzakarah akan diadakan di antara PAS dan UMNO tetapi perkara ini berakhir dengan UMNO minta supaya Pemegang Mohor Besar Raja-Raja Melayu mengisytiharkan perdebatan itu dibatalkan dengan pelbagai alasan. Sekarang ini timbul pula satu lagi isu perdebatan di antara PAS dan UMNO dengan isu hak istimewa orang-orang Melayu. Perkara ini juga saya yakin dan percaya, saya nampak ada juga pihak cuba mengelak daripada berlaku perdebatan di antara PAS dan UMNO dengan pelbagai alasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, Yang Berhormat. Masa sudah

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun: Pendek kata, UMNO dan PAS ini tidak boleh berdebat secara terbuka kerana hujah PAS tepat, padat dan menepati kehendak Islam. Sebab itu UMNO acah sahaja hendak berdebat dengan PAS sedangkan mereka tidak berhasrat untuk berbuat demikian. Ini kerana mereka sudah menjangka akan jatuh sekiranya perdebatan diteruskan, UMNO akan kalah dan PAS tetap akan menang. Saya bagi peluang, saya bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun: Kalau begitu belum penutup lagi ini. Boleh tutup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tutup, tutup. Tutup Yang Berhormat, masa sudah habis. Saya bagi setengah minit.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun: Akhirnya, saya minta kepada kerajaan pertama sekali hendaklah menuntut dasar diskriminasi kepada pihak-pihak tertentu khususnya antara kerajaan-kerajaan negeri yang diperintah ataupun ditadbirkan oleh PAS dan UMNO ini. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah meluluskan selama ini sebanyak RM943 ribu juta kepada Kerajaan Kelantan melalui JPP walaupun melalui pintu belakang. Tetapi saya hendak memberi amaran kepada Kerajaan Malaysia, cara RM943 ribu juta yang diberikan kepada JPP itu sebenarnya tidak ada menguntungkan kepada UMNO sebab dengan cara pemberian terus kepada JPP dan memberikan agihan kepada Ketua Bahagian UMNO memang jangka pendek kita tengok UMNO hidup bahagian-bahagiannya hanya melalui peruntukan ini. Tetapi rakyat sendiri yang mengukuh, yang melihat, tidak ada kesan pun, contohnya satu jalan raya hanya satu kilometer. Kerajaan Kelantan membuat dengan perbelanjaan RM25 ribu sahaja. Tetapi melalui JPP, Ketua Bahagian UMNO mencari kontraktor ataupun membuat sendiri dengan harga antara RM50ribu sehingga RM60 ribu, ini penyelewengan yang berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa yang terhormat sudah habis...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun: Penyelewengan yang berlaku terus-menerus

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun: ...dan saya harap kalau kerajaan tidak menjaga betul-betul, UMNO akan hancur di mana-mana sahaja negeri di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Yang Berhormat

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tebrau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Selangau.

4.15 ptg.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]: Tuan Yang di-Pertua, Selangau memang jauh. Satu minggu sudah bangun belum sampai. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan cakap. *[Ketawa]* Teruskan, nanti makan masa.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk turut bersama dengan rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini, membahaskan Belanjawan Tahun 2001 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada 27 Oktober 2000, hari Jumaat yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2001 memacu negara kita ke arah k-ekonomi dan menyediakan rakyat untuk menikmati faedah besar daripada ekonomi baru abad ke-21 itu. Semasa membentangkan Belanjawan sebanyak RM91.5 bilion ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia mahu semua rakyat menerima realiti k-ekonomi dan kita tidak ada pilihan lain, semua kita akan menjadi keluarga k-ekonomi. Maka dengan ini, rakyat Malaysia mesti menguasai Bahasa Inggeris, bahasa utama teknologi maklumat dan komunikasi ICT. Walau bagaimanapun, Bahasa Malaysia atau bahasa Melayu tetap menjadi bahasa kebangsaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kehidupan dalam ekonomi global berasaskan ilmu pengetahuan dalam dunia tanpa sempadan memerlukan setiap kita melengkapkan diri dengan kemahiran baru dan menyusun semula keutamaan dalam menerapkan budaya

berteknologi tinggi dan keusahawanan yang dinamik untuk membawa ekonomi baru yang akan membawa kepada produktiviti yang lebih meningkat, pendapatan yang lebih tinggi serta kualiti hidup yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak parti pembangkang menyatakan bahawa Belanjawan tahun 2001 ini bukan belanjawan yang baik untuk semua rakyat Malaysia tetapi ini tugas pembangkang, walaupun Kerajaan Pusat buat setakat mana baik, masih juga mereka menyatakan ini dan itu tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat kawasan luar bandar Selangau, saya ucapkan syabas dan terima kasih kerana Kerajaan Barisan Nasional telah 'memberangsangkan' dan semua pihak lapisan masyarakat sama ada tinggal di luar bandar atau di bandar termasuk negeri yang diperintah oleh parti pembangkang seperti negeri Kelantan dan Terengganu juga akan diberi geran peruntukan sama rata mengikut keperluan negeri-negeri yang tadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional kita tidak mengira bulu dan pilih kasih apabila mengagihkan peruntukan kepada mana-mana negeri di Malaysia. Oleh kerana Barisan Nasional ialah kerajaan yang mempunyai tradisi untuk membela rakyat terutama rakyat yang masih mundur di kawasan luar bandar di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyentuh banyak berkenaan dengan ekonomi negara kita Malaysia, oleh kerana ramai Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah menyentuh hal ekonomi negara kita. Tambah pula, saya amat berasa bangga sebagai bangsa Malaysia oleh kerana negara kita dapat mempertahankan diri tanpa meminjam wang IMF dari luar negara walaupun kita telah dilanggar kegawatan ekonomi teruk dalam sejarah negara kita semenjak kita merdeka 43 tahun yang lalu. Kita masih *survival* dan juga dalam pengurusan kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada pemimpin negara kita, pemimpin Kerajaan Barisan Nasional kerana telah menyelamatkan negara kita dari dijajah semula oleh pihak asing dari segi bentuk ekonomi, sosial, budaya dan politik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya membahaskan kepada beberapa kementerian yang saya anggap sangat penting bagi rakyat negeri Sarawak amnya, Selangau khasnya.

Pertama, saya ingin menyentuh mengenai beberapa perkara tentang Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan telah diagihkan dengan peruntukan kurang lebih RM13.6 bilion untuk menjayakan aspirasi negara, mewujudkan masyarakat berpengetahuan sebagai masyarakat berilmu bertaraf dunia. Kita mesti bermula dengan anak kita di bangku sekolah mulai daripada peringkat tadika atau tabika terus ke peringkat universiti. Peribahasa Melayu menyentuh menyatakan, "*Jika hendak membentuk buluh mesti daripada rebunginya, jika buluh itu dibentuk semasa sudah tua atau besar ia akan mudah patah*". Jika sistem pendidikan negara kita atau falsafah pendidikan negara kita masa kini dalam era alaf baru dalam globalisasi ini tidak berkesan, kita dapat membuat penyelidikan, mengkaji semula sistem pendidikan negara kita supaya objektif pendidikan negara kita dapat tercapai.

Sebagai aset yang paling berharga menjadi pewaris masa hadapan negara, golongan kanak-kanak harus mendapat jaminan hidup membesar dengan sempurna supaya menjadi anak bangsa yang berdaya tahan, progresif, berakhlak mulia, bermoral tinggi, bersopan santun, sihat dari segi fizikal dan mental. Semua pihak dituntut bekerjasama untuk memastikan wujudnya persekitaran mesra kanak-kanak di kalangan masyarakat kita pada hari ini kerana kehidupan kita di alaf baru ini semakin hari, semakin kompleks dan mencabar. Dalam perkara ini, ibu bapa mesti memainkan peranan yang penting sebagai *role model* dan contoh baik kepada anak-anak serta bertanggungjawab kepada mereka dan menentukan kehidupan mereka hidup dalam bahagia dalam semua aspek kemajuan pada masa akan datang.

Saya amat berasa bangga kerana Kerajaan Barisan Nasional telah sedar bahawa pelajaran komputer di kalangan penuntut dan rakyat jelata amatlah penting dalam dunia global pada hari ini. Maka fasa pertama projek perintis ini melibatkan 90 buah sekolah dan dijangka siap pada tahun hadapan dan program makmal komputer akan dibekalkan di antara 12 hingga 40 buah komputer yang dilengkapi dengan kemudahan multi media dan *Internet*. Keutamaan akan diberi kepada sekolah-sekolah luar bandar dan sebanyak 2,200 buah makmal komputer akan dimulakan diberi pada

separuh penggal menjelang tahun 2001 supaya guru-guru dapat diberi kursus dalam bidang komputer dan murid-murid sekolah di kawasan luar bandar dapat belajar komputer dalam apa juga bahasa, pertamanya dalam Bahasa Inggeris selain daripada Bahasa Malaysia atau bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan kita.

Saya mencadangkan supaya kerajaan akan memberi peruntukan khas untuk memajukan bahasa ibunda rakyat Malaysia seperti bahasa Iban, Melanau di Sarawak, bahasa Kadazan di Sabah dan juga bahasa ibunda lain di seluruh negara supaya bahasa ibunda di negara kita tidak pupus ditelan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya lebih banyak lagi sekolah di luar bandar Sarawak dan Sabah akan diberi peruntukan lebih banyak memandangkan kedua-dua buah negeri itu negeri yang terbesar di Malaysia di mana kebanyakan sekolah-sekolah luar bandar Sarawak masih terkebelakang dari segi kemajuan fizikal dan alat pembelajaran dan pengajaran. Sebanyak 428 buah sekolah menengah dan sekolah rendah dan 1,262 buah makmal komputer di luar bandar supaya program sekolah-sekolah di luar bandar dapat dilaksanakan dengan baik dan menguntungkan masyarakat di luar bandar.

Saya memohon penguatkuasaan untuk memantau pelaksanaan projek ini dibuat dengan rapi supaya rakyat terutama di kawasan luar bandar dapat menikmati hasil pembangunan negara itu dengan baik. Saya sekali lagi mencadangkan tiap-tiap sekolah di luar bandar mesti diberi keutamaan seperti bekalan api elektrik atau sekurang-kurangnya generator set, jalan raya yang menghubungkan sekolah itu, air paip yang bersih, telefon awam, buku teks yang cukup, bilik guru yang baik, bilik kelas yang sempurna, alat-alat pengajaran seperti komputer yang cukup dan bilik sumber yang lengkap.

Perkara yang kedua saya ingin hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat di kawasan luar bandar Sarawak, kawasan Selangau, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih juga kerana Kerajaan Barisan Nasional telah memperuntukkan RM3 bilion untuk pelbagai program pembangunan bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat luar bandar akan diteruskan untuk melaksanakan projek-projek pertanian, pembangunan kampung, bekalan air, elektrik dan pendidikan luar bandar. Daripada jumlah itu, RM856 juta adalah untuk bekalan

elektrik dan air paip dan pembinaan jalan-jalan kampung dan rumah panjang di seluruh negara dan tidak kurang daripada 20,625 buah rumah di seluruh negara yang akan diberi kemudahan bekalan elektrik dan air paip yang bersih. Dengan peruntukan ini saya harap Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan memberi keutamaan kepada kampung-kampung dan rumah panjang di luar bandar di Sarawak yang lebih kurang 5000 kampung dan rumah panjang di mana penduduk tinggal di merata-rata tempat. Lebih separuh daripada kampung di rumah panjang ini belum ada kemudahan asas, masih tidak ada bekalan elektrik, air paip yang bersih, telefon awam, klinik desa, perpustakaan awam dan sebagainya.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar adakah kementerian telah membuat research and development (R&D), dengan izin, untuk mengenal pasti berapa peratuskah daripada 5,000 buah kampung dan rumah panjang di Sarawak yang telah dibekalkan dengan kemudahan asas seperti jalan kampung, jalan rumah panjang, api elektrik, air paip yang bersih, telefon awam di kampung dan perpustakaan kampung dan rumah panjang.

Jika kementerian belum membuat research and development, dengan izin, saya fikir sudah tibanya masa kementerian berbuat demikian, sebab tidak ada lojiknya kita bercakap tentang globalisasi atau ITC, komputer dan sebagainya jika *basic amenities* seperti ini yang dihadapi oleh penduduk luar bandar belum dapat diselesaikan.

Saya yakin dan percaya ramai Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional di Dewan yang mulia ini memang setuju dengan saya untuk memberi peruntukan yang lebih banyak dan tambahan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam Rancangan Malaysia Kelapan oleh sebab penduduk di luar bandar memang mahu hidup setaraf dengan kawan yang di luar bandar, kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Sikit boleh, tetapi jangan banyak, setengah minit sahaja. [Ketawa] Cepat sikitlah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Selangau, pembelaan luar bandar ini kita hargai benar. Tetapi saya hendak bertanya, perjuangan ini oleh Jawatankuasa PBDS termasuk Presiden atau tidak Presiden PBDS sendiri. Saya hendak bertanya sikit.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Luar bandar.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Usul ini pastikah dengan persetujuan Presiden atau tidak dengan persetujuan Presiden PBDS, saya hendak bertanya sebab kadang-kadang PBDS itu jawatankuasanya lain, Presidennya lain, saya hendak bertanya sedikit. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Kita dapat memajukan kawasan luar bandar sebab kita dalam Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat, saya hendak ingatkan. Sila gulung.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Saya gulung. Ini akan mengambil realiti bahawa kebanyakan Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini kebanyakan wakil rakyat dari kawasan luar bandar yang telah menang dan disokong majoriti oleh penduduk luar bandar.

Kesihatan penduduk luar bandar juga sangat penting dan kerajaan akan memberi keutamaan untuk memberi peruntukan sejumlah RM1.7 bilion disediakan untuk meningkatkan taraf hidup atau kemudahan perkhidmatan kesihatan luar bandar dengan membina 452 buah klinik yang baru.

Jadi, sebab masa tak cukup, saya akan mengalihkan beberapa perkara sahaja. Mengenai klinik desa ini saya bercadang klinik desa di kawasan saya di Badang, di Ulu Kakus patut dibina dengan segera. Memang tidak dinafikan ada program atau perkhidmatan *Flying Doctor Service* datang sebulan sekali, oleh kerana *Flying Doctor Service* ini sangat mahal, lebih baik kerajaan mempunyai dasar supaya tempat ini dibuat klinik dan menempatkan pegawai kesihatan dengan orang tempatan di situ. Sekarang rumah klinik desa telah dibuat secara gotong-royong hanya menunggu para pegawai kesihatan ditugaskan ke klinik tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Saya akan habis sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak ada masa Yang Berhormat.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Dapat sambungkan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa memang sudah cukup, Yang Berhormat. Sudah lebih.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat sudah cukup. *[Ketawa]* Yang Berhormat, kerana ada usul.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Saya masih ada banyak, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Okay, sekian, terima kasih.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3)

Penyalahgunaan Kuasa Pihak Polis Terhadap Perhimpunan Aman Di Kampung Jalan Kebun, Klang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa telah pun pukul 4.30 petang, dan menurut Peraturan Mesyuarat 18(3) dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi yang telah meluluskan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) saya sekarang memberhentikan perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 2001 untuk membahaskan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Seperti yang telah pun diputuskan pagi tadi, pihak pencadang dan penyokong akan diberi 30 minit, bagi pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Pokok Sena, sila kemukakan.
[Tepuk]

4.30 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul yang dibawa pada pagi tadi yang dibentangkan ialah usul yang berkaitan dengan keganasan dan juga penyalahgunaan kuasa pihak polis ekoran

daripada tragedi yang berlaku di Kampung Jalan Kebun, Klang pada tarikh 5 November 2000, hari Ahad yang lalu, juga kawasan-kawasan yang bersekitaran dengannya. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, satu peristiwa ataupun tragedi yang menunjukkan politik dan pentadbiran negara ini sedang menuju ke arah *police state* ataupun negara ala-Nazi di Jerman satu ketika dahulu.

Peristiwa yang berlaku pada hari itu ialah peristiwa ekoran daripada hasrat untuk rakyat berhimpun secara aman bagi memenuhi tuntutan dan kehendak Perlembagaan Persekutuan yang dijunjung oleh kita semua pada hari ini. [*Tepuk*] Artikel 10(1)(b) Perlembagaan Negara menyebut hal yang berkaitan kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan. Artikel (1)(b) menyebut bahawa "*semua warganegara adalah berhak berhimpun secara aman dan dengan tidak bersenjata.*" Inilah hasrat ratusan ribu rakyat Malaysia untuk berhimpun dengan satu tujuan, satu agenda, satu matlamat untuk memperjuangkan supaya dikembalikan hak rakyat dalam negara ini. [*Tepuk*]

Ini berlaku ekoran daripada pencabulan yang terlalu banyak terhadap hak rakyat di dalam negara Malaysia ini. Bilamana hak rakyat untuk berhimpun, hak rakyat untuk bersuara, kebebasan media dinafikan, kebebasan untuk wartawan, penulis-penulis menulis di dalam akhbar dan sebagainya sudah dinafikan oleh kerajaan yang memerintah pada hari ini dengan undang-undang *draconian* yang diwujudkan di dalam negara kita, [*Tepuk*], lalu rakyat terpanggil untuk mengadakan satu perhimpunan besar 100,000 umat rakyat negara ini. [*Disampuk*] [*Sorak*]

Sebab itu saya hendak sebut kepada Tuan Yang di-Pertua, perhimpunan pada hari tersebut adalah perhimpunan aman, [*Disampuk*] [*Sorak*] perhimpunan yang tidak berlaku sebarang kekacauan, melainkan ianya berlaku sedikit kekecohan bila pihak polis bertindak ganas seperti mana polis Israel. [*Tepuk*] Belum pernah berlaku dalam sejarah perhimpunan yang kami anjurkan.

Saya ingin mengingatkan Timbalan Menteri Dalam Negeri yang hadir pada hari ini, perhimpunan di Sungai Petani pada sebulan yang lalu lebih daripada 100,000 rakyat negeri Kedah berhimpun anjuran Barisan Alternatif, perhimpunan aman tanpa senjata, tidak berlaku sebarang kekacauan. Ini yang dilakukan oleh rakyat kerana rakyat semua cintakan negara. Mereka tahu tanggungjawab mereka untuk menjaga

keharmonian, perpaduan dan keamanan di dalam negara kita, melainkan pe mimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional yang busuk perut terhadap hak rakyat dalam negara kita. *[Tepuk]*

Sebab itu saya membawa contoh di Sungai Petani, contoh perhimpunan Gerak pada 1998 yang lalu ratusan ribu di Taman Melewar, tanpa berlaku sebarang apa-apa pergaduhan. Betapa disiplinnya ahli-ahli PAS dan juga anggota-anggota daripada parti-parti komponen Barisan Alternatif dalam menghadiri perhimpunan-perhimpunan tersebut.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Dalam Dewan pun tak ada disiplin.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tema perhimpunan, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tema perhimpunan ialah untuk kembalikan hak rakyat, dan asal perhimpunan ini saya hendak sebut kepada Dewan yang mulia ini, asal cadangan perhimpunan ini hendak diadakan di Stadium Bukit Jalil. Kami telah meminta permohonan daripada pihak Stadium Bukit Jalil sebanyak dua kali untuk mengadakan perhimpunan tersebut, tetapi pihak Stadium Bukit Jalil tidak memberikan kebenaran walaupun stadium itu dibina atas keringat rakyat, wang rakyat, bukan wang pemimpin-pemimpin UMNO. *[Tepuk]* Tetapi rakyat dinafikan untuk menggunakan stadium tersebut. Barisan Nasional boleh menggunakan stadium tersebut sebelum daripada pilihan raya.

Bila kami tidak mendapat Stadium Bukit Jalil, lalu kami berpindah ke tanah seluas tiga ekar di Jalan Kebun, Kelang kerana kami menyedari betapa kami perlu memberikan kerjasama kepada pihak polis supaya ianya mudah untuk mengawal lalu lintas dan sebagainya, bukan untuk menghalang perhimpunan. Tanah seluas tiga ekar untuk menghimpunkan ratusan ribu rakyat Malaysia dengan laluan yang begitu mudah untuk dipergi oleh sesiapa sahaja. Kami mencari tempat ini yang sesuai untuk tidak mengganggu rakyat yang lain sama ada hal-hal yang berkaitan dengan lalu lintas dan sebagainya. Lalu perhimpunan tersebut diadakan, kami teruskan walaupun sekatan jalan raya itu diadakan. Malah pihak polis telah mencero boh masuk ke tanah

persendirian tersebut. Ini bukan tanah rizab kerajaan. Tanah yang kami hendak buat seluas tiga ekar ini ialah tanah milik persendirian.

Satu hari sebelum perhimpunan tersebut polis telah masuk dan menangkap tuan tanah tersebut, dan markas PAS yang bersebelahan dengan tempat tersebut juga dikepong oleh pihak polis. *[Menyampuk]* Inilah dia betapa pemimpin-pemimpin UMNO tak berani hendak berhadapan dengan rakyat, asyik-asyiknya polis, asyik-asyiknya polis, sikit-sikit polis. Inilah dia politik budak-budak kecil di kampung, sikit-sikit 'mengacum'. *[Tepuk]*

Lalu kami meneruskan hasrat untuk berhimpun. Tetapi bila kami pergi sampai ke sekerat jalan di Lebuhraya Keras, kami telah disekat, *diroad-block* untuk tidak boleh keluar daripada lebuhraya. Pihak polis FRU menunggu kami dengan water cannon dan sebagainya. Road-block dibuat di sepanjang semua sudut perjalanan tersebut untuk masuk ke Kampung Kebun, lalu kami tidak boleh pergi, kami tidak boleh keluar. Kami mengadakan perhimpunan di jalan. Isu kononnya bahawa perhimpunan ini tidak ada permit, kononnya pembangkang mencabar undang-undang. Sedangkan kalau kami dibenarkan untuk berhimpun di Jalan Kebun tak timbul masalah kesesakan jalan raya. Sedangkan apa yang kami minta adalah hak kami. *[Tepuk]* Ini adalah hak rakyat, bukan seperti pemimpin UMNO, Ahli Parlimen UMNO Barisan Nasional, burung kakak tua. *[Tepuk]* Apa Perdana Menteri kata semua angguk, inilah 'pokka tua' *[Tepuk]*

Saya ada senarai urutan peristiwa, saya boleh serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak berkesempatan untuk menyebut secara.... Tiba-tiba selesai - kami hanya sekadar hendak berucap. Perhimpunan itu asalnya hanya sekadar untuk berucap, pimpinan BA Ketua Pembangkang akan berucap, Wakil Rakyat bagi Permatang Pauh akan berucap dan lain-lain pemimpin utama BA akan berucap. Itu sahaja, bukan kekacauan yang kami hendak lakukan. Kami hendak membacakan deklarasi rakyat untuk menuntut hak rakyat dikembalikan. Tiba-tiba bila selesai kami mengadakan perhimpunan di jalan raya, kami mengumumkan untuk menghantar wakil untuk berunding dengan pihak polis, saya salah seorang dipilih untuk berunding dengan pihak polis supaya membenarkan kami keluar daripada tol tersebut, tiba-tiba pada waktu itulah semburan air beracun daripada *water cannon* dihalakan

kepada kami, sedangkan Ahli Parlimen bagi Permatang Pauh dengan kerusi roda, beliau sakit kaki, kanak-kanak kecil, saya terkena gas pemedih mata, Ketua Pembangkang kena, Kuala Kedah kena rotan, kena sebat dengan pihak polis. *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Minta penjelasan. Hubungan saya dengan polis cukup baik untuk pengetahuan Pokok Sena dalam Parlimen atau di luar Parlimen. Tetapi hari itu saya disebat dengan rotan, kawan-kawan yang cuba melindungi saya disebat dengan begitu teruk, tak apa bagi saya. Wallahi, demi Allah satu perkara yang tidak boleh saya bertolak ansur wanita yang bertudung direntap tudungnya, ditendang, disepak ke dalam longkang. Apakah ini perbuatan polis Malaysia? *[Menyampuk]* Kalau ada special inquiry, saya sanggup menjadi saksi. Wallahi, keganasan yang cukup dahsyat pada wanita. *[Menyampuk]* Pada saya tidak apa, biarlah sedikit lebam di paha, itu saya tak kisah.....

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu:.....tetapi kepada wanita dilakukan itu apakah ini tidak zalim sikap ini? Untuk pengetahuan Pokok Sena, saya tak akan mengubah agenda, kita tidak akan menentang polis. Tetapi ini perbuatan pengecut pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. *[Sorak] [Tepuk]* Tunggu! waktu dan ketika kamu akan jatuh maruah kamu seperti..*[Disampuk] [Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Kedah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, inilah siri-siri kezaliman yang dilakukan oleh pihak polis yang kononnya menjadi alat untuk mempertahankan kuasa politik pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Kenapa kami dihalang sebegitu rupa, kenapa kami diperlakukan sedemikian rupa? Pemuda UMNO mengadakan perhimpunan yang agresif di Dewan Perhimpunan Cina, Selangor. Naib Ketua Pemuda UMNO memanjat pagar memberi amaran kepada pihak Dewan untuk membakar Dewan tersebut, kenapa pihak polis tidak mengambil sebarang tindakan? *[Menyampuk][Tepuk]* Saya katakan saya ada bukti FRU mengawal Pemuda-pemuda UMNO pada hari tersebut. *[Menyampuk]* Kenapa sekumpulan manusia kononnya

berlaku untuk mempertahankan hak istimewa orang-orang Melayu di Putrajaya, Perdana Menteri sendiri keluar memberikan ucapan dalam perhimpunan haram, kenapa FRU tidak mengambil tindakan kepada Perdana Menteri? *[Disampuk]*
[Tepuk]

Tuan Mohamad bin Sabu: Ada lagi soalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat, masa.

Tuan Mohamad bin Sabu: Satu soalan akhir. Saya berada di Jalan Kebun di dalam kampung. Untuk pengetahuan Pokok Sena, gas pemedih mata dilemparkan, ditembak di kawasan orang kampung. Saya merayu kepada pihak polis kanak-kanak sedang menangis, ada kanak-kanak pedih mata, tolong jangan lempar gas di dalam kampung.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucapkah?

Tuan Mohamad bin Sabu: Mereka terus menembak gas di kampung, apa pandangan tindakan polis melemparkan gas di kampung di mana anak-anak kecil ada di kampung itu. Saya sanggup menjadi saksi dalam inquiry, insya-Allah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Inilah dia perbuatan pihak polis. Pada saya, perbuatan pihak polis satu hal, tetapi perbuatan pemimpin-pemimpin UMNO yang mengarah menguatkuasakan undang-undang untuk menyekat kami daripada berhimpun, ini masalah yang menyebabkan pihak polis terpaksa bertindak. Menteri Besar Selangor, Dr. Mohd. Khir Toyo membuat kenyataan beberapa hari sebelum itu mengarahkan pihak polis supaya jangan membenarkan sebarang perhimpunan diadakan di Jalan Kebun. Ini ada bukti, disiarkan dalam akhbar dalam negara kita. Ini menunjukkan bahawa pihak polis menurut arahan daripada orang politik khususnya Menteri Besar daripada negeri Selangor. *[Disampuk]*

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut, gas yang digunakan daripada kelongsong yang saya jumpa, saya tak sempat bawa pada hari ini. Kelongsong yang saya jumpa ialah gas jenis 560CF dan 518 Riot-CF.

Seorang Ahli: Racun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya membuka surf dalam Internet yang berkaitan dengan perjuangan Intifadhah Palestine bahawa gas yang samalah yang

digunakan oleh polis Tentera Israel ke atas umat Islam di Palestin. *[Tepuk]* Apakah polis Malaysia di bawah arahan pemimpin UMNO dan Barisan Nasional sudah menjadi polis Israel? *[Tepuk]* Ini yang berlaku. Dan ianya dikilangkan di Amerika. Gas ini dikilangkan di Amerika. Mereka dizalimi, mereka ditendang, saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ada gambar untuk hendak menunjukkan bukti pada hari ini bagaimana peristiwa polis memukul seorang yang bernama Saidin, bekas pemandu kepada bekas Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin. Beliau dipukul, sedangkan beliau tidak mengapa-apakan pihak polis, beliau tidak membawa sebarang senjata, beliau dipukul. Sekarang tengok gambar ini. *[Sambil menunjukkan gambar-gambar]* Saya boleh serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua, *[Tepuk]* ini gambar dia hampir buta, 30% sahaja peluang untuk melihat sekarang. Betapa zalimnya Kerajaan Barisan Nasional.

Beberapa Ahli: Zalim!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sabar.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini gambar, sewaktu saya menziarahi dia di hospital pada tengah hari semalam. Beliau berada di hospital di Klang, di tingkat 8, wad 8B. Ini keadaan yang sangat memalukan, mengerikan. Ini yang berlaku. Kereta-kereta yang sedang diremukkan, pihak polis mencabul hak dan harta orang-orang awam yang berlaku di situ, menendang kereta, menendang motor dan sebagainya, termasuk juga apabila di dalam tahanan polis seorang wanita yang bernama Norhashimah mengaku di hadapan majistret sewaktu beliau hendak diremankan, beliau telah dibogelkan oleh pihak polis, disuruh ketuk ketampi dan sebagainya.

Ini yang berlaku, pemimpin-pemimpin UMNO boleh bersorak-sorai pada hari ini. Tetapi kamu sedarkah bahawa maruah seorang wanita dicabul. Maruah wanita dicabul, kamu pula seronok, kamu pula gembira, kamu pula ketawa. Inilah bacul pemimpin-pemimpin UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa ini bacul. 36(6) ini, mengeluarkan sangkaan jahat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ha, tidak ada, tidak ada. Tak sebut nama.

Seorang Ahli: Ha, jalan, jalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak ada sangkaan jahat, ini merupakan kenyataan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada peraturan. Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini 36 kata 'bacul', ini pemimpin Islamkah ini? Ini yang ditunjukkan sebagai etika Islamkah ini? Ha, cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam kenyataan kalau ada unsur sangkaan jahat, jangan keluarkan itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Okay, terima kasih. Saya tidak ada sangkaan jahat, cuma saya menunjukkan bukti di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini bahawa

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak tuju kepada sesiapa, umum. Saya tidak ada masa, okay. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi sangkaan jahat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Okay, saya tarik balik, memang bacul. Walaupun memang bacul betul, saya tarik balik tak apa, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan perkataan bacul walaupun sememangnya bacul. Baik saya tidak gunakan perkataan bacul, okay.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mana boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Okay. Saya hendak sebut akhirnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut bahawa dari sudut undang-undang pihak polis tidak ada hak untuk melakukan sedemikian rupa. Dalam Kanun Acara Jenayah Seksyen 8 – polis tidak ada

hak untuk melakukan sedemikian rupa, walaupun dalam keadaan-keadaan tertentu, pihak polis boleh melakukan untuk mempertahankan dirinya, dia boleh melakukan jika mereka yang berhimpun itu mengganas, tetapi perhimpunan pada hari tersebut bukan keganasan dilakukan oleh peserta perhimpunan, keganasan dilakukan oleh pihak polis. Seksyen 84 Kanun Acara Jenayah menyatakan bahawa pihak polis boleh menggunakan kekerasan, itu pun kekerasan yang munasabah, kalau peserta tersebut melakukan keganasan. Tetapi apakah keganasan munasabah ketuk-ketuk kepala, apakah gas yang disemburkan di muka Saidin ini, disemburkan kemudian ditutup bersama 41 orang dalam lokap, ditutup disemburkan kemudian ditutup dalam lori dan keganasan-keganasan yang lain.

Saya hendak sebut bahawa saya ada pita rakaman. Keganasan pihak polis, Rompin jangan minta kepada saya, saya akan serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan tayangan perdana untuk semua Ahli-ahli Parlimen, boleh kita buat. *[Tepuk]*

Ini bukti menunjukkan bagaimana himpunan daripada awalnya, himpunan yang aman dan akhirnya berakhir dengan keganasan yang dilakukan oleh pihak polis yang diarah oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional. Sebab itu, saya minta Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya satu siasatan terbuka terhadap pihak polis dan penglibatan pemimpin-pemimpin kerajaan dalam keganasan ke atas rakyat ini mesti dibentuk segera atas nama Parlimen Malaysia ini bagi mempertahankan dan mengembalikan hak rakyat dalam negara kita dan begitu juga penafian kepada peguam-peguam, tidak wajar ianya berlaku seperti mana yang telah berlaku seperti yang dilaporkan oleh para peguam dan Insya-Allah hujah saya ini akan disambung oleh dua rakan saya daripada Kepong dan juga daripada Kemaman.

Saya akan serahkan, saya minta Bentara untuk menyerahkan kepada Tuan Yang di-Pertua, sebagai bukti untuk saya serahkan kepada Dewan yang mulia ini. *[Menyerahkan video tape dan gambar-gambar kepada Tuan Yang di-Pertua]*

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

4.50 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Pokok Sena, kita perlukan satu siasatan yang menyeluruh ke atas peristiwa tersebut. Kita menyeru supaya Kerajaan Malaysia mengkaji semula segala undang-undang yang melarang perhimpunan secara aman, menghormati hak-hak rakyat untuk berhimpun secara aman yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya mengubah mentaliti polis yang terlalu cepat melatah menggunakan pemancar air, bom pemedih mata, belantan dan rotan terhadap orang-orang yang berkumpul secara aman.

Kita terus mengatakan bahawa rakyat Malaysia berhak berhimpun secara aman di dalam demokrasi berparlimen. Jika polis tidak membenarkan perhimpunan di Jalan Kebun, Klang, ia boleh mengizinkan di lain-lain tempat seperti di Stadium Shah Alam. Di dalam perhimpunan besar tersebut 116 orang telah ditahan termasuk ADUN Kampung Raja Terengganu. Menurut laporan ada yang tercedera, tetapi tidak dibawa ke hospital dengan segera, ada yang ditahan di dalam trak seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi, lima atau enam jam dan bom pemedih mata dilontarkan ke dalam keretanya.

Inilah masalah kerana rakyat hendak meluahkan perasaan, kerana rakyat sedang menghadapi banyak cabaran dan menyimpan ketidakpuasan di dalam hati. Mereka mestilah diizinkan untuk berhimpun secara aman bagi meluahkan perasaan ini dan membincangkan isu-isu semasa,

*Tumbuk dada di atas para
Adakah simpan di peti
Tepuk dada tanya selera
Apa maksud di dalam hati [Tepuk]*

Para penganjur perhimpunan tersebut telah berkali-kali meminta izin melalui permohonan polis tetapi polis tidak mengizinkan sama ada di Stadium Bukit Jalil ataupun di mana-mana tempat, kemudian polis menggunakan pelbagai undang-undang termasuk Akta Polis untuk menyurai dan menahan orang-orang yang berada di situ dan ini semua perlu disiasat. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh dengan sendiri mengambil kesempatan untuk menyiasat semua kerana saya percaya Yang Berhormat itu orang yang adil dan jangan kita hendak menahankan

polis dengan semata-mata kemudian akan mengeluarkan alasan-alasan, kadangkala alasan itu tidak begitu berasas.

Pertama, SUHAKAM mestilah membuat siasatan menyeluruh terhadap peristiwa tersebut untuk mengetahui setakat mana hak-hak asasi telah dicabuli. Setakat ini saya rasa kesal kerana SUHAKAM telah berdiam diri, seolah-olah peristiwa ini tidak berlaku.

Kedua, polis lekas melatah, menggunakan pemancar air, bom pemedih mata dan belantan serta rotan (*trigger happy mentality*).

Tuan Yang di-Pertua, kekerasan atau *brutality* atau *vandalism* polis ke atas kereta adalah ketara. Kita membantah dengan sekeras-kerasnya tentang mentaliti *trigger happy* dan kita tidak mahu mentaliti *trigger happy* ini termaktub di dalam perkhidmatan polis. Jangan kita adakan sikap dan mentaliti seumpama ini.

Ketiga, yang tercedera haruslah dikejarkan ke hospital dengan serta merta, secocok dengan masyarakat penyayang yang dilaung-laungkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan bulan lepas.

Keempat, kita patut mengkaji semula segala akta yang melarangkan perhimpunan secara aman termasuk Akta Polis dan seterusnya memindahkannya segala-galanya untuk membenarkan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, membenarkan rakyat berhimpun secara aman.

Kelima, kita mestilah menghalalkan di sisi undang-undang perhimpunan secara aman sebagai hak-hak asasi rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman.

4.55 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Saya bangun hari ini untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Tuan Yang di-Pertua, di dalam Fasal 10 Perlembagaan Persekutuan, rakyat dijamin hak mereka untuk mengadakan perhimpunan secara aman. Di bawah pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Bangsa-Bangsa Bersatu 1948, rakyat mesti diberi hak mengadakan perhimpunan secara aman, bersuara dan berpersatuan. Amalan demokrasi tidak lengkap tanpa hak mengadakan perhimpunan secara aman.

Tuan Yang di-Pertua, pada 6 September, satu permohonan telah dibuat untuk mengadakan perhimpunan di Bukit Jalil tetapi telah ditolak dalam masa 15 minit. Pada 20 September, satu lagi permohonan telah dibuat tetapi juga telah ditolak lima hari kemudiannya. Oleh kerana tempat awam yang mempunyai segala kemudahan agar perhimpunan ini berjalan secara teratur, lancar dan aman tanpa diganggu-gugat oleh mana-mana anasir yang tidak diingini ditolak maka keputusan dibuat untuk mengadakan di sebuah kawasan persendirian di Jalan Kebun, Shah Alam. Tempat ini jauh dari tempat-tempat awam dan sudah banyak perhimpunan dan ceramah telah diadakan di sini sebelum ini. Tidak ada satu peristiwa keganasan pun berlaku sebelum ini. Yang ada mungkin titisan darah dari gigitan nyamuk dan pacat sahaja [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, pada 3 November, polis Shah Alam telah diberitahu agar perhimpunan aman akan diadakan pada 5 November agar polis dapat memberi kerjasama memastikan perhimpunan ini berjalan dengan lancar dan aman. Segala keperluan, peraturan dan undang-undang telah dipenuhi supaya kami tidak dipersalahkan melanggar undang-undang dalam menuntut hak kami untuk berhimpun secara aman.

Tuan Yang di-Pertua, pada 4 November 2000, harapan kami untuk mendapat kerjasama dari polis rupa-rupanya menjadi pencabulan oleh polis di mana tuan rumah bersama lima orang yang lain ditangkap di anjung rumahnya sendiri, belum pun perhimpunan bermula. Semasa mereka ditangkap, tidak ada perhimpunan berlangsung dan pada ketika itu gerai-gerai orang kampung, peralatan pembesar suara, khemah-khemah persendirian dicerobohi oleh pihak polis. Atas peruntukan kuasa apa yang mereka melakukan perkara sedemikian.

Perlu diingatkan bahawa beberapa peruntukan dalam Akta Polis bercanggah dengan Perlembagaan Negara yang memberi jaminan hak mengadakan perhimpunan secara aman. Kebanyakan peruntukan-peruntukan ini diluluskan semasa negara berada dalam keadaan darurat. Saya ingin bertanya di dalam Dewan yang mulia ini, apakah negara kita berada dalam keadaan darurat? Sekiranya tidak, mengapa peruntukan yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan digunakan untuk mencabuli hak asasi rakyat.

Negara-negara Asia Timur yang lain seperti Taiwan, Korea Selatan dan Indonesia memberi kebebasan kepada rakyat mereka mengadakan perhimpunan secara aman. Mereka tidak perlu mendapat permit polis seperti mana yang dikehendaki di dalam negara kita malah Singapura pun menyediakan satu kawasan *speaker corner* untuk berhimpun dan bersuara. Mengapa kerajaan tidak bersedia melakukan perkara sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, pada 5 November polis menyekat semua laluan menghala ke Jalan Kebun, Shah Alam akibatnya berlaku kesesakan lalu lintas di Lebuhraya KESAS dan Lebuhraya Persekutuan. Tindakan polis menyekat lalu lintas ini menyebabkan orang ramai tergendala dalam urusan mereka. Siapa yang menyebabkan kesusahan kepada rakyat? Mengapa polis dengan sewenang-wenangnya boleh menghalang kemudahan awam digunakan oleh rakyat. Satu pasukan perunding dihantar untuk membenarkan rakyat menggunakan Jalan Raya KESAS tetapi dienggan oleh polis maka berlakulah perhimpunan di Jalan Raya KESAS. Siapa yang bersalah yang menyebabkan kesesakan ini?

Tuan Yang di-Pertua, apabila perhimpunan di jalan raya bersurai, polis bertindak ganas dengan melepaskan tembakan air asid, gas pemedih mata dan menangkap beberapa orang di dalam perhimpunan tersebut. Mengapa polis boleh bertindak demikian? Apabila perhimpunan bersurai secara aman, polis pula bertindak ganas dengan melepaskan gas pemedih mata, air asid dan menangkap mereka yang bersurai.

Tuan Yang di-Pertua, banyak peristiwa yang telah diceritakan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tetapi yang selalunya alasan diberikan bahawa perhimpunan-perhimpunan seperti ini didalangi oleh penjajah-penjajah asing yang mahu menjajah negara kita dan melihat negara kita porak-peranda.

Perlu diingatkan bahawa Cocosco, bekas Presiden Romania yang zalim dahulu memberi alasan yang sama apabila rakyat bangkit menentang kezaliman beliau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tinggal satu minit sahaja.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Slobodan Milosevic, Presiden Serbia yang zalim itu pun memberi alasan yang sama bahawa pembangkang dan rakyat

dipengaruhi oleh penjajah asing apabila mereka bangkit menentang kezaliman yang berlaku dalam negara mereka begitu juga dengan beberapa diktator yang lain seperti Marcos, Pak Chung Hee dan sebagainya menggunakan alasan yang sama. Apakah yang berlaku dalam negara kita pun mempunyai persamaan dengan apa yang berlaku terhadap diktator-diktator tersebut? Jika demikian, saya seru kepada pihak polis supaya menghentikan tindakan ganas terhadap rakyat yang menentang kezaliman yang berlaku dalam negara kita dan bersama-sama rakyat mendukung keadilan dan menentang kezaliman. Tindakan sedemikian adalah satu tindakan yang paling mulia untuk polis.

Dengan ini saya menyokong Usul yang dibawa oleh wakil Pokok Sena. Terima kasih [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Shah Alam, sila Shah Alam

5.00 ptg.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham lah kenapa Pokok Sena dan Kuala Kedah ini terjerit-jerit emosional ini agak pemimpin pujaan dia Algore sudah 'menapuci' dengan izin, [*Tepuk*]

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Bangun*] [*Menyampuk*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Duduklah, bagilah I cakap *This now my turn*, ha, duduklah Apa yang hendak emosional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Kedah...Yang Berhormat.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ikutlah undang-undang, saya hendak bercakap lah ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Menyampuk*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *Sit down*lah, *please sit down*..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jalan, teruskan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *Now is my platform, sit down.* Alah, takkan boleh gurau, kalau hendak *frust* pun janganlah, duduklah. Jangan habiskan masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dan bangkit di dalam Dewan ini kerana saya dalam pemikiran saya bahawa Usul yang dibawa oleh Pokok Sena ini sepatutnya jangan kita buang masa bincang dalam Dewan ini. Kita dalam peringkat.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Menyampuk*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *This is my personal opinion, okay,* dengan izin, kerana saya mengatakan bahawa Usul yang dibawa ini langsung tidak ada *locus standi* untuk dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini. [*Sorak*] Sebabnya Pokok Sena membuat satu pembohongan dalam Dewan. Saya cakap bohong...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bohong, duduk, saya hendak cakap, saya kata bohong, duduk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kerana Pokok Sena bercakap seolah-olah dalam Dewan ini macam rapat umum. Ini Dewan yang mulia. Pokok Sena bercakap Perlembagaan Persekutuan....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Siapa kata bohong?.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya baca, dengan izin, Fasal 10, bercakap tentang hak asasi, sebenarnya Pokok Sena baca separuh sahaja daripada hak asasi....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ha, saya baca ini, dengar ini, Fasal 10 Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada peraturan mesyuarat...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Peraturan Mesyuarat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Satu kenyataan bohong kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: 36(6) dan 36(4), satu sangat jahat. Saya tidak berbohong, saya membawa dengan bukti....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sabar Yang Berhormat...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bukti, ini bukti, gambar yang menunjukkan bagaimana kezaliman yang berlaku kepada seorang yang bernama Saidin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tunggu saya....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dan juga ramai lagi mereka yang telah dizalimi ...

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, serah kepada saya untuk buat keputusan....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini video, ini bukan bohong *[Sambil melemparkan buku]*

Beberapa Ahli: Hei.....

[Dewan riuh]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini hak rakyat, ini bukan bohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini bukan fitnah, ini soal maruah manusia. Saya hendak sebut kepada Tuan Yang di-Pertua, ini soal nyawa manusia....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Hidup mati, masa depan mereka, ini bukan soal bohong.

Tuan Mohamad bin Sabu: Apa ini, tunggulah esok...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini bukan soal bohong, ini soal nyawa manusia, anak-anak mereka, bagaimana.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya minta

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini bukan bohong, ini kenyataan, saya minta tarik balik

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena, sila duduk, Shah Alam duduk, dua-dua duduk, Yang Berhormat, ini Dewan.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tahu ini Dewan yang mulia, bukan tempat berbohong. Saya tidak seperti orang lain, bukan seperti Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk.

Tadi bagi pihak pembangkang sudah diberi peluang untuk berucap, jadi tunggulah sampai ucapan dihabiskan oleh pihak kerajaan. Peraturan saya sudah cakap apa dia, dia kata, satu, ucapan pembohongan, dia tidak sebut, siapa yang bohong.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ucapan dituju kepada ucapan saya. Dia ada sebut ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jadi sekarang, saya minta Yang Berhormat, bila kita berucap, jaga perkataan yang akan digunakan. Teruskan ucapan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okay Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya minta dia tarik balik Datuk.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak apalah, Pokok Sena duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya cakap Pokok Sena membuat pembohongan fakta dalam Dewan yang mulia ini....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya cabar ditayang di Dewan yang mulia ini....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *No, no, no....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Duduk, duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya cabar, Ayuh, kita cabar, kita melihat bersama bagaimana kezaliman yang dilakukan oleh pihak polis....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat bagi Pokok Sena hanya baca separuh sahaja daripada Perlembagaan. Saya hendak baca seluruh Perlembagaan supaya Yang Berhormat Pokok Sena faham.

Beberapa Ahli: Dengar, dengar.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang pertama, kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan tertakluk kepada Perkara 10,

- (1)*Fasal (2), (3) dan (4), dan 'Akta A30';*
 - (a) *tiap-tiap warganegara bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran;*
 - (b) *semua warganegara adalah berhak berhimpun secara aman dengan tidak bersenjata ;*
 - (c) *semua warganegara adalah berhak menubuhkan persatuan.*

Perkara yang kedua, ini dia sambungannya,

- (2) *Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan;*
 - (a) *ke atas hak-hak yang diberi oleh Perenggan (a) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapati perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan*

persekutuan atau mana-mana bahagiannya... [Tepuk]...perhubungan persahabatan dengan negeri-negeri lain, ketenteraman awam, untuk melindungi keistimewaan-keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri atau untuk mengelakkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah atau perbuatan mengapi-api supaya dilakukan sesuatu kesalahan; [Tepuk]

- (b) *ke atas hak yang diberi oleh Perenggan (b) Fasal (1). Apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam;*
- (c) *Ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal 1, apa-apa sekatan yang didapati perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagian ketenteraman awam dan akhlak.*

Ini termaktub dalam Perlembagaan. [Disampuk] Jangan baca setengah ya. [Tepuk] Sebab saya hendak beritahu bahawasanya tentulah polis mempunyai segala bukti, segala penyelidikan yang dibuat untuk menyekat dan untuk menentukan supaya Perlembagaan Persekutuan ini dapat dipertahankan. The voice of majority.

Tuan Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: No, no duduk, I punya turn, saya tidak izinkan, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Duduk

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tidak ganggu, saya tidak izinkan.

Seorang Ahli: Karang lebam muka.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Dia tuduh polis mendengar, jadi cucuk hidung Barisan Nasional. Saya rasa bahawa semua polis menjalankan tanggungjawab hendak menjaga apa? Hendak mempertahankan Perlembagaan Persekutuan [Tepuk]

This is the fundamental, dengan izin. Itu saya cakap Yang Berhormat bagi Pokok Sena tidak cakap benar. He only read part of the Constitution. Blatant disregard of the law.

Beberapa Ahli: Ya. *[Tepuk]*

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Dengan izin. Silakan

[Keadaan Dewan riuh rendah]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kenapa tidak baca dalam Kanun Acara Jenayah..... *[Keadaan Dewan riuh rendah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat Ketua Pembangkang tolonglah buat arahan supaya anak buah Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengikut peraturan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan, saya minta pandangan kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam. Tadi Yang Berhormat bagi Shah Alam katakan polis kita menjaga keselamatan negara.....

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:menjaga keselamatan awam, membela hak rakyat Malaysia dari segi Perlembagaan. *[Disampuk]* Polis Malaysia bukan polis Yahudi.

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang menuduh polis kita zalim macam polis Yahudi berapa orang telah ditembak mati ini? Yang sebenarnya polis juga menjaga keselamatan sebelah sana.

Beberapa Ahli: Betul, betul.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Menjaga keselamatan semua. Bahawa tidak benar satu tuduhan yang zalim, mengatakan polis Malaysia polis serupa Yahudi. *[Tepuk]*

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jelaskan tadi pihak keselamatan dia bukan bertanggungjawab kepada pemimpin Barisan nasional, dia bertanggungjawab kepada Perlembagaan Persekutuan. Dia ada custodian of this Constitution, semua yang dalam Dewan ini sepatutnya menghormati Constitution. Kalau kata dalam Constitution bahawa perhimpunan haram itu akan memudaratkan keselamatan negara, dia harus dicegah. *[Tepuk]* Kerana kita baru sahaja.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]* Janganlah ...*[Pembesaran suara dimatikan]*

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Duduklah Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Inilah dia sikap pemimpin barisan, sikap pemimpin PAS yang hanya.....

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]* Kenapa tidak ambil tindakan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat semua sila duduk. Yang Berhormat

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]* Ini saya katakan bahawa tindakan double standard mengikut arahan daripada.....

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Mengikut fakta dan maklumat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, 30.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Perhimpunan Cina.....

Seorang Ahli: Bubuhlah.

Seorang Ahli: Minta dia keluarlah.

Seorang Ahli: Nantilah kejap.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta kita buat ruling

Seorang Ahli: Hantar keluarlah.

[Keadaan Dewan riuh rendah]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup, cukup, cukup.

[Keadaan Dewan riuh rendah]

Seorang Ahli: Kita buat ruling.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, saya akan buat ruling. Ahli-ahli Yang Berhormat

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila Ahli Yang Berhormat berucap sila jangan ganggu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tadi pun dia orang ganggu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan ganggu.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kerusi sini berucap memberi teguran, sila menghormati Speaker.

Seorang Ahli: Hai diam, respectlah..

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumkan oleh pihak pembangkang tadi mereka mengaku bahawa perjumpaan ini tidak ada permit. Justeru kerana itu perjumpaan ini adalah perjumpaan haram. *[Tepuk]*. Saya cadangkan supaya pemimpin-pemimpin yang terlibat ini Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah....

Tuan Mohamad bin Sabu: Tangkap!

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Ha, tangkap....

Tuan Mohamad bin Sabu: Tangkaplah! *[Menjerit]*

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Saman, kerana apa kerana you guy blatant disregard of the law, tak layak duduk dalam Dewan yang mulia ini.

Seorang Ahli: Out.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ingat kami takut!

[Keadaan Dewan riuh rendah] [Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun] [Menyampuk]*

[Keadaan Dewan riuh rendah] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun] [Menyampuk]*

[Keadaan Dewan riuh rendah] [Pembesar suara dimatikan]

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya beri laluan kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Tuan Mohamad bin Sabu: Hei, ingat kami takutkah!

Seorang Ahli: Siapa cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Dewan, bukan padang bola sepak.

Seorang Ahli: Cakap sahaja lebih, anjing lepas..

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]* Ini bukan tempat untuk kita mengugut.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, tadi kata hendak mematuhi peraturan, cakap tidak serupa bikin.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...Saya cabar, silakanlah.

[Keadaan Dewan riuh rendah] [Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.....

Seorang Ahli: Hoi, hendak lebam lagikah?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukan negara polis, Malaysia juga bukan negara Gestapo. Perhimpunan yang dilakukan oleh pihak pembangkang Barisan Alternatif, barisan haram, pada 5hb. adalah perhimpunan haram. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Seksyen 27(2) Akta Polis mengatakan bahawa mana-mana pihak yang mahu mewujudkan perjumpaan, pertemuan, perarakan di tempat awam mesti mendapat kebenaran daripada pihak polis.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pemuda Umno....

[Pembesar suara tidak dibuka] [Keadaan Dewan riuh rendah]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa apa yang dibawa oleh pihak PAS hari ini adalah satu siri antologi fitnah oleh pihak PAS....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini bukti, bukan fitnah. [*Sambil menunjukkan sebuah buku*]

[*Pembesar suara tidak dibuka*] [*Keadaan Dewan riuh rendah*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Pencipta antologi fitnah ini iaitu saudara Ketua Pemuda PAS merangkap Ahli Parlimen bagi Pokok Sena, memang terkenal sebagai seorang yang mempunyai karakter yang sering melanggar norma-norma yang positif di dalam Dewan. [*Tepuk*] Contoh yang nyata, baru hendak mula angkat sumpah tahun lalu sudah mula bergendang dalam Dewan. [*Tepuk*]

Seorang Ahli: Betul.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Waktu Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 2001 beliau adalah seorang yang bertindak negatif di dalam Dewan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat peraturan dari Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: 36(6), seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain.

[*Keadaan Dewan riuh rendah*]

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Mengatakan kepada Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Beliau mengatakan karakter yang jahat kepada Ahli Parlimen Pokok Sena sebentar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat diingatkan dan terus berucap.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya terus berucap, saya tidak kata dia jahat, saya kata negatif. Itu perkataan yang tidak unparliamentary .

Seorang Ahli: Continue sahaja.

[*Keadaan Dewan riuh rendah*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Berdasarkan jati diri negatif ini tergamak pula Yang Berhormat bagi Pokok Sena membawa usul mengatakan perilaku beliau dan kumpulannya termasuk kumpulan KeADILan dan PAS dan DAP sebagai perhimpunan aman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sebut dia karakter apa?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Karakter jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Karakter jahat, dia kata karakter jahat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak kata 'jahat', saya kata 'negatif'.
[Keadaan Dewan riuh rendah] Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat diminta perkataan jahat itu.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau telinga dia tersumbat, saya tarik balik perkataan 'jahat'. *[Disampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ha, cermat sikit. Saya bukan jahat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah PAS dan inilah pembangkang dalam negara kita. Bukan sahaja pemimpin PAS sering menipu diri sendiri menerusi perspektif yang songsang, malahan tergamak PAS dan pembangkang mahu menipu rakyat Malaysia yang waras dengan mengatakan bahawa perhimpunan di Jalan Kebun pada 5 November adalah perhimpunan aman.

Seorang Ahli: Memang

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Perhimpunan PAS itu adalah perhimpunan haram dan parti Barisan Alternatif adalah barisan haram. Rakyat Malaysia jangan ditipu, Barisan Alternatif adalah haram, tidak didaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Ini hakikatnya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit, sedikit sahaja penjelasan. Yang Berhormat Parit Sulong kata Barisan Alternatif, saya tidak nampak alternatif tetapi saya rasa 'Barisan Cacamarba'. *[Ketawa]* Adil lain, DAP lain, PAS lain, bukan Barisan Alternatif, tetapi Barisan Cacamarba. *[Tepuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Memang betul. [*Keadaan Dewan riuh rendah*] Sekali lagi inilah perilaku PAS dan inilah perilaku pembangkang. Undang-undang negara sering dilanggar secara semberono. Keluhuran undang-undang diperkotak-katikkan. Inilah corak dan perilaku PAS yang sering mendakwa kumpulannya lebih Islam daripada orang UMNO. [*Tepuk*] Inilah corak dan perilaku PAS yang sering menggunakan Quran dan Hadis untuk menyokong hujah-hujah politiknya.

Seorang Ahli: Perlembagaan songsang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, 36(6) ini saya minta Kuala Kedah tolonglah jangan guna perkataan 'membunuh'. Apa ini Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta Ketua Pembangkang tolong nasihat janganlah mengguna perkataan 'bunuh'. Tidak malukah kita sebagai pemimpin memberi satu contoh yang baik di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta point of order 36(6) janganlah mengguna perkataan yang tidak baik. Kata kita pemimpin Islam, kita ikut cara Islam. Apa ini kata 'bunuh' ini? [*Dewan riuh*] [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Bangun*] [*Pembesar suara dimatikan*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Bangun*] [*Pembesar suara dimatikan*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta ruling.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Shahziman bin Abu Mansor: [*Menyampuk*]

[*Pembesar suara dimatikan*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamad bin Sabu: Ingat takutkah? [*Pembesar suara dimatikan*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Inikah bentuk pemimpin PAS yang bernafsu besar untuk memerintah dan mewujudkan kekuasaan Islam di dalam negara ini?

Seorang Ahli: *No respect of law*lah...

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Seorang Ahli: Tunggulah election.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Dua minggu yang lalu Tuan Yang di-Pertua, PAS dalam Dewan ini berbuih-buih mulut memperjuangkan kononnya biar elaun polis dinaikkan. Hari ini dia menuduh polis sebagai *licensed terrorist*. Inilah dia PAS!

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Inilah dia menuduh polis sebagai *licensed terrorist*. Inilah PAS yang tidak consistent sepanjang zaman.

Seorang Ahli: Alah.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Cakap tidak serupa bikin. Saya tahu Ketua Pembangkang hadir dalam majlis yang haram itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, memang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tahu Pengerusi DAP hadir.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu hak kami. Itu hak rakyat. Apa masalah?*[Dewan riuh]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Inilah dia budaya samseng yang dibawa oleh PAS.

[Yang Berhormat bagi Tampin bangun dan mengangkat-angkat tangan menunjuk ke arah luar Dewan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Seorang Ahli: Hei Man, Man..Man duduk Man.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena.

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: Pokok Sena relekslah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ...

[Semua ahli pembangkang bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat semua, sabar Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sila, sila, sila. *[Mengajak penyokong kerajaan keluar]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila semua duduk. Semua duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bangkit. Sila bangkit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Ini Dewan. Ini Dewan. Semua Ahli Yang Berhormat

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jangan hendak kurang ajar. Jangan hendak cabar hendak bertumbuk, saya hendak berhujah. *[Dewan riuh].*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]* Saya tidak jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena tolonglah bertenang. Ini kena hormati.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kami mempertahankan hak rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Kami bukan mempertahankan hak pemimpin UMNO. Ini hak rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak pertahankan hak rakyat juga kena mematuhi undang-undang, peraturan mesyuarat, peraturan Dewan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Siapa cabar saya untuk bertumbuk? Saya bersedia untuk bertumbuk bila-bila masa, boleh! Di simpang mana, jalan mana saya boleh tunggu.

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya bukan datang untuk bertumbuk, saya datang untuk berhujah.

Seorang Ahli: Gangsterkah?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah corak orang yang hendak memerintah kerajaan. Lingkup kerajaan kalau dia perintah!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: UMNO lagi lingkup!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Dan dengan itu saya minta rakyat jangan dikelirukan oleh pihak ini. Dan dengan ini saya membangkang usul ini. Terima kasih.

[Dewa riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Dewan riuh]*

5.26 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Pokok Sena yang mengemukakan usul ini dan terima kasih kepada semua yang bercakap. Cuma saya tidak hendak berterima kasih bila bertengkar. *[Ketawa]* Saya berpendapat Dewan ini adalah Dewan yang mulia dan ahli-ahli pembangkang juga bagi pihak kerajaan menganggap mereka adalah ahli-ahli ilmunan yang mulia. Kita tidak memandang rendah pihak pembangkang. Dengan itulah apabila Tuan Speaker mencadangkan supaya usul ini diberi peluang untuk dibahaskan walaupun beliau meminta maaf dan beliau meminta supaya esok akan dibahaskan, Pokok Sena mendesak supaya usul ini diberi. Sepatutnya kita sangat berterima kasih kepada Tuan Speaker dan kita tidak bertengkar macam ini dalam Dewan kerana semua rakyat dalam negeri dan orang luar negeri akan melihat kelakuan kita seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang menjadikan usul ini mustahak sangat dan perlu dipercepatkan kerana perhimpunan tanpa izin ini telah pun berlaku dan ramai orang mengetahui tiada sambutan yang banyak daripada orang ramai. *[Tepuk]* Reuters mengatakan lebih kurang 1,000 dan ada orang mengatakan 3,000. Rancangan untuk mengadakan 100,000 itu tidak berlaku. Walau bagaimanapun

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menunjukkan sekeping gambar dari keratan akhbar]* Takkan seribu, Datuk.

Seorang Ahli: Bagi peluanglah jawab.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak apalah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Hendak habaq Datuk, bukan seribu.

Seorang Ahli: Tolonglah bagi peluang jawab.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak apalah. Perhimpunan yang tanpa izin ini yang kononnya mencari contoh dan cara yang lebih aman bertukar menjadi degil, angkuh dan sombong. Pembawa usul jangan mengatakan bahawa kerajaan tidak pernah memberi atau pun membiarkan perhimpunan yang aman kerana pembawa usul juga mengatakan ada perhimpunan lebih daripada 100,000 di Sungai Petani berlaku dalam negara ini.

Maka dengan itu Kerajaan Barisan tidak pernah menjalankan kuasa yang berlebihan dan polis pun tidak menjalankan kuasa yang berlebihan. [*Tepuk*] Janganlah bila ada satu peristiwa dan sudah dapat kemudahan mengadakan perhimpunan yang aman di Sungai Petani, perhimpunan di tempat lain disekatkan oleh polis kita mengatakan polis ini bertindak sebagai polis Nazi, polis Yahudi dan berbagai-bagai lagi. Tidakkah sayang di antara anggota-anggota polis ini adalah terdiri daripada orang-orang Islam dan kita menuduh mereka sebagai Yahudi maka mereka tidak menjadi keluarga Islam kepada kita. Saya sangat berharap bahawa para pemimpin PAS ataupun pemimpin mana lagi pun jangan melabelkan terutama sekali orang-orang Islam atas tindakan yang dilakukannya maka dia tidak Islam.

Perhimpunan ini dirancang dan akan disertai oleh parti-parti politik dan NGO dan sebagainya. Rancangan ini disuarakan melalui perhimpunan-perhimpunan dan ceramah-ceramah politik yang ada. Ini kita tahu perkara ini berjalan. Dan melalui *flyers* dan Internet-internet yang disebar di seluruh negara, ada lagi perhimpunan yang dirancang seperti juga *The Black 14* dulu. Pada 14 Oktober diadakan satu perhimpunan di Markas ABIM di Kajang. 15 Oktober diadakan di Johor. 21 Oktober diadakan di Negeri Sembilan. 24 Oktober diadakan di Perlis dan akhirnya 14 November dijalankan di Jalan Kebun, Markas Parti KeADILan di Malaysia. Hari kemuncak adalah 5 November 2000 di antara Tol Awan Besar dan Tol Bukit Kemuning.

Tuan Yang di-Pertua, kalau polis menyekat di kawasan ini tetapi akhirnya mereka berhimpun di Taman Melewar pada malam yang berkenaan, lebih 2,000 orang yang hadir di Taman Melewar. Mana polis Nazi dan Yahudi menyekat perhimpunan

di Taman Melewar ini? *[Tepuk]* Kalau kita hendak buat perhimpunan ini untuk menerangkan kepada rakyat, membangkitkan hati rakyat, memberangsangkan rakyat dan meminta kebenaran dan kemewahan, kemudahan rakyat.

Saya baru mendengar ucapan daripada Yang Berhormat bagi Dungun yang juga menjadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu, menyeru dalam Dewan ini kita mesti menerima keputusan pilihan raya dan mesti dia menghormati kerana itu satu keputusan. Apakah dengan keputusan yang telah diseru oleh Yang Amat Berhormat Negeri Terengganu ini tidak mahu diterima oleh wakil-wakil PAS ataupun ADIL ataupun DAP dalam Dewan ini? *[Tepuk]* Kerana ini merupakan satu seruan yang baik dan kita terima satu keputusan ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya tidak mengganggu Yang Berhormat bercakap dan saya harap Yang Berhormat jangan ganggu saya kerana saya hendak jawab ini Yang Berhormat. Kerana Yang Berhormat bercakap tadi garang, ajak orang bertumbuk apa semua. Saya tidak suka ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang ajak sana.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang ajak sana kira sana, sini tidak ada.

[Ketawa]

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya tidak berani bertumbuk.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Jangan. Jangan cabar kerajaan, jangan cabar polis.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita mencari jalan yang baik. Saya hanya membangkitkan peringatan supaya apa yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu ini diresapi dalam jiwa dan sanubari kita. *[Tepuk]* Bahawa kita mesti menghormati keputusan ini dan rakyat telah membuat keputusan ini. Apakah mesti kita gembar-gemburkan pandangan rakyat untuk membangkitkan satu pandangan, satu pendirian yang lain daripada apa yang dirancangan?

Peristiwa 14 April dulu, *The Black 14*, juga polis terpaksa menyekat kerana polis telah melihat bahawa keadaan-keadaan yang tidak baik berlaku. Dan peristiwa 5hb. ini juga polis telah mengetahui daripada saranan yang telah dikemukakan. Dan polis berharap bahawa keadaan aman juga akan berlaku. Dengan itu apabila ada perhimpunan di Jalan Kebun lebih kurang 500 orang polis tidak mengganggu tetapi polis minta lebih awal supaya yang berhimpun ini bersurai. Bersurai, bersurai. Kalau tidak bersurai kami akan mengambil tindakan. Tetapi mereka mencabar polis.

Tuan Mohamad bin Sabu: ...kami bersurai. Saya berjalan elok.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya tidak tanya. Apa pasal bangun bercakap ini? Saya menerangkan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dato' buat kenyataan yang tidak kena.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya menerangkan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya tidak jahat. Saya bersurai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat memberikan laluan?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya tidak benar kan

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Bangun*][*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kedua-dua sila duduk. Yang Berhormat Kemaman, Kuala Kedah sila duduk.

[*Dewan riuh*]

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Apabila keadaan yang diminta oleh polis ini tidak dijalankan, bahkan mereka memaki-hamun polis. Mereka mengatakan polis anjing, polis syaitan, polis wakil kerajaan, polis zalim, padahal polis belum bertindak apa-apa. Tetapi apabila mereka disuruh bersurai, mereka tidak bersurai, baru polis bergerak untuk menyuraikan mereka. Dan ada di antara mereka yang telah berlawan dengan polis. Masalah hendak menentukan bahawa kalau ada di antara mereka yang bercanggah, yang menentang, yang menangkis, yang menahan polis ini – polis menjalankan tindakan mengikut undang-undang yang ada yang telah diluluskan dalam Dewan ini. [*Tepuk*]

Tuan Mohamad bin Sabu: Ada peserta yang minta ampun pun dipukul.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang itu minta ampun setelah tidak boleh hendak lari.

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkan dia bercakap. Saya hendak terangkan ini. Tadi dia sudah terangkan, saya dengar. Saya tidak menyampuk sepatih pun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Seksyen 84, Kanun Acara Jenayah...

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Polis tidak berhak untuk melakukan kecuali... *[Disampuk]* Dan ia mesti dilakukan hanya kekerasan yang munasabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ketuk kepala....

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya baca Seksyen 27.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sembur gas di mata ini, Dato'.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya baca Seksyen 27(5) di mana di *unlawful assembly*, kalau tidak ada kebenaran, polis akan bertindak dan kita telah memaklumkan kepada polis supaya jangan bertindak ganas mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dua minit lagi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ha, lantaklah dua minit pun.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini kita ketahui bahawa polis tidak bertindak ganas seperti yang telah disarankan dan saya pun ketahui kalau ada di antara wanita-wanita ini yang telah ditelanjangkan. Saya pun hairan bagaimana Yang Berhormat bagi Kuala Kedah boleh tengok wanita telanjang dalam balai polis ini. *[Sorak] [Tepuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya tidak tanya. Saya hairan sahaja.

Tuan Mohamad bin Sabu: Jangan cakap macam itu. Itu bohong.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya lah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Dato' bohong dalam Dewan!.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jangan bohong dalam Dewan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Apa saya bohong? Saya hairan macam mana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: ...Yang Berhormat bagi Kuala Kedah boleh tengok orang telanjang dalam balai polis. *[Disampuk]* Kalau ada pun, ada lah. Tetapi saya hairan, saya kata.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat Dato' *[Menunjuk kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena]* Bukan saya kata.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tadi you kata.

[Dewan riuh]

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: Bohong!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, mereka telah memaklumkan.....

Tuan Mohamad bin Sabu: Dato' bohong. Jangan bohong Dato', tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya kata wanita ditarik tudung, ditendang depan saya, bukan hak dalam lokap.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Siapa kata?

Tuan Mohamad bin Sabu: Pokok Sena kata.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya kata, Pokok Sena.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Maknanya Pokok Sena kata.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Apa ini?

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini saya mendengar bahawa Yang Berhormat bagi Pokok Sena yang membawa usul ini mengatakan bahawa tindakan ataupun peguam telah mengambil kes ini. Apa kita

Seorang Ahli: Kita tunggu laporan daripada *Bar Counsel, Legal Act Center...*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: *What ever it is...*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:menjalankan tanggungjawab untuk memberikan pembelaan kepada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Apa pun pembelaan yang akan diambil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa tinggal satu minit.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tinggal satu minit lagi. Apa pun pembelaan yang akan diambil, kita serahkan kepada pembelaan yang akan dibuat oleh mereka.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Masalah atas mereka.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dalam perkara ini, kita telah menyarankan bahawa kita tidak membenarkan perkara ini berlaku. Tetapi mereka mestilah menyaksikan dengan benar, jangan membawa perkara-perkara dan cerita ini yang berleluasa dalam Dewan seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa, masa.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita boleh menerima apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak yang terkena ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, dengan saranan ini dan kenyataan-kenyataan ini, saya berharap bahawa Ahli-ahli dari Parti Pembangkang, khususnya pembawa Usul, jangan berasa kecewa dengan keadaan perhimpunan yang tidak berjaya ini ataupun lebih kecewa lagi apabila calon Presiden Amerika kalah.

[Ketawa] Dalam perkara ini, kita tolak usul ini, Tuan Yang di-Pertua. *[Sorak]*
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah perjalanan Mesyuarat ke atas Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari kawasan Pokok Sena.

Dengan ini, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Oktober 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ,
Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S.,
B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P.,
S.M.J, P.I.S (Bakri)
- ” Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’
Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin
Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P.
(Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul
Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K.
(Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M.
(Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka
Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri
bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid,
D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein,
D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk
Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim,
D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah,
D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin
Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad,
P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)

- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tajah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ *Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)*
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)

- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- ” Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)

- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)

- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” *Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)*
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad,
P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin
Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 62

Rabu

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI

PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 26)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):	
• Penyalahgunaan Kuasa Pihak Polis Terhadap Perhimpunan Aman Di Kampung Jalan Kebun, Klang - <i>Y.B. Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]</i>	(Halaman 29)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3):	
• Penyalahgunaan Kuasa Pihak Polis Terhadap Perhimpunan Aman Di Kampung Jalan Kebun, Klang - <i>Y.B. Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]</i>	(Halaman 120)
RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan Usul Anggaran Pembangunan 2001	(Halaman 36)